

93-2352

IBNU HASYIM

Konflik
UMNO
PAS

Satu penyelesaian menurut

ISLAM

PERPUSATKAN NEGARA MALAYSIA

20 JUL 1993

Cetakan pertama: 1993

© Hakcipta GG Edar

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit dan penulis.



Diterbitkan oleh:

GG Edar

28, Jalan Pahang Barat,
Islamic City,
53000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-4227325

Atur huruf:

Lukman Typesetting

Tel: 03-4110928

Dicetak oleh:


BROTHER PRESS LTD. PART
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

APB 721233

Motto:

"DAN berpegang teguhlah kamu semua dengan tali Allah, dan janganlah kamu berpecah belah."

Ali-Imran:103



Ceramah PAS bersejarah 1992, Kota Bharu Kelantan. Kira-kira 100 r



rakyat membanjiri stadium kota tersebut.

Wahai Politikus!

*Wahai politikus...
bukan politikus tikus
tikus kelabu membaiki labu
tikus pening melihat kucing
tikus yang sentiasa menikus.*

*Bukan politikus tempang
mengamuk dengan keris terbilang
sesama agama begitu lantang
tercampak tengkolok terbuang.
Berderai kokoknya macam nak terbang
ekornya bernajis bergelumang.*

*politikus sebenarnya...
politikus sanggup goncang dunia
goncang kezaliman tuntutan keadilan.
membawa bendera damai
kerana Islam ertinya damai,
bagaikan purnama cahayanya
menghambat kelam malam.*

Ibnu Hasyim
Kuala Lumpur
18 Jan 1993.

Kandungan

| | | | | | | | |
|---------------------------|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|
| * Penerbit | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 8 |
| * Dari Penulis | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 10 |
| 1. Aqidah | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 13 |
| 2. Cara Hidup | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 23 |
| 3. Berhala Sekular | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 31 |
| 4. Nasionalisme | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 50 |
| 5. Perlembagaan Dan Hudud | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 59 |
| 6. Sultan | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 86 |
| 7. Raja Adil? | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 108 |
| 8. Sanggah | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 120 |
| 9. Penyelesaian | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 132 |
| * Lampiran I | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 157 |
| * Lampiran II | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 167 |
| * Lampiran III | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 190 |
| * Lampiran IV | ... | ... | ... | ... | ... | ... | 202 |

Penerbit

DENGAN Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah. Kali ini Ibnu Hasyim membongkar persoalan dasar yang ada kaitan dengan wujudnya masalah semasa, seperti kekebalan raja-raja dan hudud. Ia membentangkan jalan penyelesaian yang wajar. Penyelesaian yang sepatutnya difikirkan oleh pemimpin-pemimpin politik di Malaysia.

Walaupun Ibnu Hasyim atau nama sebenarnya Haji Muhammad Haji Hashim memegang beberapa jawatan di dalam PAS di peringkat cawangan, kawasan, negeri dan pusat, tetapi menurutnya pendapat itu bukan pendapat partinya. Walaupun penjelasan-penjelasan yang diberikan kadang-kadang melalui pengalaman dan kajiannya di dalam dan luar negeri, sebagai calon PAS di DUN Teluk Bahang 1986, DUN Bayan Lepas 1990, YDP PAS Kawasan Parlimen Balik Pulau sejak dari penubuhannya dari 1986 hingga sekarang, Pengerusi Lujnah Ekonomi Dan Pembangunan PAS Negeri Pulau Pinang dan lain-lain, namun itu hanya secara kebetulan bersamaan pendapat.

Antara bukunya yang telah diterbitkan oleh GG Edar ialah:

- i. Personaliti Muslim (1991).
- ii. Personaliti Perkahwinan (1992).

- iii. 1950-2000 Sejarah Kebangkitan Dan Masa Depan PAS Kuasai Malaysia? (1993).
- iv. Konflik UMNO, PAS Satu Penyelesaian Menurut Islam. (1993).

Insy Allah, kita akan menerbitkan buku-bukunya terus. Sumbangan dari pembaca-pembaca sangat-sangat diharapkan dan tidak akan dilupakan!

Salam penerbit,

GG Edar
28 Jalan Pahang Barat,
Islamic City,
Kuala Lumpur.

Dari Penulis

KRISIS Perlembagaan bukanlah perkara baru di Malaysia. Ianya bermula sejak dari mencapai kemerdekaan hingga kini. Beberapa pindaan terpaksa diwujudkan dan diubahsuai dari semasa kesemasa. Sebabnya ialah kerana perlembagaan itu adalah perlembagaan ciptaan manusia yang sentiasa terdapat kekurangan.



PENULIS

Di situlah bermulanya titik-titik perpisahan antara golongan yang sama-sama menuntut kemerdekaan berpisah menjadi dua kumpulan. Satu, kumpulan yang mahukan perlembagaan Islam dan satu lagi kumpulan yang mahu kepada perlembagaan warisan penjajah. Di sinilah perbezaan besar antara UMNO dan PAS. Penulis menonjolkan perbezaan-perbezaan tersebut dari sudut Islam dan pengalaman sejarah. Supaya dapat dilihat kelemahan masing-masing. Buang yang keruh dan ambil yang jernih. Menghentikan perbalahan dan memilih perpaduan seperti yang dikehendaki oleh Pencipta manusia itu sendiri.

Disebabkan manusia tidak memilih cara hidup yang ditentukan oleh-Nya termasuk perlembagaan-Nya, maka terdapatlah berbagai krisis demi krisis. Wujudnya siapa kebal dan siapa tidak kebal menurut pemikiran masing-masing. Terdapat desakan untuk melaksanakan hudud apabila terdapat kegagalan undang-undang manusia dalam soal jenayah dan sebagainya. Sedangkan hudud cuma sebahagian kecil dari perundangan dan perlembagaan Islam. Oleh itu bagaimanakah penyelesaiannya? Bolehkan UMNO dan PAS bersama kembali? Penulis cuba mencari punca dan jalan penyelesaian...

Buku ini penulis persembahkan keharibaan pembaca sebagai lanjutan dari buku sebelumnya, '1950-2000 Sejarah Kebangkitan Dan Masa Depan PAS Kuasai Malaysia?' Terpulanglah kepada pembaca untuk menilainya.

Yang baik adalah dari Allah dan yang lemah adalah dari diri penulis sendiri. Yang baik penulis menyokong dan menasihati, dan yang terlalu tidak baik penulis mengkritik dan membantahnya...


Salam hormat dari penulis,

Ibnu Hasyim

Bayan Lepas 1993.



Lambang UMNO



Lambang PAS

Aqidah

1

AQIDAH Islam ertinya ketaatan dan rasa tanggungjawab terhadap Allah. Menyerah diri kepada Allah. Mengorbankan kehendak diri untuk memenuhi kehendak Allah. Menyerah diri kepada pemerintahan dan kerajaan Allah. Juga menyerah kesemua urusan hidup kepada Allah.

Seorang Muslim mengutamakan nasihat dan pengajaran dari Allah. Ia membelakangkan pemikiran dan pendapatnya sendiri yang bertentangan dengan kehendak Allah. Ia merujuk semua perkara kepada Kitab Allah SWT dan Hadith SAW. Melakukan apa yang disuruh, mengawal diri dari sesuatu yang dilarang dan tetap menolak sebarang perkara yang bertentangan dengan Kitab Allah dan Hadith Rasul SAW.

Bila kalimat 'La ilaha Illallah' dilafazkan bermakna seseorang itu menerima hanya undang-undang Allah dan Allah sajalah penaung dan pemerintah baginya. Bererti, ia juga yakin dan mengaku apa yang diterangkan oleh al-Quran dan as-sunnah adalah betul dan benar belaka tanpa ragu-ragu lagi. Ia tidak layak menyatakan dirinya Muslim selagi ia masih mengutamakan pandangannya sendiri,

mengutamakan adat kebiasaan yang membelakangkan al-Quran dan as-sunnah.

Jika ia masih mengaku Muslim juga, samalah seperti si buta yang mengaku dapat melihat. Ucapan dua kalimah syahadat itu bererti 'Tiada tuhan melainkan Allah' dan 'Nabi Muhammad SAW itu pesuruh atau utusan Allah'. 'Allah' dalam kalimat ini bererti 'Tuhan. Dialah Tuhan yang merupakan Tuan, Pencipta, Pemberi Rezeki dan lain-lain. Hanya kepada Dialah sahaja, yang layak diperhambakan diri. Allah sahajalah yang Maha Berkuasa. Dialah Tuhan manusia dan alam semesta.

Segala kepunyaan manusia bahkan apa yang dipunyai oleh dunia seluruhnya adalah kepunyaan Allah SWT. Dialah tempat memohon segala pertolongan. Hanya Dia saja yang layak menerima sujud dan pengabdian diri. Allahlah Pentadbir mutlak diri manusia. Kewajipan sebenar manusia terhadap-Nya, hanyalah melakukan suruhan-Nya, mentaati undang-undang dan peraturan-Nya. Diri manusia yang terbina dari jasad dan roh adalah hak Allah. Segala kepunyaannya dan segala apa yang ada didunia adalah kepunyaan Allah.

Maka adalah sesuatu yang bodoh apabila manusia mengaku berhak ke atas benda-benda yang bukan dimiliki olehnya. Dialah pemilik ulung dan tuan atas segala-galanya. Maka apa saja benda-benda yang diamanahkan kepada manusia hendaklah diurus dan digunakan mengikut peraturan yang ditetapkan-Nya. Bahkan manusia sendiri adalah ciptaan-Nya hendaklah mengikut peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Penciptanya. Pencipta lebih tahu peraturan dan syarat-syarat untuk

keselamatan barang ciptaannya.

Hanya manusia bebal dan tuli saja yang menggunakan barangan tetapi tidak mahu mengikut arahan dan peraturan pembuat barangan tersebut. Sama seperti mahu menjalankan motokar tetapi tidak mahu mengisi minyak atau gas seperti yang disyaratkan oleh pembuatnya. Atau pesakit yang berjumpa doktor tetapi tidak mahu mengikut peraturan makan ubat seperti yang ditetapkan oleh doktor. Oleh itu tidak hairanlah, jika kerosakan berlaku di muka bumi ini adalah akibat dari tangan manusia sendiri yang tidak mahu mengikut peraturan-peraturan Penciptanya.

Maka layaklah mereka yang memegang amanah tetapi mengingkari peraturan pemberi amanah, atau mereka yang dicipta tetapi mengingkari aturan Pencipta itu, dipanggil penderhaka. Bagi seseorang Muslim andainya jiwa mereka terkorban kerana mematuhi kehendak Allah atau Pemiliknya, maka itu adalah sepatutnya kerana ia adalah merupakan tugas dan kewajipan kepada Pemiliknya. Tetapi jika jiwa mereka terkorban kerana menunaikan tugas yang bertentangan dengan arahan dan peraturan Allah SWT, maka perbuatan itu adalah satu pengkhianatan terhadap Pencipta atau Tuannya sendiri.

Oleh itu jelaslah bahawa kepercayaan atau beriman kepada Allah adalah diasaskan kepada dua perkara:

Pertama, beriman tentang Rububiatullah. Iaitu beriman bahawa Allah itu sahajalah yang mencipta dan menjadikan makhluk ini. Dialah yang menghidupkan dan mematikan. Dialah juga yang bersifat dengan sifat-sifat ketuhanan yang layak dan sepatutnya.

Kedua, beriman tentang Uluhiatullah. Iaitu beriman

bahawa Allah sahajalah yang layak dipuja dan disembah dengan sebenar-benarnya. Tidak layak dan tidak patut sama sekali disembah atau dipuja selain dari Allah. Tidaklah patut orang-orang Islam mengambil dan memuja cara hidup lain, undang-undang dan sistem lain selain dari yang diturunkan Allah dan Rasul-Nya. Yakni cara hidup yang bercanggah dengan Islam.

Apa yang paling hebat melanda umat Islam sekarang ialah cara hidup yang lahir dari faham sekular atau sekularisme. Iaitu seperti sistem kapitalis, nasionalis, pragmatis, komunis, sosialis atau lain-lain cara pemerintahan yang menolak al-Quran dan as-sunnah sebagai perlembagaannya. Pernah Lembaga Urusan Dan Tabung Haji Malaysia menyebarkan risalah kepada jamaah haji terbitan dan terjemahan dari Jabatan Kajian Ilmiah Fatwa Dan Dakwah kerajaan Arab Saudi berbunyi:

'Barangsiapa yang mengiktihadkan bahawa petunjuk lain dari petunjuk yang dibawa Nabi SAW lebih sempurna dari petunjuk Nabi, atau hukum buatan manusia lebih baik dari hukum-hukum Nabi, seperti orang yang mengutamakan hukum taghut daripada hukum Nabi SAW, mereka adalah kafir. Termasuk dalam hal ini perkara berikut:

- a. Iktihad bahawa sistem dan undang-undang buatan manusia lebih utama dari syariat Islam, atau sistem Islam tidak layak dilaksanakan lagi dalam kurun ke 20, atau Islam boleh menyebabkan kemunduran umatnya. Atau beranggapan bahawa Islam itu hanya terhad kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan hubungan peribadi seseorang dengan Tuhannya sahaja, tidak termasuk perkara yang berhubung dengan lain-lain urusan hidup (umpamanya politik, ekonomi, sosial dan

lain-lain).

- b. Berpendapat bahawa pelaksanaan hukum-hukum Allah seperti potong tangan pencuri atau rejam pezina muhsin tidak sesuai lagi di zaman sekarang.
- c. Iktiqad bahawa harus dijalankan hukum-hukum yang diturunkan oleh Allah dalam bidang-bidang muamalat, syariah, hudud atau sebagainya, walaupun ia tidak menganggap bahawa hukum-hukum itu lebih baik dan utama dari hukum-hukum syarak. Kerana iktiqad demikian bererti ia mengharuskan perkara yang diharamkan oleh Allah mengikut Ijmak. Dan setiap orang yang mengharuskan apa yang diharamkan Allah daripada perkara yang diketahui haramnya dalam agama, seperti zina, arak, riba dan menjalankan hukum-hukum yang selain dari hukum Allah, maka yang mengharuskannya adalah kafir mengikut Ijmak. Sila lihat buku 'Dalil Al-Hajj Walmuktamir Wazair Masjid Rasulullah SAW.

Begitu juga kitab 'Mustika Hadith SAW Jilid Pertama (Bahagian Iman)' terbitan Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Malaysia, yang menggariskan lebih luas lagi beberapa perkara yang boleh merosakkan iman dan Islamnya seseorang.

Pertama:

Iktiqad kepercayaan yang bertentangan dengan dasar-dasar Islam. Yaitu:

1. Iktiqad bahawa alam ini qadim. Tidak ada penciptanya. Atau alam ini kekal selama-lamanya.
2. Iktiqad bahawa alam ini baharu, atau menyerupai mana-

mana jenis makhluk, atau bersifat dengan sifat-sifat baharu. Ataupun mempunyai anak isteri, atau berbilang-bilang, atau menerima mati.

3. Iktiqad menafikan kebenaran apa yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Atau iktiqad bahawa Nabi Muhammad SAW yang sebenar ialah Muhammad yang batin bukan Muhammad yang zahir. Atau iktiqad bahawa kerasulan Nabi Muhammad SAW hanya untuk orang-orang Arab sahaja. Atau iktiqad bahawa hukum-hukum Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW ialah hukum-hukum lapuk yang tidak sesuai dengan keadaan zaman. Atau iktiqad mengingkari mana-mana Rasul Tuhan. Atau iktiqad bahawa ada lagi nabi dan rasul lain yang diutus oleh Allah membawa syariat sesudah Nabi Muhammad SAW Khotam an-Nabiyin.
4. Iktiqad bahawa tidak ada dosa dan pahala. Tidak ada syurga dan neraka. Tidak ada bangkit hidup semula sesudah mati. Tidak ada Hari Kiamat dan segala perkara yang berlaku padanya.
5. Iktiqad bahawa roh orang mati berpindah-pindah dari satu tubuh ke satu tubuh yang lain.
6. Iktiqad agama kafir lebih baik dari agama Islam.
7. Perasaan ragu-ragu terhadap mana-mana satu dari perkara-perkara yang tersebut di atas.
8. Berbalik-balik hati antara hendak menjadi kafir atau tidak, atau bercita-cita hendak menjadi kafir pada masa yang akan datang.

Kedua:

Menyebutkan dengan perkataan. Iaitu tiap-tiap perkataan yang mencaci, menghina, merendah-rendah, mengejek-ngejek dan mempermainkan nama Allah, sifat-sifat-Nya, Malaikat-malaikat-Nya, Rasul-rasul-Nya, Kitab-kitab-Nya, Ayat-ayat-Nya dan hukum-hukum-Nya. Serta hukum-hukum yang diterangkan oleh Rasul-Nya. Juga perkataan yang menolak, menafi dan mengingkari segala perkara yang sekata alim ulama menthabitkan atau menafikan, serta diketahui oleh orang ramai bahawa perkara itu dari agama. Misalnya seperti katanya mengenai mana-mana hukum Islam:

1. "Hukum apa ini?"
2. "Hukum ini sudah lapuk."
3. "Zaman sekarang tak patut diharamkan riba kerana menghalang kemajuan."
4. "Dalam zaman yang serba maju ini, kaum wanita tak perlu dibungkus-bungkus."
5. "Berzina kalau suka sama suka apalah haramnya?"
6. "Minum arak kalau dengan bertujuan menyihatkan badan untuk beribadat apa salahnya?"
7. "Berjudi kalau masing-masing sudah rela menerima untungruginya apa salahnya?"
8. "Kalau hendak sangat menurut hukum-hukum Islam, sampai kiamat kita tak maju."
9. Berkata: "Perbuatan demikian tidak beradab," apabila diceritakan bahawa Nabi SAW selepas makan menjilat sisa makanan di jarinya.

10. Berkata: "Aku tak mahu memotong kuku sekalipun sunnah," apabila diberitahu bahawa memotong kuku adalah sunnah.
11. Berkata: "Si anu dah mula menyalak," semasa ia mendengar azan.
12. Membaca ayat-ayat suci, hadith nabi dan nama-nama Tuhan dengan cara mempersenda dan mempermain-mainkannya.
13. Kata-kata mengkafirkan seseorang Islam, pada hal orang itu tidak diyakini ada padanya sesuatu sebab yang menjadikannya kafir sebagaimana yang diterangkan oleh hadith Ibnu Umar yang diriwayatkan oleh Muslim.
14. Kata-kata menggantungkan jadi kafir dengan sesuatu keadaan. Misalnya:
 - i. Seseorang dituduh melakukan sesuatu perkara, lalu ia berkata: "Kalau aku lakukan perkara itu jadilah aku kafir." Sekiranya ia berdusta, iaitu telah melakukan perkara yang dituduh maka jadilah ia kafir. Kecuali kata-katanya itu dituturkan dengan tujuan hendak melepaskan diri dari tuduhan sahaja. Bukan dengan tujuan redha menjadi kafir. Walaupun demikian ia telah melakukan dosa besar jika tidak melakukannya. Ia tidak menjadi kafir kerana perkataan itu memberi erti tidak tetapnya keazaman berpegang teguh kepada agama Islam.
 - ii. Seseorang diingatkan supaya jangan berzina, lalu ia berkata: "Kalau aku berzina kafirlah aku." Sekiranya dituturkan dengan tujuan tidak redha

mencemarkan diri dengan zina seperti tidak redhanya menjerumuskan diri menjadi kafir, maka tidaklah ia menjadi kafir. Tetapi berdosa dengan alasan tersebut. Sekiranya dituturkan dengan tujuan redha menjadi kafir dan perbuatan itu memang dilakukannya, maka dengan kata-kata tersebut jadilah ia kafir. Kerana apabila seseorang Islam redhakan kufur, maka jadilah ia kafir (murtad). Wal'iyazu billah. Hukum tersebut terkandung dalam hadith Thabit Ibnu Ad-dhahak, diriwayatkan oleh Muslim dan Ibn Majah. Ketiga: Melakukan dengan perbuatan. Yaitu:

- a) Melakukan perbuatan untuk menghormati dan mengagungkan mana-mana makhluk dengan cara yang ditentukan hanya untuk membesar dan mengagungkan Allah. Umpamanya sujud kepada makhluk walaupun tidak dengan niat untuk menghormatinya sama seperti Tuhan. Atau tunduk kepada mana-mana makhluk hingga sampai kepada had sekurang-kurangnya rukuk sembahyang, dengan tujuan menghormatinya seperti menghormati Allah. Kalau tidak dengan tujuan tersebut maka tidaklah menjadikannya murtad, tetapi hukumnya tetap haram.
- b) Melakukan upacara ibadat terhadap sesuatu makhluk yang disembah oleh orang-orang kafir menurut upacara mereka.
- c) Melakukan mana-mana cara ibadat terhadap yang lain dari Allah Azzawajalla.
- d) Meletakkan ayat-ayat suci, hadith-hadith Nabi,

nama-nama Tuhan, Rasul-rasul-Nya, Malaikat-malaikat-Nya, ilmu-ilmu agamadi tempat najis atau kotor dengan tujuan menghina dan merendah-rendahkannya. Kalau tidak dengan tujuan tersebut hukumnya tetap haram. Demikian juga haram menggunakan kertas-kertas bertulis ayat-ayat suci, hadith-hadith nabi dan nama-nama Allah serta ilmu agama untuk membungkus, mengesat serta menyapu sesuatu. Kalau perbuatan itu dilakukan dengan tujuan menghina atau mempersenda-sendakannya, maka pelakunya itu menjadi murtad.

- e) Meninggalkan sembahyang. Yakni meninggalkan sembahyangfardhu kerana ingkar wajibnya.

Oleh itu seorang Muslim sejati hendaklah meletakkan seluruh hidupnya di bawah naungan dan perlembagaan al-Quran seperti yang dihayati dan dihidupkan oleh Rasul-Nya Muhammad SAW. Imam Hasan Al-Banna tokoh gerakan Islam Ikhwanul Muslimin menggariskan prinsip-prinsip perjuangan Islam zaman mutakhir ini kepada lima prinsip:

- i. Allah matlamat kami
- ii. Rasul pemimpin kami
- iii. Al-Quran perundangan kami
- iv. Jihad jalan kami, dan
- v. Syahid cita-cita kami.

Cara hidup

2

SEORANG pemuda tertarik kepada seorang gadis untuk dikahwininya. Lebih-lebih lagi ia tertarik pada hidungnya yang mancung memikat hati. Pinangan dibuat dan majlis aqad nikah pun bermula. Bagaimana akan dijalankan pernikahan jika si jejaka tersebut cuma mahu hidungnya sahaja? Tidak mahu yang lain. Anih bukan?

Begitulah juga keanihan orang yang mahu Islam cuma sebahagian dari juzuk-juzuk tertentu sahaja. Mereka mahu nilai-nilai yang baik sahaja dari Islam, tetapi tidak mahu perundangan Islam. Bagaimana mahu nilai-nilai baik, sedangkan peraturan dan perundangannya tidak mahu dilaksanakan? Bagaimana mahu menjalankan kereta sedangkan peraturan mengisi minyak oleh pembuat kereta tidak mahu dipatuhi? Samalah seperti mahu manis tapi tidak mahu gulanya. Atau mahu pedas tapi tidak mahu cilinya. Apakah mereka mengiktihadkan bahawa dalam Islam itu ada nilai-nilai yang tidak baik? Sebab itu mereka tidak mahu kesemuanya kerana ada nilai-nilai yang tidak baik itu? Amat bahaya iktihad itu.

Apakah mereka mahu Islam hanya untuk mengutip

zakat fitrah, bank, universiti, insuran atau menabung haji orang Islam sahaja? Juzuk lain yang disangka rugi tidak mahu dilaksanakan? Mereka mengatakan Islamisasi itu seolah-olah sudah Islam semuanya. Bergegarlah hon kereta Islam berbunyi seolah-olah sudah siap keretanya. Pada hal mereka baru ada honnya sahaja, yang boleh ditampal dimerata-rata.

Mereka lupa bahawa mereka seperti pemuda tadi menyangka hidung gadis itu saja yang menarik. Mereka tidak cerdik dan tidak mengetahui bahawa banyak lagi khazanah-khazanah lain tersembunyi yang lebih menarik apabila mereka menerima semuanya.. Jangan mereka melihat Islam dengan mata sepet yang tertutup sebelah. Mereka menyangka Islam itu sempit kerana mata mereka sempit atau melihat dari sudut yang sempit. Melihat semua alam gelap gulita kerana memakai kaca mata gelap. Mereka melihat Islam dari sudut pengertian agama hanya kepada sembahyang, puasa, zakat, haji, nikah cerai, haidh nifas, harta pusaka, atau perayaan-perayaan setiap tahun. Tidak lebih dari itu?

Mereka tidak memahami Islam sebagaimana yang difahami oleh Rasulullah SAW, para sahabat dan para ulama sholihin. Itulah Islam sebagai ad-deen atau satu cara hidup. Islam merupakan peraturan hidup yang syumul atau menyeluruh. Undang-undang yang lengkap dalam semua urusan hidup manusia untuk diterima dan diamalkan semuanya tanpa sebarang syarat. Tidak boleh dipisahkan atau dijuzuk-juzukkan. Kalau mahu, ambil semua dan kalau tidak mahu tinggalkan semuanya.

Islam boleh menyelesaikan segala masalah manusia dan masyarakat. Tapi janganlah jadikan Islam sebagai alat

untuk menampal atau memperbaiki rumah usang yang hampir roboh. Menggunakan Islam untuk menampal, memperbaiki atau menyelesaikan masalah yang ditimbulkan oleh sistem bukan Islam yang diamalkan sekarang, adalah mempermain-mainkan agama Allah. Bukan dengan jalan menampal tapi hendaklah dibina baru.

Membina Islam di atas runtuhannya yang bukan Islam. Bukan membina satu bank Islam contohnya, tetapi membiarkan tumbuhnya berpuluh-puluh lagi bank yang lain. Menyuruh yang baik dan mencegah yang mungkar. Bukan menyuruh yang baik sahaja sedangkan kemungkaran terus berleluasa. Mereka cuba jadikan Islam sebagai alat untuk menyelesaikan masalah ekonomi, pelajaran, jenayah, keruntuhan moral dan lain-lain. Kegagalan menyelesaikannya disalahkan kepada Islam, sedangkan mereka tidak mahu melaksanakan cara hidup Islam secara menyeluruh. Apakah cara hidup yang lengkap itu? Ustaz Said Hawa dalam bukunya 'Al-Islam' Jilid Satu mengatakan:

'Ad-deen Islam ialah pegangan yang lengkap sempurna, merangkumi jurusan-jurusan ibadat, panduan hidup dan lain-lain perkara yang boleh menjamin wujudnya hal-hal tersebut.

- i. Pegangan yang lengkap (aqidah) itu termasuk: Beriman dengan Allah, malaikat, kitab, rasul, hari kemudian dan percaya kepada qadad da qadar.
- ii. Ibadat termasuk: Sembahyang, zakat, puasa dan haji.
- iii. Jalan atau panduan hidup termasuk: Sistem politik, ekonomi, ketenteraan, pelajaran, pembentukan akhlak dan sistem pergaulan.

Perkara yang boleh menjamin wujudnya hal tersebut ialah: Jihad, menyuruh berbuat baik, mencegah kemungkaran, hukuman dan siksa.'

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan sesiapa yang mencari selain dari Islam sebagai agama atau cara hidup, maka tidak akan diterima darinya, dan diakhirat termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi."

Ali-Imran:85.

"Maka adakah selain dari agama Allah (Islam) mereka mencari? Padahal kepada-Nya sahaja, berserah dan tunduk mereka yang di langit dan di bumi, secara rela dan terpaksa, dan kepada-Nya mereka kembali."

Al-Imran: 83

"Di hari ini Aku sempurnakan bagi kamu Agama kamu dan Aku sempurnakan ke atas kamu nikmat-Ku, dan Aku redha bagi kamu Islam sebagai Agama."

Al-Maidah: 3

Islam adalah peraturan dan cara hidup terbaik kekal abadi, yang memberikan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Sebab itulah Allah menjadikan sistem dan cara hidup yang mesti diterima oleh seluruh umat Islam dalam semua urusan. Tidak boleh ditukar ganti dengan peraturan yang lain walau dalam apa keadaan sekalipun. Islam telah lengkap sempurna dengan semua hukum dan penyelesaian dalam semua perkara. Tiada apa-apa yang tertinggal hukumnya. Malah semuanya terdapat dalam Islam.

Firman Allah SWT ertinya:

"Tidak Kami cukaikan dalam al-Quran dari sesuatu."

Al-An'am: 38

"Dan kami turunkan ke atas engkau al-Quran sebagai keterangan dan penjelasan bagi segala sesuatu."

Al-Nahl: 89

Tegasnya Islam merupakan suatu cara hidup yang lengkap meliputi semua urusan manusia. Dalam al-Quran terdapat ayat-ayat hukum kenegaraan, pemerintahan, politik atau pertalian kuasa, sebagaimana juga terdapat di dalamnya mengenai sembahyang dan ibadat, jihad dan perang, muamalat dan urusan harta atau ekonomi, kehakiman dan lain-lain.

Maka kerana itulah ditubuhkan sebuah jamaah atau gerakan Islam bernama Parti Islam Se Malaysia atau ringkasnya PAS oleh ulama-ulama di negara ini:

"... demi untuk menyempurnakan taqwa kepada Allah dan kebaktian sesama manusia, yang dijadikan bagi menegakkan Al-Amru Bil Ma'ruf Wan Nahyu 'Anil Mungkar dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara...'

Sila rujuk Perlembagaan Parti Islam Se Malaysia (PAS) Pindaan 1987. Dalam Fasal 3 perlembagaan tersebut dinyatakan 'Dasar PAS ialah Islam.' dan 'Seruan PAS ialah Allahu Akbar' dalam Fasal 4. Dalam Fasal 5 tertera tujuan-tujuannya, iaitu:

1. Memperjuangkan wujudnya dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah.
2. Mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara. Usaha-usaha untuk mencapai

tujuan tersebut telahpun digariskan dalam Fasal 6 iaitu:

- a) Menyeru umat manusia kepada Syariat Allah dan sunnah Rasul-Nya, melalui dakwah secara lisan, tulisan dan amalan.
- b) Memperjuangkan Islam sebagai aqidah dan syariah serta menjadikannya sebagai panduan berpolitik dan bernegara. Juga memperkenalkan nilai-nilai keIslaman dalam usaha menegakkan keadilan dan kemajuan di segenap bidang. Termasuk pemerintahan dan pentadbiran, ekonomi dan sosial, serta pelajaran dan pendidikan.
- c) Memupuk dan memperkuatkan ukhwah Islamiah. Menyuburkan rasa perpaduan di kalangan rakyat bagi memelihara kehidupan politik, masyarakat sihat dan berkeadilan.
- d) Mengajak dan menggalakkan badan-badan, pertubuhan, perseorangan bagi mengenal, memahami serta memperjuangkan konsep dan pandangan hidup Islam.
- e) Menyediakan rencana bertindak bagi memperbaiki susunan, institusi masyarakat, bentuk politik, keadilan ekonomi dan negara, untuk membela kepentingan umat Islam dan rakyat seluruhnya.
- f) Menyertai dan bekerjasama dengan badan-badan, persatuan atau pertubuhan yang tidak berlawanan tujuannya dengan PAS, selama ianya mustahak, sesuai dan tidak bercanggah dengan undang-undang negara.
- g) Mempertahankan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara yang tunggal dalam amalannya, di samping berusaha mengembangkan bahasa al-Quran.

- h) Memperjuangkan wujudnya kebudayaan negara berasaskan nilai-nilai yang tidak bercanggah dengan ajaran al-Quran.
- i) Memperjuangkan hak kepentingan umat Islam di negara ini tanpa mengabaikan tanggungjawab melaksanakan keadilan terhadap seluruh rakyat Malaysia. Juga tanggungjawab mewujudkan keharmonian antara kaum dalam negara ini.
- j) Menyertai, bekerjasama dengan Bangsa-bangsa Bersatu dan badan-badan lain yang sah bagi mengekalkan keamanan dan menjamin hak-hak asasi manusia. Serta menghapuskan segala macam kezaliman, kepalsuan, perhambaan dan penindasan di kalangan umat manusia.
- k) Melakukan apa jua usaha dan tindakan dalam batas-batas Perlembagaan dan undang-undang negara, bagi mencapai semua tujuan-tujuan PAS ke dalam dan keluar.

Apa yang penting dan jelas sebagai yang dikehendaki oleh ad-deen Islam iaitu tentang hukum dan kekuasaan seperti yang digariskan oleh PAS dalam Fasal 7.1:

'Adapun hukum yang tertinggi sekali dalam pegangan PAS ialah Kitabullah dan sunnah Rasul, serta ijmak ulama dan qias yang terang dan nyata, dengan tertakluk kepada hukum yang tertinggi itu kekuasaan PAS adalah dipegang oleh Muktamar Tahunan.'

Bagi menjamin kekuasaan PAS seperti yang tertera dalam perlembagaannya, maka ditubuhkan sebuah majlis yang dinamakan 'Majlis Syura Ulama'. Di mana syarat-syarat yang wajar dikenakan kepada ahli-ahli majlis syura

tersebut. Antaranya seperti yang tercatat dalam Fasal 7.4.a berbunyi:

'... hendaklah seorang yang mengetahui masalah-masalah pokok (al-usul) dalam syariat Islam dan hukum-hukumnya, atau/dan dapat merujuk masalah-masalah itu kepada al-Quran, as-sunnah dan kitab-kitab yang muktabar, yang bersumberkan al-Quran, as-sunnah, ijmak dan qias, dengan faham akan maksud dan maknanya yang muktabar, dan hendaklah seseorang yang adil, yakni tidak melakukan dosa besar atau terus menerus melakukan dosa kecil, dan hendaklah terpelihara maruahnyanya, serta hendaklah seorang ahli PAS.'

Majlis Syura Ulama memilih ketuanya yang dikenali sebagai Mursyid Am seperti yang tercatat dalam Fasal 7.4.d.

Dengan melihat kepada perlembagaannya dan peranannya di dalam negara, serta diiktiraf oleh gerakan-gerakan Islam peringkat tarabangsa, maka jelaslah bahawa PAS adalah sebuah harakah Islam paling berpengaruh di Malaysia, telah cuba bersungguh-sungguh untuk melaksanakan cara hidup Islam yang syumul. Sila rujuk '1950-2000 Sejarah Kebangkitan Dan Masa Depan PAS Kuasai Malaysia?' terbitan GG Edar 1993.

Berhala sekular

3

BERHALA, ditakrifkan oleh ulama terbahagi kepada dua. Pertama 'berhala lahir'. Iaitu berhala dalam bentuk lembaga yang dapat dilihat, bermacam-macam jenis, bentuk dan bahannya. Kedua, 'berhala batin' berupa fahaman, ajaran, ideologi dan apa-apa cara hidup ciptaan manusia dari semasa ke semasa yang bertentangan dengan Islam.

Kesemua berhala-berhala itu digolongkan sebagai 'taghut' yang boleh mensyirikkan manusia. Firman Allah SWT:

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Rasul pada tiap-tiap umat (untuk menyerukan), sembahlah Allah (sahaja), jauhilah taghut itu, maka di antara umat itu ada orang-orang yang diberi petunjuk oleh Allah, dan ada pula di antaranya orang-orang telah pasti kesesatan baginya. Maka berjalanlah kamu di muka bumi dan perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang mendustakan (rasul-rasul)."

An-Nahl: 36.

Apa dia 'sekular'?

Sekular berasal dari perkataan Latin iaitu 'saeculum'

yang bererti 'suatu generasi atau zaman'. Dalam hubungan dunia Kristian khususnya di barat, sekular bermaksud 'dunia ini'. Yang bertentangan dengan gereja. Yakni sesuatu yang menjadi milik dunia sekarang sahaja, dan tidak berhubung langsung dengan ajaran agama, atau sebarang urusan mengenai agama atau menolak agama.

Dalam pengertian yang lebih luas, ia merujuk kepada sesuatu yang dimiliki atau bersangkutan dengan alam dunia lahiriah ini sahaja. Tidak bersangkutan dengan alam abadi. Yakni semata-mata merujuk kepada dunia ini dan pada masa kini. Jadi, perkara pokoknya ialah 'pemisahan negara dari agama'. Agama adalah urusan peribadi semata-mata. Tidak mempunyai urusan dengan kehidupan dunia. Iaitu kehidupan politik, ekonomi dan sosial.

Menurut sekularisme, manusia adalah bebas dari asuhan agama dan ketetapan dari Yang Maha Berkuasa. Dengan itu sekularisme menganjurkan kebebasan insan mengubah aqidah atau nasibnya sendiri, menentang sebarang penetapan dalam kepercayaan dan cara hidup beragama. Maka tepatlah ia termasuk dalam lingkungan berhala yang menjadi sembah dan anutan manusia. Sebab itulah sekularisme amat bertentangan dengan Islam. Teras kepada berhala sekular itu ialah politik nasionalisme, kebangsaan atau assobiyah, ekonomi bebas atau *laissez faire*, dan falsafah individualisme, orang seorang atau ke'aku'an.

Apinya terus merebak ke dalam masyarakat, membakar segala bahagian-bahagian kehidupannya. Seperti wujudnya pemujaan kepada faham modenisme, kemajuan kebendaan atau pemujaan kepada hawa nafsu. Ada tiga sifat atau ciri-ciri berhala sekular itu:

Pertama:

Menafikan hal-hal kerohanian. Iaitu segala yang berkait dengan persoalan roh dan keagamaan mesti diusir keluar. Cuma yang tinggal ialah benda atau material. Dengan itu segala kegiatan hidup ditumpukan ke arah untuk mencapai darjah pengumpulan kebendaan yang paling tinggi.

Kedua:

Penafian terhadap kewibawaan atau *authirity* orang-orang yang berwibawa dalam kerohanian. Iaitu menolak ketokohan orang yang mempunyai kewibawaan dan kebolehan dalam agama, yang sekaligus mencabar kewibawaan para nabi dan aulia.

Ketiga:

Menafikan adanya nilai-nilai hidup atau norma yang tetap. Ini lahir dari anggapan bahawa agama itu adalah buatan manusia. Kerana itu tidak ada nilai-nilai yang tetap, yang ada ialah nilai-nilai yang sentiasa berubah-ubah, mengikut bangsa, masa dan tempat. Tidak ada lagi nilai-nilai yang *standart* atau tetap baik dan bermutu. Tidak ada lagi nilai universal, yakni menyeluruh dan sejagat, yang sah dan sesuai untuk semua manusia, pada semua tempat dan masa. Ini juga bererti menolak agama.

Melihat kepada sejarah kemunculan sekularisme, ia dilahirkan dalam sejarah Kristian pada abad pertengahan oleh zaman pembaharuan Eropah, pemberontakan kebangsaan dan perkembangan perindustrian di benua itu. Iaitu suatu tindak balas terhadap sikap gereja-gereja Katholik, dasar penguasaan dan kawalannya yang beku dan orthodox terhadap cara hidup bangsa Eropah.

seluruhnya. Gereja-gereja menguasai cara berfikir, corak pengetahuan serta dasar luar dan dalam negeri masa itu. Selepas tamatnya Perang Salib, umat Eropah memperolehi banyak pengajaran dan pengalaman baru dari dunia Islam.

Ini menimbulkan kesedaran untuk membebaskan diri dari kekuasaan gereja. Sekurang-kurangnya untuk menentukan dasar dalam negeri masing-masing. Hasil dari kesedaran itu tercetuslah pemberontakan nasionalis di Itali, Perancis dan Jerman. Kegiatan ilmu pengetahuan dan penyelidikan pada abad pertengahan itu berpusat di gereja. Semua pengajaran dan hasil penyelidikan dianggap salah, kecuali bersesuaian dengan pihak gereja.

Ramai ahli-ahli pengetahuan disiksa dan dihukum dengan kejam kerana mengemukakan hasil penyelidikan yang tidak mendapat restu gereja. Kesan dari keadaan inilah, timbulnya gerakan untuk membebaskan ilmu pengetahuan dari kekuasaan gereja Katholik. Gerakan pemisahan ini telah melahirkan penekanan ke arah penyelidikan di bidang ilmu tabii dan membiarkan bidang-bidang ketuhanan kepada gereja dan orang-orangnya.

Dengan itu umat Kristian berjaya memisahkan kehidupan bernegara dan kemajuan keilmuan daripada kawalan pihak gereja. Kemajuan ilmu menghasilkan kemajuan ekonomi dan polotik. Maka muncullah daripadanya sistem kapitalis yang menggantikan sistem feodal, yakni sistem penguasaan harta oleh tuan tanah atau kaum bangsawan. Dari kelemahan-kelemahan kapitalis memuncul pula sistem komunisme dan seterusnya sosialisme.

Kemajuan sains dan teknologi yang dicapai, perkem-

bangun industri yang pesat, kejayaan menguasai lebih banyak sumber kekuatan alam, kemunculan komunisme serta sosialisme, telah mengumpulkan keberanian dan kekuatan mereka untuk mengisytiharkan penentangan secara terus terang kepada agama Kristian dan nilai-nilainya. Maka secara beransur-ansur mereka mengkritik dan berusaha menghapuskan nilai-nilai itu. Meskipun begitu, mereka tidak dapat membanterasnya sama sekali.

Keadaan inilah akhirnya menyebabkan berlakunya pemisahan agama dari negara atau pemerintahan, politik dan pertalian kuasa, sehingga lahirnya kata-kata, 'Berikan hak Ceaser (pemerintah) kepada Ceaser dan berikan hak tuhan kepada tuhan (gereja)'. Tetapi akhirnya menjadi 'Berikan hak Ceaser kepada Ceaser dan berikan hak tuhan kepada Ceaser'. Ertinya tuhan tidak ada peranan lagi dalam urusan dunia ini. Kemuncak dari pertentangan ini berlaku dalam abad ke 19, apabila agama atau gereja disingkirkan terus dari campurtangan dalam politik, negara, ekonomi dan ilmu pengetahuan. Dengan ini jelaslah bahawa masyarakat moden Eropah dibentuk atas asas sekular.

Iaitu setiap negara menjauhkan agama, ahli-ahli agama atau pengaruh-pengaruh agama dalam menentukan:

- i. Dasar luar dan dalam negeri.
- ii. Corak pendidikan generasi baru di sekolah-sekolah dan universiti.
- iii. Aliran pendapat-pendapat menerusi surat khabar, radio, tv dan sebaran am. Bukan itu sahaja, masyarakat dan negara sekular berusaha melucutkan pemimpin agama, atau sekurang-kurangnya melupakan aliran dan ketentuan agama dalam masyarakat. Masyarakat

sekular ini berpegang kepada prinsip:

- a) Hendak memperbaiki hidup manusia hanya dengan cara material dan kebendaan.
- b) Kebenaran keduniaan dalam sekularisme adalah terlepas bebas dari ajaran wahyu dan kenabian.
- c) Segala penyelesaian dan huraian adalah berdasarkan kepadalogik, ilmu sekular yang bebas atau liberal, dan boleh diuji dengan fikiran atau pengalaman semata-mata. Tidak kepada dasar-dasar agama. Dengan itu ianya tenggelam di alam khayalan yang memisahkan dari Pencipta.

Fahaman berhala sekular ini terus menular, meresap, merebak dan membiak ke Asia Afrika dan negara-negara umat Islam melalui penjajahan barat. Hasilnya amat menakjubkan, kerana penentangan masyarakat orang Islam terhadap Islam lebih hebat daripada penentangan orang Eropah terhadap gereja mereka. Rupanya anak murid lebih hebat dari gurunya.

Umpamanya gerakan pembaharuan yang dilancarkan oleh Mustafa Kamal Ataturk di Turki, lepas perang dunia pertama. Beliau yang digelar Bapa Turki Moden atau Bapa Islam Moden telah mengisytiharkan negaranya sebagai 'negara sekular' pada tahun 1924. Dia menyatakan sebab Islam mundur adalah kerana 'campuraduk agama dengan negara'. Berjuta-juta gambarnya dicetak dan disebarikan oleh penjajah kafir ke seluruh dunia Islam bersama dengan kata hikmatnya, 'Jangan campurkan Islam dengan politik'.

Negara-negara Eropah tidak pernah mengabaikan secara melulu tradisi lamanya dalam menegakkan undang-

undang negara dan peraturan masyarakat. Tetapi malangnya di Turki dan negara-negara umat Islam lain, apabila mereka mengambil berhala sekularisme sebagai dasar negara, mereka cuba menjauhkan undang-undang Islam dalam masyarakat dan perhubungan antarabangsa. Usaha-usaha ini mengakibatkan hasil yang sangat buruk kepada masyarakat umat Islam.

Di Malaysia, kemasukan faham berhala sekular dapat dikesan bersama datangnya penjajah kafir Inggeris ke Tanah Melayu. Ia bermula dengan tandatangan Perjanjian Pangkor tahun 1874. Antara Sultan Perak iaitu Sultan Abdullah dengan Sir Andrew Clarke sebagai Gabenor Inggeris di Negeri Selat. Syarat penting dalam perjanjian tersebut ialah residen Inggeris akan menasihati Sultan dalam semua hal mengenai pentadbiran negeri. Kecuali mengenai agama Islam dan adat istiadat Melayu.

Tetapi pada perlaksanaannya nasihat itu mesti dipatuhi, walaupun kadang-kadang dalam hal agama dan adat. Perjanjian ini diperluaskan dengan terbentuknya Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1895. Kemudian kepada Negeri Melayu Tidak Bersekutu bermula dengan Kelantan tahun 1910, Johor tahun 1914, Terengganu tahun 1919, Kedah tahun 1923 dan Perlis pada tahun 1930. Dengan ini semua urusan pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang negeri terserah kepada Inggeris yang tentunya patuh kepada berhala sekular itu.

Sultan sudah hilang hak politik dan pemerintahan. Tidak berkuasa lagi mengawalinya. Maka bermulalah pemisahan antara agama dan negara. Malangnya perkara ini terus dikekalkan dalam Perlembagaan Persekutuan

Tanah Melayu atau Malaysia sekarang yang diisytiharkan pada 27 Ogos 1957. Sila lihat Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Bahagian 1, Perkara 3 Ceraian 1,2,3 dan 4. Yakni soal agama diserahkan kepada Sultan dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

Soal pemerintahan pula adalah tanggungjawab wakil rakyat sama ada Islam atau tidak. Akhirnya jadilah seperti yang dikehendaki oleh penjajah, 'Berilah hak Ceaser kepada Ceaser dan berilah hak tuhan kepada Ceaser'. Penjajah telah melaksanakan tugasnya untuk memisahkan sama sekali antara orang Melayu dan agamanya. Iaitu mewujudkan golongan Melayu Islam yang tidak sayang dan cinta kepada agamanya. Lemah iman, hilang semangat jihad, rela melihat kemungkaran dan penyelewengan dilakukan terhadap Islam.

Mereka membentuk golongan yang benci kalimat jihad, tidak tahu halal haram, tidak takut kepada Allah, azab neraka, tidak cintakan Rasul dan syurga. Bahkan cintakan dunia dan takutkan mati. Mereka merancang dan berjaya melahirkan golongan pemimpin Melayu yang telah disekularkan, termasuk melalui sistem pendidikan. Golongan inilah kemudiannya menjadi pentadbir, perancang negara dan pemimpin egen mereka secara sedar atau tidak, untuk memerangi Islam dari dalam bagaikan ular di rumput atau musuh dalam selimut. Juga untuk menjaga kepentingan mereka.

Pemimpin angkatan baru ini telah berjaya memesungkan aqidah dan perjuangan masyarakat Islam di Tanah Melayu. Mereka mengadakan pemalsuan bagi menghasilkan 'Islamversi baru' kononnya. Mereka lakukan

menerusi westernisasi atau pembaratan, modenisasi dan reformasi dengan bersembunyi di sebalik topeng pembangunan, kemajuan dan sebagainya. Mereka berjaya mengajak dan memukau manusia Tanah Melayu menyembah berhala-berhala tersebut dengan meninggalkan Islam sebagai cara hidup. Hanya mentaati hawa nafsunya sahaja. Firman Allah SWT:

“Maka pernahkah kamu melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhannya.”

Al-Jaatsiah: 23

Sebab itulah maka penerimaan tamadun barat menggantikan tamadun Melayu Islam ditentang habis-habisan oleh golongan ulama. Akibatnya masyarakat Melayu berpecah dua, golongan pemimpin sekular dan golongan ulama. Sepak terajang British sepanjang pemerintahannya di Tanah Melayu berjalan terus hingga kemerdekaan tercapai. Menyedari hakikat lambat-laun Inggeris terpaksa memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu, maka mereka mestilah mewujudkan golongan sekular ini. Bukan sahaja untuk menjaga kepentingan ekonomi mereka tetapi juga sebagai lanjutan dari misi Perang Salib mereka di Eropah.

Ada dua muslihat mengapa kemerdekaan itu dicapai dengan percuma tanpa pertumpahan darah.

Pertama:

Menurut Profesor Zainal Abidin Wahid:

“Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dengan mudah kerana Parti Perikatan, bukannya bercorak sosialis yang mengamalkan dasar nasionalisasi (memilik

negarakan harta asing). Dengan dasar pro-kapitalis ini tentunya kepentingan ekonomi British akan tetap terpelihara. Jika diberi kemerdekaan, kepentingan mereka tetap utuh terpelihara. Sebab itu British sanggup memberi kemerdekaan kepada kita."

Hakikat ini juga diakui oleh bekas Perdana Menteri British, Sir Herold Macmillan. Beliau menyatakan bahawa ia adalah salah satu strategi British di tanah-tanah jajahannya. Iaitu dengan cara memberikan kemerdekaan tanpa menumpahkan darah.

Kedua:

Selain dasar pro-kapitalisme, pemberian kemerdekaan tanpa pertumpahan darah adalah kerana pemimpin-pemimpin Perikatan telah berjaya disekularkan, atau telah menjadi penyembah berhala sekular. Iaitu dengan menolak Islam sebagai teras politik dan pemerintahan negara. Kerana sebenarnya penyerahan kemerdekaan kepada tokoh-tokoh tempatan cuma pada lahirnya sahaja. Batinnya sudah diracuni semangat sekularisme warisan penjajah yang tetap dipertahankan oleh pemimpin Perikatan.

Sekiranya yang menang dalam Pilihanraya 1955 itu ialah Parti Islam atau PAS, nescaya British tidak akan memberi kemerdekaan. Lord Cromer dalam bukunya *'Modern Egypt Vol. II'* New York 1908 mengatakan:

"Bahawa England jajahannya, sebaik-baik sahaja telah wujud tersedia generasi intelek dan ahli-ahli politik yang telah dibentuk melalui pendidikan Inggeris, dan mendokong nilai-nilai Inggeris untuk mengambil alih (pemerintahan), tetapi dalam keadaan bagaimana

sekalipun kerajaan Inggeris tidak akan bertolak ansur walaupun sesaat, untuk penubuhan sebuah negara Islam yang merdeka."

Bahkan Dr. Mahathir Mohamed sendiri mengakui hakikat ini. Katanya:

"Dalam pilihanraya pertama (1955), mereka (PAS) cuma menang satu kerusi, dengan kegagalan mereka maka perjuangan UMNO untuk mencapai kemerdekaan tidak terhalang. Jikalau serpihan ini (PAS) menang banyak kerusi, mungkin pihak penjajah tidak akan bersetuju memberi kemerdekaan, ataupun bentuk Melayu merdeka diubahnya..."

Pengekalan negara ini sebagai negara sekular juga terkandung dalam memorandum yang disampaikan oleh Partai Perikatan dikepalai oleh UMNO kepada Suruhanjaya Lord Ried tahun 1956 berbunyi:

"Agama bagi Malaya adalah Islam, kepatuhan kepada prinsip ini tidaklah menjadikan halangan kepada orang-orang bukan Islam bagi menyebarkan dan mengamalkan agama mereka, dan tidak boleh ditakrifkan bahawa negara ini sebagai negara bukan sekular."

Jelas bahawa negara ini tidak mengamalkan dasar Islam atau menjadikan Islam sebagai ideologi negara. Tunku Abdul Rahman semasa Menjadi Perdana Menteri dalam Sidang Dewan Rakyat tahun 1958 mengatakan:

"Saya suka menjelaskan bahawa negara ini bukanlah sebuah negara Islam sebagaimana difahamkan secara umumnya, kita cuma memperuntukkan Islam hendaklah

menjadi Agama Rasmi bagi negara."

Lihat laporan rasmi Perdebatan Majlis Perundangan, 1 Mei 1958. Bidang yang tidak kurang teruknya mengalami sekularisasi ialah bidang pendidikan. Kerana pendidikan merupakan saluran terpenting untuk mencorakkan jenis manusia yang dikehendaki. 'Stamford Raffles selaku seorang pegawai Inggeris, telah mengemukakan rencana amat halus untuk mencapai matlamat di atas.

Menerusi pendidikan, beliau merencanakan Singapura sebagai pusat bagi kebangkitan semula peradaban asli kuno dan menyegarkannya menerusi peluasan penyebaran pengaruh Inggeris, dan faedah-faedah pendidikan dan kemajuan ekonomibarat. Beliau telah mengemukakan gagasan penubuhan sebuah pusat pengajian Asia Tenggara bagi mencapai tujuan ini.

Secara terus terang juga, beliau telah menyuarakan hasratnya untuk melihat kelahiran bangsa-bangsa yang bijaksana dan terpelajar selaku orang suruhan yang jujur kepada pentadbiran pemerintahan penjajah. Saranan beliau agar pelajaran bahasa Melayu itu disampaikan menerusi tulisan rumi dan bukan jawi, dan pengajarannya untuk kanak-kanak Melayu di 'Tanah Melayu.' Lihat C. M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-67 Indian Presidency to Crown Colony*; London: The Athlone Press, 1972. *Panji Masyarakat* Jan/Feb 1982.

Raffles yang menjadi pelopor sistem sekular di Tanah Melayu, mula-mula menganjurkan pelajaran Bahasa Melayu diasingkan dari dasar pelajaran al-Quran. Kerana inilah peluang baik untuk memisahkan orang Melayu dari Islam. Rakyat bawahan Melayu digalakkan menerima

pendidikan rendah dengan mata pelajaran yang elementary dan pendidikan Islam sistem pondok berdasarkan rote memory. Dalam waktu yang lain Inggeris mengadakan sekolah untuk anak-anak aristokrat Melayu.

Bentuk pendidikan sekular itulah yang diberikan kepada anak Melayu dan bukan Melayu di sekolah Inggeris. Sehingga anak-anak Melayu bukan sahaja mempunyai *world view* sekular tetapi juga telah didedahkan dengan cara hidup barat. Selepas kemerdekaan anak-anak Melayu ini menjadi ahli yang memang dilatih secara teliti untuk mengambil alih kekuasaan dalam pelbagai bentuk kehidupan, politik, pentadbiran dan sebagainya. Pendidikan sekular adalah satu sistem pengajian yang memisahkan pendidikan umum dengan pendidikan agama. Matlamatnya ialah untuk melahirkan warga negara yang baik atau di bawah slogan 'berkhidmat untuk negara'.

Berbeza dengan pendidikan Islam bertujuan untuk melahirkan insan kamil atau sempurna, yang sholeh, bertaqwa, berkhidmat kerana Allah dan sanggup memikul tugas sebagai khalifah di muka bumi. Di samping itu juga dapat melahirkan warga negara yang baik. Cuma niatnya sahaja kerana Allah bukan kerana negara atau selain Allah yang boleh menjadikan amalannya seseorang itu bukan ibadat yang ditolak oleh Islam.

Pendidikan sekular hanya mahu mewujudkan warganegara yang sempurna. Ilmu yang semata-mata untuk kehidupan duniawi tanpa mengira akhirat, yakni khusus bagi masyarakat dan negara semata-mata. Selaras dengan pengertian 'manusia sebagai haiwan ekonomik' atau binatang yang matlamatnya untuk mencari makan di dunia ini sahaja. Di bidang keilmuan sekular, antaranya

ditemui tiga tokoh utama yang menyesatkan manusia:

- i. Machiavelli. Iaitu tokoh politik dengan 'matlamat menghalalkan cara'. Apa cara sekalipun, sama ada baik atau tidak boleh dilaksanakan untuk sampai kepada matlamat.
- ii. Sigmund Frued. Tokoh psaikeologi yang menganggap bahawa segala perlakuan dan kegiatan hidup manusia adalah berdasarkan pertimbangan nafsu semata-mata.
- iii. Charles Darwin. Tokoh sains tabii yang membuat hipotesis manusia berasal dari haiwan atau beruk.

Tidak dapat dinafikan bahawa fahaman ketiga-tiga tokoh ini telah tersebar luas dalam masyarakat Malaysia.

Proses sekularisasi juga berlaku dalam bidang ekonomi. Inggeris memperkenalkan sistem kapitalis. Sistem 'siapa kuat dia dapat' yang berteraskan dasar *laissez-faire* atau ekonomi bebas. Kebebasan individu yang hanya mementingkan keuntungan peribadi. Manusia berlumba-lumba menurut nafsunya melonggokkan harta dan kekayaan. Walaupun dengan jalan menindas antara satu sama lain. Sudah tidak peduli halal haram lagi. Terlibat dengan sistem 'bunga atau riba' seperti sudah tidak dapat dielakkan.

Kerajaan Malaysia juga turut menaja lesen-lesen judi, loteri, empat nombor ekor, toto, ASN atau ASB dan lain-lain. Pelabur-pelabur asing diberi layanan istimewa. Dikecualikan dari cukai, dibenarkan membeli tanah-tanah milik rakyat, dimudahkan mendapat lesen-lesen membuat maksiat dan dibenarkan kapitalis-kapitalis mengaut keuntungan semahu-mahunya untuk dibawa keluar negeri. Jabatan-jabatan penting dalam kerajaan pun diswastakan.

Projek-projek mewah diutamakan dengan mengabaikan hak rakyat miskin. Rakyat sudah tidak mahu hidup sederhana lagi. Manusia zuhud sudah tidak diambil kira. Segalanya dinilai dengan wang. Masalah negara juga dilihat penyelesaiannya menurut ekonomi. Segala-galanya dilaksanakan kerana ekonomi dengan mengeneppikan pandangan dan hukum Islam.

Budaya hidup barat yang bertentangan dengan Islam juga terus diimpot. Muzik dan tarian lucu atau separuh lucu terus bergema di radio dan tv. Video-video lucu dan separuh lucu tersebar. Dikeluarkan wang berjuta-juta ringgit untuk memupuk perkembangan seni, muzik dan filem. Diadakan pertandingan nyanyian dan perfileman. Hotel-hotel terus dibina, kemudahan-kemudahan perkembangan budaya maksiat terus hidup subur. Pelacuran dan arak terus berkembang di sebalik pembangunan hotel atau kelab golf. 'Semuanya ini jangan dicampurkan dengan agama, kalau mahu maju!' Demikian fahaman penganut berhala sekular tersebut.

Dalam Seminar Dakwah Antarabangsa yang diadakan di Madinah pada 17 Feb 1977 di mana Kerajaan Malaysia juga turut menghantar wakilnya, antara resolusi yang dibuat, berbunyi:

'Bahawa sekularisme adalah ajaran bukan Islam dan bertentangan dengan Islam, dan adalah menjadi kewajipan pihak kerajaan yang ramai anggotanya orang Islam menghapuskan sistem fahaman sekularisme ini.'

Yang Amat Arif Tan Sri Datuk Salleh Abbas sewaktu menjadi Ketua Hakim Negara dalam ucapan Seminar Perundangan Islam Kedua di Universiti Kebangsaan

Malaysia pada 27 Julai 1984 mengatakan bahawa negara Malaysia memakai undang-undang sekular iaitu sistem undang-undang barat yang tidak berasaskan agama. Bahkan berasaskan kepada kepintaran akal manusia sahaja. Sumber undang-undang ini ialah Akta Parlimen dan kesimpulan-kesimpulan yang dibuat oleh hakim-hakim di dalam hukum-hukum yang diputuskan oleh mereka.

Menurut beliau lagi undang-undang Islam yang dipakai di negara ini hanyalah terhad kepada penentuan taraf seseorang Islam sahaja. Seperti perkahwinan, nafkah anak-anak dan pembahagian harta. Sementara perkara-perkara mengenai pentadbiran negeri, perniagaan, perjanjian, jenayah dan lain-lain lagi, semuanya ditimbang dan dihukum berpandukan Akta Parlimen dan hukum-hukum yang dibuat oleh hakim.

Datuk Justice Hashim Yeop A. Sani di dalam bukunya, *'Our Constitution'* menyatakan bahawa undang-undang Islam tidak terpakai bagi seluruh masyarakat dan tidak pula di dalam bentuk yang tulen. Beliau berpandangan bahawa jika undang-undang Islam itu tidak diamalkan sepenuhnya, dan oleh kerana peruntukan-peruntukan perlembagaan negara itu, maka negara itu adalah sebuah negara sekular.

Timbalan Perdana Menteri Malaysia juga pernah membuat kenyataan di Singapura beberapa tahun lalu mengatakan bahawa Malaysia tidak akan menjadi sebuah negara Islam tulen. Bekas Perdana Menteri Malaysia pertama, pernah mengulangi dan menasihatkan pimpinan UMNO semasa menyambut harijadi ke 80 pada tahun 1983 bahawa 'UMNO yang menjadi tulang belakang kerajaan ini hendaklah mengekalkan Malaysia sebagai

sebuah negara sekular'. Tetapi akhirnya beliau telah sedar lantas meninggalkan UMNO untuk bersama-sama Parti Semangat 46 dan PAS di bawah Angkatan Perpaduan Ummah.

Ucapanannya itu terus disokong oleh Perdana Menteri ke 4, dengan memberi jaminan bahawa pimpinan 2M (iaitu Mahathir dan Musa, Timbalannya waktu itu) akan meneruskan dasar-dasar yang ditinggalkan oleh Perdana Menteri pertama itu.

Berkata seorang ulama Islam Syeikh Mahmood Shaltut:

"Pertalian agama dengan negara erat sekali, sebagaimana eratnyanya pertalian batu asas dengan sebuah binaan. Maka agama adalah asas dan pemandu negara. Tidak dapat digambarkan negara Islam tanpa berasaskan agama. Sebagaimana juga tidak mungkin digambarkan agama Islam tanpa pemandu masyarakat dan politik negara, kerana bentuk yang demikian bukanlah negara Islam."

'Min Taujihatil Islam': Dar Qalam, Kahirah 1964.

Berkata pula Syeikh Islam Daulah Uthmaniah Turki Mustafa Sobri, orang yang hidup pada zaman awal sekularisme itu diimpot ke negara Islam, dalam kitab 'Mauqif al-Aqli Wal'ilmu Walalam Min Rabbul 'alamin Wa ibadihil Mursalin Juzuk I', yang ertinya:

'Adapun sekiranya pemerintah keluar dari hukum-hukum agama, dengan dakwaan bahawa kepatuhan kepada suruhan agama dan larangannya adalah wajib ke atas rakyat tetapi tidak wajib ke atas pemerintah, maka perbuatan itu adalah memisahkan agama dari negara pada dasarnya. Yakni dengan ilmiah dan iktiqad. Ini adalah

murtad negara daripada Islam, dan murtad rakyat bersama negara, sekiranya rakyat terima keadaan ini kepada kerajaannya. Ataupun rakyat dalam keadaan ridha. Umpamanya, kerajaan yang memerintah adalah kerajaan berparlimen yang berkuasa dengan pemilihan rakyat. Maka terkenal kedua-duanya, rakyat dan kerajaan. Firman Allah:

"Sesiapa yang tidak menghukum dengan hukum Allah maka mereka itu adalah kafir."

Hj. Abdul Hadi pula mengulas kenyataan Sheikh tersebut dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu 27 November 1984 menyebut:

"Beliau mengatakan bahawa sekularisme ini adalah satu revolusi yang dilakukan oleh kerajaan terhadap rakyat, bagi menghancurkan kefahaman Islam terhadap rakyat, yang kebiasaannya revolusi itu dilakukan oleh rakyat terhadap kerajaan."

Lihat 'Siapa Menganut Ajaran Sesat' oleh Hj. Abdul Hadi Awang: GG Edar 1986.

Untuk lebih lanjut telah pun dinyatakan dalam buku 'Personaliti Muslim' GG Edar 1991.

Jadi, sekularisme sangatlah bertentangan dengan Islam. Pandangan hidup Islam yang berasaskan tauhid tidak mengenal dua cara hidup atau konsep dualisme pada individu, masyarakat dan negara. Dunia dan akhirat adalah satu pertalian yang tidak terpisah. Kehidupan di dunia menentukan kehidupan diakhirat. Syariat Islam adalah meliputi semua bahagian kehidupan manusia.

Berhala sekular adalah ideologi yang telahpun meresapi bersama denyut jantung rakyat dan negara Malaysia. Sama

ada ia sedar atau tidak. Seseorang yang mengaku dirinya Muslim, tiba-tiba dalam masa yang sama menganut, memuja atau menyembah fahaman yang selain dari Allah. Bererti tauhid Uluhiyatullahnya telah pecah berderai.

Nabi SAW pernah bersabda:

"Akan berlaku sebelum Kiamat beberapa fitnah seperti bahagian malam yang gelap pekat, (di mana) seorang lelaki di waktu pagi sebagai orang Mukmin (beriman), dan petangnya menjadi kafir, Mukmin di waktu petang dan kafir pula di waktu pagi, beberapa pula golongan menjual (menukar) Agama mereka dengan kepentingan dunia."

Riwayat At-Turmudzi

Hadith Ghariib; tetapi pada lahirnya At-Turmudzi menghasankannya. Hadith yang menunjukkan bahawa pegangan manusia itu kerap berbalik-balik tanpa kira had, masa dan waktu.

Firman Allah SWT dalam al-Quran:

"Di hari ini Aku sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku sempurnakan ke atas kamu nikmat-Ku, dan Aku redha bagi kamu Islam sebagai agama."

Al-Maidah: 3.

"Dan sesiapa yang mencari selain dari Islam sebagai agama atau cara hidup, maka tidak akan diterima darinya, dan dia diakhirat termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi."

Al-Imran: 85

"Dan Aku tidak jadikan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku."

Al-Zariyat: 56

Nasionalisme

4

SEPERTI yang telah dijelaskan bahawa penjajah barat telah memaksa penyembahan kepada berhala sekular melalui sistem pendidikan barat dan sebagainya, yang akhirnya menyebabkan wujudnya dua kelompok kepimpinan.

Pertama:

Kelompok kepimpinan yang terpukau dengan falsafah barat. Mereka mengambil falsafah ini sebagai pedoman dan panduan hidup. Kerana Inggeris menyifatkan campurtangan mereka di negeri-negeri Melayu sebagai mendatangkan tamadun kepada orang Melayu, maka mereka menerima wakil Inggeris atau residen menasihatkan raja supaya memerintah secara bertamadun. Dengan mengambil tamadun Inggeris bermakna penerimaan undang-undang Inggeris, sistem pemerintahan Inggeris yang berlandaskan cara hidup Inggeris.

Kedua:

Kelompok kepimpinan ulama yang mahu kemurnian dan keutuhan Islam dipertahankan dari dicemari oleh kebudayaan barat. Mereka sedar bahawa Inggeris ingin

menghapuskan undang-undang Islam, yang menurut sejarah memang dilaksanakan di negeri-negeri Semenanjung. Inggeris ingin menggantikannya dengan undang-undang barat.

Bahkan Majlis Agama Islam yang ditubuhkan bagi mengendalikan perjalanan dan perlaksanaan undang-undang pentadbiran Islam, sebenarnya adalah bukan undang-undang Islam. Undang-undang yang sebenar telah dikurangkan. Bukan sahaja menjadi jauh dari semangat dan roh Islam tetapi telah mengeneipkan langsung fungsi serta tempat sewajarnya dalam perundangan negara. Mereka berusaha menguatkan semula syiar Islam dalam masyarakat.

Meletakkan Islam sebagai unsur kekuatan dan sanggup menghadapi cabaran politik, ekonomi dan sosial yang dibawa oleh penguasaan asing. Tetapi mereka menemui tentangan sengit dari nasionalis Melayu kelompok pertama yang mempunyai wadah perjuangan tersendiri. Mereka yang menyokong dasar perjuangan nasionalis meneruskan perjuangan sehingga terbentuknya UMNO. Sementara kelompok yang satu lagi mendokong dasar perjuangan Islam di bawah Hizbul Muslimin atau PAS.

Sejak itu PAS terus bergerak aktif menjadi *rallying point* kepada individu dan kumpulan yang ingin berjuang atas manhaj Islam. Dengan dasar dan matlamat yang berbeza mereka terus bertarung hingga hari ini. Walaupun begitu mereka pernah bersatu sementara, dalam menghadapi penjajah. Iaitu di bawah PKMM dan UMNO. Begitu juga selepas Peristiwa 13 Mei 1969 sewaktu PAS di bawah kepimpinan Allahyarham Tan Sri Muhammad Asri dan UMNO di bawah kepimpinan Allahyarhan Tun

Hj. Abdul Razak. Kini PAS bersama pula dengan Parti Semangat 46 yang menerima Islam sebagai suatu cara hidup, di bawah Angkatan Perpaduan Ummah.

UMNO dalam bahasa Malaysianya disebut Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau PAKEMBAR. Ia ditubuhkan pada 11 Mei 1946 di Johor Bharu. Ditubuhkan pada asalnya adalah semata-mata untuk perjuangan menentang Malayan Union yang mengancam kedudukan dan kuasa orang Melayu dan raja-rajanya di Tanah Melayu pada masa itu. Jadi, ia adalah suatu parti politik yang lahir atas asas perjuangan kebangsaan atau asobiyah. Bukan atas asas untuk menegakkan dan membela agama suci Islam atau membentuk Negara Islam di Tanah Melayu.

Begitulah perjuangannya hingga sekarang. Cogankatanya ialah Bersatu, Bersetia dan Berkhidmat. Cogankata kabur ke arah perjuangan menuju Islam, yang juga membuktikan perjuangan kebangsaannya sebagaimana Fasal 3 Perlembagaan UMNO menyatakan:

'UMNO adalah sebuah parti politik yang progresif menurut lunas-lunas demokrasi, dengan tujuan menghasilkan cita-cita kebangsaan.'

Perkara 3 Fasal 3 juga menyebut:

'Berusaha mempertahankan, menegak dan mengembangkan Islam agama rasmi negara dan membenarkan kebebasan beragama.'

Pengertian Islam agama rasmi negara bagi UMNO adalah sebagai pengertian Islam dalam perlembagaan Malaysia. Yakni merupakan sebagai lambang semata-mata. Agama bagi upacara-upacara yang terpisah dari

pemerintahan dan dasar-dasar negara. Ini menepati kehendak Lord Reid sebagai pengerusi Suruhanjaya Perlembagaan Tanah Melayu tahun 1957. Jadi tidak hairanlah bila UMNO menubuhkan Biro Agama yang kedudukannya sama rendah tarafnya dengan biro-biro yang lain. Tidak mampu menyekat kegiatan-kegiatan menyalahi agama Islam yang dilaksanakan oleh UMNO. Contohnya seperti judi loteri dan lain-lain.

Faham kebangsaan adalah ideologi yang lahir hasil dari penyembahan kepada berhala sekular seperti yang disebutkan. Ia bukan lahir dari Islam, tetapi dibawa ke dunia Islam untuk memecah-belahkan kesatuan umat Islam, yang berasaskan aqidah. Memesungkan perjuangan umat dari berjihad menegakkan negara Islam kepada penyembahan terhadap taghut atau cara hidup yang selain Islam. Mengenai perjuangan kebangsaan, nasionalis, perkauman atau asobiyah ini Nabi Muhammad SAW telah menegaskan, di antaranya Baginda bersabda:

1. *"Barangsiapa terbunuh di bawah panji-panji kesesatan, ia menyeru kebangsaan atau menolong kebangsaan, maka bangkainya itu adalah bangkai jahilliah."*

Riwayat Muslim — Hadith Sahih.

2. *"Bukan dari golongan kita orang yang menyeru kepada kebangsaan, dan bukan dari golongan kita orang yang berperang atas (dasar) kebangsaan, dan bukan dari golongan kita, orang yang mati atas (dasar) kebangsaan."*

3. *"Barangsiapa keluar dari taat (kepada Imam atau raja secara Islam) dan berpisah daripada jamaah (harakah atau parti Islam) lalu ia mati, maka matinya itu sebagai mati jahilliah (sesat atau kafir), dan*

barangsiapa berperang di bawah bendera kesesatan, (iaitu) ia marah kerana kebangsaan, atau mengajak (orang ramai) kepada kebangsaan atau menolong kebangsaan, lalu ia terbunuh, maka bangkainya itu, adalah bangkai jahiliah."

Riwayat Muslim dan Nasai — Hadith Sahih.

4. "Telah bertanya seorang lelaki: Ya, Rasulullah, adakah dari kebangsaan seseorang kasih kepada kaumnya? Sabdanya, tidak! Tetapi setengah daripada kebangsaan itu, ialah seseorang menolong kaumnya atas kezaliman."

Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah.

5. "Dari Watsilah bin Asqa', ia berkata: Saya bertanya kepada Rasulullah: Apa yang dikatakan asobiyah? Sabdanya: Bahawa engkau menolong kaummu dalam kezaliman."

Riwayat Abu Daud.

6. "Barangsiapa menolong kaumnya dalam perkara tidak benar, maka kaumnya itu seperti unta yang terjerumus di perigi yang ditarik ekornya (untuk dikeluarkan)."

Riwayat Abu Daud.

Hadith 1 dan 2 di atas melarang, menghinakan dan tidak dianggap umat Nabi Muhammad SAW apabila seseorang itu menolong kaumnya atas dasar kebangsaan, menyeru manusia berasaskan kebangsaan, berperang atas dasar kebangsaan dan mati dalam keadaan tersebut adalah mati sesat.

Hadith 3 menyatakan sesat dan salah orang yang berpisah dari parti dan gerakan Islam, atau melompat ke parti atau gerakan yang lain.

Hadith 4 dan 5 bermaksud, bahawa seseorang yang menyintai kaumnya atau bangsanya tidak dinamakan asobiyah yang terlarang atau kebangsaan yang tidak diredhai. Tetapi yang terlarang itu ialah seorang yang menolong kaumnya dalam melakukan kezaliman.

Kezaliman ialah melakukan sesuatu kesalahan atau penganiayaan terhadap diri atau orang lain, dengan meletakkan sesuatu yang bukan pada tempatnya. Jadi, menyokong gerakan atau parti kebangsaan adalah suatu dosa kerana melakukan penganiayaan terhadap diri, dengan menyokong gerakan pembuangan undang-undang Allah dan menggantikannya dengan undang-undang ciptaan manusia. Yakni meletakkan agama Islam yang suci bukan pada tempatnya.

Sepatutnya Agama yang diredhai Allah itu diletakkan di tempat yang paling tinggi menguasai segala-galanya termasuk perlembagaan negara, tetapi telah dilemparkan ke dalam najis oleh gerakan kebangsaan! ...Aku berlindung kepada Allah daripada hal yang demikian.

Hadith 6 pula menggambarkan bagaimana mereka yang ingin menolong kaumnya dalam perkara yang tidak benar atau zalim, bagaikan menarik ekor unta yang terjerumus ke dalam perigi untuk menyelamatkannya. Dengan cuma menarik ekornya, bukan saja tidak dapat menyelamatkan bahkan menambahkan sakitnya lagi. Itulah asobiyah, kebangsaan atau nasionalisme.

"Cintamu kepada sesuatu itu, membutakan dan membisukan." Sabda Rasulullah menurut hadith riwayat Abu Daud.

Jangan jadi seperti itu!

Bagaimana pula cinta bangsa dan tanahair? Apakah ia

juga kebangsaan?

A. Hassan dalam bukunya 'Islam Dan Kebangsaan': Persatuan, Bangil 1972, mengatakan:

'Cinta bangsa dan tanahair buat seorang Muslim, ialah mahu supaya kaum Muslimin:

- a. maju dalam pelajaran,
- b. maju dalam perekonomian,
- c. maju dalam pertukangan, dan apa-apa yang berhubungan dengannya, dari segala sesuatu yang memajukan Muslimin dan kemakmuran negeri-negeri Muslimin, dan mahu:
 - a. supaya Muslimin dan negeri-negerinya, sekurang-kurangnya tidak di bawah darjat lain-lain negeri,
 - b. supaya diurus negeri-negeri Islam oleh orang-orang Islam sendiri, dengan hukum-hukum dan peraturan-peraturan yang termaktub di dalam Kitabullah dan Sunnah Rasul-Nya.

Menyintai tanahair dan bangsa menurut cara Islam yang tersebut, adalah lebih luas daripada cara kebangsaan, dan dengan menjalankan cara itu seorang terlepas daripada kewajipan yang mana kalau ia tidak kerjakan, nescaya ia berdosa.'

Dr. Yusuf Qardhawi dalam bukunya 'Halal Dan Haram Dalam Pandangan Islam' mengatakan bahawa tidak halal pula seseorang Muslim membela golongannya kerana taksub atau fanatik, baik dalam kebenaran, kebatilan, keadilan dan kesombongan. Islam tidak mengakui asobiyah dan mengharamkan meniup api perasaan yang

mengajak kepada asobiyah. Firman Allah SWT:

"Hai orang-orang yang beriman, jadikanlah kamu penegak keadilan sebagai saksi kerana Allah, sekalipun terhadap diri-dirimu sendiri, atau terhadap kedua orang tua dan kerabatmu."

An-Nisak:135.

Beliau mengatakan:

'Islam sama sekali tidak mahu mengakui setiap kesetiaan yang di luar kepercayaan Islam. Tidak juga mahu mengakui setiap persyarikatan yang bukan ukhuwah Islam, dan tidak pula mengakui setiap ciri-ciri yang membedakan manusia, selain dari ciri-ciri iman dan kufur. Oleh itu setiap orang kafir yang menentang Islam adalah musuh Islam, walaupun ia bertetangga dan salah seorang dari anggota keluarga, bahkan saudara kandungnya sendiri. Kerana firman Allah:

"Kamu tidak dapati kaum yang beriman kepada Allah dan hariakhir itu menaruh cinta kepada orang yang ingkar kepada Allah dan Rasul-Nya, sekalipun mereka yang ingkar itu ayah-ayah atau anak-anak mereka, atau saudara-saudara mereka, atau keluarga mereka."

Al-Mujadalah: 21

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu jadikan ayah-ayah kamu, dan saudara-saudara kamu sebagai kekasih (ketua), jika mereka itu lebih suka kufur daripada beriman."

At-Taubah.

Menurut Ustaz Said Hawa pula:

'Bahawa satu daripada perkara yang meruntuhkan iman, yang menyebabkan menjadi kafir ialah bekerja atau

berkhidmat dengan tujuan selain dari Allah, kerana perlakuan seperti ini Allah tidak menyukainya. Firma Allah:

"Katakanlah, sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan Semesta Alam."

Al-An'am: 162

Sebab itu, sebarang pekerjaan diniatkan kerana hendakberbakti kepada selain Allah yang memang dimurkai Allah adalah syirik. Antara amalan itu ialah berkhidmat untuk menegakkan kebangsaan dan menjadikan cita-cita kebangsaan itu sebagai matlamat utama di dalam perjalanan hidup. Seperti berperang kerana mempertahankan bangsa, bercakap atas nama bangsa, berkempen supaya orang menyokong cita-cita ini, serta mencurahkan segala khidmat untuknya, di samping menanam semangat taksub atau fanatik kebangsaan yang mendalam. Orang-orang Islam hanya dibolehkan berusaha membaiki kebaikan bangsanya atas apa yang diperintahkan oleh Allah SWT."

Pegerakan kebangsaan tidak ada landasan perjuangan yang tertentu. Boleh juga jadi pragmatik. Seumpama lalang yang bergerak mengikut arah kuatnya tiupan angin. Angin barat. Angin timur. Angin kapitalis. Angin sosialis. Angin Komunis. Angin fascist atau kekerasan. Atau angin Islam?? Tapi yang jelas, tidak tentu arah. Ikut arah sendiri yang kepala angin!!

Perlembagaan Dan Hudud

5

SEJAK Malaysia mencapai kemerdekaan, pergolakan politik tanahair telah membuktikan bahawa dasar kebangsaan tidak boleh menjadi faktor penyatu parti-parti politik, walaupun dari kumpulan etnik yang sama.

Berdasarkan kepada sejarah dan Perlembagaan PAS-UMNO, maka kedua parti dominan Melayu ini amat jauh berbeda. Bagaikan langit dengan bumi. Dengan dasar Islam, PAS berjuang untuk menegakkan sebuah negara Islam berdasarkan al-Quran dan as-sunnah, manakala UMNO memperjuangkan dasar kebangsaan bagi mengekalkan penyembahan berhala sekular. Yakni mempertahankan Malaysia sebagai sebuah negara sekular. Konsep negara Islam yang dibawa oleh PAS tidak memisahkan agama dengan politik seperti yang dicontohkan oleh Rasulullah SAW mendirikan negara Islam pertama di Madinah, sedangkan UMNO dengan konsep sekular-demokrasinya.

Perlembagaan PAS akan melahirkan Negara Hidayah sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah SWT, manakala perlembagaan UMNO menelurkan Negara Jibayah

mengikut kepentingan kebendaan dan status quo. Kini UMNO mentadbir negara mengikut Perlembagaan Persekutuan yang disalin dari undang-undang Inggeris, ciptaan manusia. Menurut Perlembagaan UMNO, semua prinsip yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan Negeri-negeri, termasuk kedudukan Agama Islam sebagai Agama Persekutuan, menjadi pegangan politik mereka.

Dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 3, diperuntukkan seperti berikut:

1. Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.
2. Dalam tiap-tiap negeri melainkan negeri-negeri yang tidak mempunyai raja, kedudukan raja sebagai Ketua Agama Islam dalam negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan juga tertakluk kepada Perlembagaan Negeri itu, segala hak keistimewaan, hak kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam tidaklah tersentuh dan tercacat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap orang raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua Agama Islam membenarkan Yang Dipertuan Agung mewakilinya.
3. Perlembagaan-perlembagaan Negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi kepada Yang Dipertua Agung kedudukan sebagai Ketua

Agama Islam dalam Negeri itu.

4. Tiada apa-apa dalam Perkara ini mengurangkan kuasa mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan ini.
5. Walau apapun yang terkandung di dalam Perlembagaan ini, Yang Dipertua Agung adalah Ketua Agama Islam dalam Wilayah Persekutuan; dan untuk tujuan itu Parlimen boleh dengan secara undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagimenyelaraskan kegiatan Agama Islam dan mewujudkan sebuah Majlis bagi menasihatkan Yang Dipertua Agung di dalam perkara-perkara mengenai Agama Islam.'

Maknanya, Islam telah diperuntukkan sebagai Agama Persekutuan dengan tidak mencatitkan apa juga kebebasan amalan lain-lain agama. Yang Dipertuan Agung adalah Ketua Agama bagi Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak, manakala Raja-raja adalah Ketua Agama bagi negeri masing-masing.

Peruntukan Islam sebagai Agama Persekutuan ini sebenarnya adalah 'indah khabar dari rupa'. Ia merupakan satu pengumuman kepada dunia luar atau penipuan kepada golongan yang cintakan Islam bahawa Malaysia hendaklah dikenali sebagai sebuah negara Islam. Tetapi hakikatnya tidak menjadikan Islam sebagai cara hidup menyeluruh, tidak menjadikan dasar dan sistemnya sebagai ideologi negara.

Bahkan melaksanakan sistem sekular seperti yang diamalkan di Britian, Indonesia, Mesir, India, Russia, China dan lain-lain.

Professor Dr. Ahmad Ibrahim sendiri mengakui dalam

bukunya, *'Administration og Muslim Laws in Southeast Asia'* mengatakan bahawa:

"Adat resam orang-orang Melayu banyak mempengaruhi perkembangan undang-undang Islam di negara-negara Indonesia, Malaysia dan Singapura."

Di Malaysia, antaranya undang-undang Islam telah dicampuradukkan dengan undang-undang adat yang menjadikannya tidak tulen lagi.

Perkara 4. 1 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

'Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan danapa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdekadan yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklahterbatal setakat yang berlawanan itu.'

Perkataan 'undang-undang utama' atau '*supreme law*' di dalam perkara 4. 1 ini mempunyai penekanan maksud, bahawa Perlembagaan Malaysia ini adalah '*the law*' atau 'undang-undang teragung'. Undang-undang lain termasuk undang-undang Islam hendaklah tertakluk di bawahnya. Jika ada yang bercanggah, dengan sendirinya terbatal setakat yang bercanggah itu.

Dengan ini, Perkara 4. 1 itu telah digunakan bagi menghapuskan sebarang kekaburan yang terluang bagi tafsiran Perkara 3. 1, yang berhajat untuk menempatkan Islam sebagai ideologi negara. Perkataan '*supreme law*' yang mengatasi Islam itu telah membuktikan bahawa Perkara 3. 1 hanya mempunyai pengertian 'duniawi' semata-mata. Hanya sekadar menyempurnakan ibadat

khususiah seperti agama yang difahamkan oleh barat terhadap agama orthodox mereka, yang tidak boleh dicampurkan dengan pemerintahan negara.

Tidak seperti ad-den Islam yang menyeluruh. Maka jadilah Islam agama yang ditadbir oleh politik sekular. Bukan Islam yang mentadbir politik. Umpamanya, perkara di bawah Bahagian Negeri-negeri, terkandung dalam Jadual Kesembilan Senarai 2, berbunyi:

'Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut Agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, penceraian, maskahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat;

Wakaf dan takrif serta mengenai amanah dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, yayasan amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalam negeri; Adat istiadat Melayu; Zakat Fitrah, dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid dan mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut Agama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam senarai Persekutuan;

Perlembagaan, organisasi dan prosedur mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam

dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang Persekutuan; mengawal perkembangan iktiqad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam, menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktiqad dan adat istiadat Melayu.'

Menurut senarai ini, pemakaian undang-undang hanya terhad kepada:

- a. Orang-orang Islam sahaja.
- b. Dalam tiga bidang sahaja. Iaitu undang-undang keluarga, warisan, kesalahan matri-moni dan takzir. Tidak meliputi urusan niaga, jenayah, kehakiman dan lain-lain.

Malangnya undang-undang ini terus menimbulkan masalah kepada masyarakat kerana tidak berkuasa menghukum atau melibatkan orang bukan Islam yang terlibat dalam kesalahan bersama orang Islam. Contohnya dalam 'kes khalwat' dengan orang bukan Islam. Orang Islam boleh dihukum sedangkan orang bukan Islam tidak dibicarakan atau dibiarkan bebas begitu sahaja. Ketidakseimbangan ini dikatakan boleh mencemarkan maruah Agama Islam.

Begitu juga Perkara 128.1 yang meletakkan Mahkamah Syariah di bawah bidangkuasa Mahkamah Agung atau Persekutuan yang menjadi institusi kehakiman tertinggi, untuk memastikan segala enekmen Majlis Agama Islam Negeri memenuhi dasar sekular tersebut.

Undang-undang yang ada dalam perlembagaan

Malaysia, berpunca dari keputusan mahkamah, undang-undang Inggeris, adat, di samping undang-undang yang bersifat keraian. Dalam mengendalikan kes-kes sivil dan jenayah mahkamah lebih banyak terlibat dengan undang-undang Inggeris yang diimport dari negara asal Lord Ried.

Undang-undang Malaysia Akta 67 Undang-undang Sivil 1956 (Semakan 1974). Syeksyen 3.1, iaitu mengenai *common law*, peraturan ekuiti dan statut-statut tertentu berbunyi:

'Melainkan terdapatnya peruntukan lain telah diperbuat atau akan diperbuat oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Malaysia, Mahkamah akan: (a) di Malaysia Barat atau mana-mana bahagiannya, menggunakan *common law* Inggeris dan peraturan-peraturan ekuiti seperti ditadbirkan di England pada 7 April 1956.'

Maknanya mengikut Syeksyen 3.1, sub-syeksyen (a), Sivil 1956, melainkan ada ubahsuai yang dibuat oleh undang-undang bertulis yang berkuasa di Malaysia, mahkamah hendaklah memakai *common law* dan kaedah-kaedah ekuiti seperti di England.

Manakala mengikut syeksyen 5.1 menyatakan 'dalam semua soal' dan isu yang timbul, harus diputuskan di negeri-negeri Malaysia Barat berkenaan dengan undang-undang perkongsian, perbadanan, bank, prinsipal dan egen pengangkutan dengan jalan udara, darat, dan laut, insuran laut, kerugian laut '*average*', insuran api dan nyawa, dan berkenaan dengan undang-undang persaudagaran umum, undang-undang yang hendak ditadbirkan hendaklah sama seperti pentadbiran di England.

Sudah tentulah Lord Ried mengambil kira kepentingan bangsanya di negara ini, seperti kepentingan ekonomi, estet, perlombongan, kewangan, perkilangan dan lain-lain, waktu menggubalnya. Mereka bimbang kepentingan bangsanya akan tergugat sekiranya perlembagaan Islam mengambil alih perlembagaan Malaysia.

Maka jelaslah bahawa Syeksyen 3 dan 5, Akta Undang-undang Sivil 1956 telah menjadi bukti pewarisan perundangan '*made in England*' ini, walaupun tidak sesuai atau tidak semuanya sesuai dilaksanakan oleh masyarakat Malaysia. Oleh itu apabila undang-undang England 'batuk', maka undang-undang Malaysia pun terasa 'demam'nya...

Maka tepatlah jawapan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Karpal Singh dari DAP dalam sidang Dewan Rakyat Disember 1983, memberi jaminan bahawa Malaysia akan terus dikekalkan sebagai sebuah negara sekular. Begitu juga waktu menjawab soalan tambahan Gooi Hock Seng juga dari DAP, beliau mengatakan bahawa Malaysia tidak akan menjadi Negara Islam sepenuhnya.

Jawapan UMNO yang menggembirakan DAP. Malah lebih teruk lagi, apabila Menteri Besar Kedah mengugut rakyat, di Kampung Peliang Kedah seperti yang dilaporkan oleh *Utusan Malaysia* 4 Mac 1982, katanya:

".. yang lebih mendukacitakan ialah ada di antara papan-papan tanda itu ditulis perkataan 'al-Quran Adalah Perlembagaan Kami...' Perbuatan seperti ini adalah bertentangan dengan Akta Keselamatan Dalam

Negeri, Akta Panel Code dan Akta Pertubuhan."

Rencana Pengarang *Utusan Melayu* 10 September 1980 mengatakan:

"Sebenarnya kerajaan BN adalah sebuah kerajaan kebangsaan yang sama sekali tidak berjanji dengan rakyat negeri ini, untuk menjalankan hukum Islam yang berdasarkan Quran dan Hadith. ...Kerajaan BN hanyalah kerajaan yang berjanji untuk menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara dan berjanji meninggikan ekonomi umat Islam selain dari memperkuatkan syiar Islam."

Rencana Pengarang *Utusan Melayu* 30 Oktober 1980 menyebutkan:

"Pemimpin-pemimpin UMNO hendaklah memberitahu rakyat dengan berani dan tegas, bahawa perjuangan UMNO adalah perjuangan nasional yang progressif sifatnya, UMNO mesti berani berkata bahawa UMNO tidak bercita-cita untuk menukar perlembagaan dengan undang-undang Islam."

Utusan Malaysia 9 Mac 1982, Kata Perdana Menteri:

"Kerajaan telah mengambil semua langkah perlu mengikut siasah semasa bagi melaksanakan undang-undang Islam di negara ini... Langkah-langkah ini diasaskan kepada sunnah nabi, yang mana seperti kita semua tahu perlaksanaan hukum-hukum mengambil-kira bukan sahaja hukum yang ditetapkan bagi sesuatu jenayah, tetapi juga kedudukan penganut Islam di masa tertentu dan perasaan peri kemanusiaan. ...Bagi negara yang penduduk sepenuhnya hampir seratus peratus

Islam, keadaan perhubungan politik dan dagang dengan negara asing juga mempunyai kesan terhadap pelaksanaan undang-undang Islam dalam negeri."

Sebagai penjelasannya kita lihat pandangan dari sudut Islam Ustaz Said Hawa, seorang pemimpin gerakan Islam Al-Ikhwatul Muslimin dan tokoh Islam terkenal abad ini. Beliau mengatakan bahawa suasana murtad yang dihadapi oleh umat Islam selepas wafatnya Rasulullah SAW, juga dihadapi oleh umat Islam pada zaman ini. Di mana murtad umat Islam zaman ini adalah murtad yang mengelirukan. Iaitu kerana umat Islam berada dalam negara yang tidak melaksanakan hukum Allah SWT.

Murtad zaman selepas wafatnya Rasulullah itu, negara Islam masih wujud, yang ada hanyalah golongan murtad yang tidak mahu mematuhi pemerintahan Islam tersebut. Tetapi apa yang dihadapi oleh umat Islam zaman kini ialah murtad yang menyeluruh. Di mana tidak ada negara Islam yang melaksanakan pemerintahan Islam menurut apa yang diamanahkan oleh Allah SWT. Sila rujuk buku 'Kepentingan Berjamaah' oleh Hj. Abdul Hadi Awang.

Dr. Harun Din, Timbalan Dekan Fakulti Pengajian Islam UKM 1978, di dalam buku 'Hudud Dalam Perundangan Islam', yang dibentangkan dalam Seminar Pentadbiran Undang-undang Syariah, Jenayah dan Keluarga Islam di Kedah pada 29 April hingga 1 Mei 1978, mengatakan:

'Dalam peruntukan undang-undang pentadbiran agama di Malaysia, keseluruhan undang-undang tersebut ada peruntukan begini: Barangsiapa dengan perkataan yang dilafazkan, atau perkataan yang bertulis, mencerca dengan

kenyataan yang boleh dilihat, ataupun menyebabkan terkeji atau tersenda agama Islam, atau cuba mencerca atau mencacat agama Islam atau qaul-qaül daripada mana-mana mazhab, boleh dihukum jil selama tidak lebih dari enam bulan, atau denda tidak lebih dari seribu ringgit.' Lihat Undang-undang Mahkamah Syariah Kelantan 1966(1) 74).

Peruntukan yang hampir sama dengan peruntukan tersebut terdapat di Kedah, Perak, Perlis dan lain-lain negeri yang pada umumnya terdapat peruntukan yang hampir sama. Peruntukan tersebut memberi kuasa kepada Majlis-majlis Agama Islam Negeri untuk bertindak menjaga nama baik Agama Islam dan mendakwa orang-orang yang menghina hukum Islam. ...Sekali pandang kesalahan-kesalahan zina dan minum arak telah menjadi hukum takzir, kerana hukum ke atasnya telah bertukar dari hukum Allah kepada hukum qadi. Kalaulah demikian itu benar, maka besarlah kesalahannya, jika dipandang dari sudut undang-undang hudud itu sendiri.

Saya percaya, apa yang berlaku sekarang bukanlah pertukaran hukum. Malahan satu bentuk hukum yang tidak kena mengena dengan hudud. Ianya hukuman yang dibuat oleh penjajah sejak zaman penjajah lagi. Sifat penjajah selama-lamanya bukan sahaja menjajah negeri orang, tetapi menjajah nilai sesuatu bangsa. Ia juga menjajah agama bangsa itu. Oleh itu hukum-hukum yang sedang dilaksanakan sekarang ialah hukuman penjajah. Bukannya hukum Allah.'

Dalam kajian Professor Madya Nik Abdul Rashid, Timbalan Dekan Fakulti Undang-undang Universiti Malaya waktu itu, di Malaysia terdapat banyak undang-

undang yang bercanggah dengan Islam. Antara lain ialah:

- i. Akta Sahtaraf Anak Haram (Akta 60).
- ii. Akta Pajak Gadai (Akta 81).
- iii. Akta Lumba Kuda (Lembaga Totalisator No. 10/1061).
- iv. Akta Lumba Kuda (Pertaruhan Awam No. 44/1965).
- v. Akta Pertaruhan Pool (No. 72/1967).
- vi. Enakmen Billard (Kel. No. 13/1912).
- vii. Ordinan Perjudian (No. 47/1953).
- viii. Ordinan Cukai Perjudian dan Pertaruhan (No. 6/1948).
- ix. Ordinan Cukai Perjudian (Akta 65).
- x. Ordinan Loteri (No. 86/1965).

Oleh itu ada seorang ulama di Malaysia mengatakan, 'Selagi Negara Islam tidak dapat ditegakkan di negara ini, maka selama itulah umat Islam berada di dalam keadaan mungkar yang besar.' Lebih menyayat hati lagi katanya, 'Kalau saudara-saudara sekalian betul-betul seorang yang cintakan Allah dan Rasul, maka saudara-saudara tidak akan dapat tidur lena selagi undang-undang kafir itu masih bermaharajalela di negara ini.'

Professor Dr. Ahmad Ibrahim, Dekan Fakulti Undang-undang Universiti Malaya, dalam bukunya, 'Perundangan Islam: Dasar, Matlamat Dan Perlaksanaannya Di Malaysia' Terbitan Islamic Research Institute KL., menghuraikan:

'Allah memerintahkan supaya hukum yang berlaku di dalam masyarakat mestilah dengan ketentuan Allah. Oleh kerana itu barangsiapa yang tidak berhukum dengan hukum Allah bererti kufur, zalim dan fasiq. Firman Allah SWT:

"Barangsiapa tidak mahu berhukum dengan hukum Allah, bererti kafir."

Al-Maidah: 44.

"Barangsiapa tidak mahu berhukum dengan hukum Allah, bererti zalim."

Al-Maidah: 45.

"Barangsiapa tidak mahu berhukum dengan hukum Allah, bererti fasiq."

Al-Maidah: 47.

Seluruh ahli tafsir dan ahli fiqh sependapat bahawa, barangsiapa memakai selain dari hukum Allah dalam masyarakat Islam, dan meninggalkan sebahagian dari hukum Allah tanpa sebab, dan berkeyakinan atas kebenaran hukum tersebut, mereka akan dihukum menurut firman di atas. Maka bagi orang yang tidak mahu melaksanakan hukum penceraian, tuduhan dan perzinaan dengan anggapan lebih mementingkan anggota manusia, jelas mereka adalah kufur kepada Allah.

Tetapi kalau tidak mahu melaksanakan kerana sesuatu sebab, bukan kerana ingkar, bererti mereka zalim, kalau di situ tidak mencerminkan kebenaran dan keadilan. Tetapi sekiranya masih dapat mencerminkan kebenaran, keadilan dan persamaan, bererti fasiq.'

Mengenai tiga ayat di atas, A. Hassan dalam bukunya 'Islam Dan Kebangsaan' mengatakan begini:

‘Tiga gelaran itu dibahagi kepada tiga keadaan:

1. Dikatakan seorang penghukum itu “kafir,” apabila ia menganggap, bahawa hukum Allah itu tidak baik, atau ia menganggap ada hukum lain yang lebih baik dari hukum Allah.

2. Dikatakan seorang yang menghukum itu “zalim,” apabila ia menghukum dengan tidak tahu adanya hukum Allah tentang itu. Bererti ia meletakkan sesuatu hukum bukan pada tempatnya. Sedangkan makna zalim itu, ialah seorang yang meletakkan sesuatu hukum bukan pada tempatnya. Boleh dikatakan juga bahawa yang menghukum dengan hukum yang tidak dari Allah itu zalim: penganiaya. Yakni menganiaya orang yang dihukumnya, atau menganiaya diri sendiri, kerana menyebabkan dirinya akan menerima balasan yang pedih dari Allah.

3. Dikatakan seorang hakim itu “fasiq”: orang yang derhaka, apabila ia tahu ada hukum Allah tentang sesuatu urusan. Tetapi dengan salah satu sebab, sengaja atau terpaksa, menyebabkan ia menghukum dengan undang-undang yang tidak diwahyukan oleh Allah. Ada ulama berpendapat, bahawa yang menghukum dengan undang-undang yang tidak diturunkan oleh Allah itu kafir, dan tiap-tiap kafir itu sudah tentu zalim dan fasiq.

Jadi tiga gelaran itu kena atas orang yang tidak menghukum dengan hukum yang diturunkan oleh Allah. Walaupun dengan apa cara ditafsirkandan diterangkan, tidak urung tiga ayat itu memberi makna, bahawa manusia terutama Muslimin, wajib menghukum manusia dengan undang-undang yang diturunkan oleh Allah. Orang yang tidak menghukum demikian, sekurang-kurangnya derhaka

kepada Allah.'

Untuk menjelaskan lagi mengenai perkara ini, maka dibentangkan tiga kertas kerja oleh pakar undang-undang Islam negara ini mengenai hukum hudud dan pelaksanaan undang-undang Islam seluruhnya di Malaysia. Kertas kerja yang diputuskan di Seminar Pentadbiran Undang-undang Syariah, Jenayah dan Keluarga Islam Kedah pada 29 April hingga 1 Mei 1978.

Pertama:

Rumusan kertas Kerja Ketiga 'Hudud Dalam Perundangan Islam' oleh Dr. Harun Din:

1. Hukum hudud adalah hukum Allah yang bertujuan membersihkan masyarakat dari perbuatan keji dan mengamankan negara dari bahaya ancaman penjenayah.
2. Hukum hudud hendaklah dijalankan oleh pemerintah kerana agama Islam adalah agama negara.
3. Sejarah telah membuktikan bahawa pemerintah Islam yang mengamalkan hukum hudud mendapati bahawa kejadian-kejadian jenayah berkurangan.
4. Orang-orang Islam yang menghukum dengan hukuman-hukuman lain dari hukum Allah dalam masalah hudud ini akan menjadi murtad, jika mereka berkeyakinan bahawa hukum-hukum itu adalah lebih baik dan lebih sesuai dari hukum Allah.
5. Hukuman-hukuman yang bertentangan dengan hukum Allah adalah mungkar dan wajib diubah serta ditentang. Jika tidak maka bererti kita meredhai hukuman-

hukuman itu, dan ini boleh membawa kepada keku-
furan, mengikut hadith: 'Redha dengan kafir menjadi
kafir'.

6. Suatu peruntukan undang-undang hendaklah diadakan
supayaboleh diambil tindakan ke atas orang-orang
murtad.
7. Tindakan tegas hendaklah diambil ke atas mana-mana
pihak yang menghina dengan secara mempersenda atau
mencaci undang-undang Islam.
8. Pemerintah yang mengamalkan hukum hudud tidak
perlu bimbang risiko ekonomi, kerana Allah telah
menjanjikan rahmat ke atasnya.
9. Hukum hudud adalah disertai dengan: '
sebab itu hukuman-hukuman hudud berkesan.
Sedangkan hukuman yang dijalankan sekarang ini
amatlah tidak berkesan kerana tidak ada: 'cegahan dari
Allah'.
10. Kebebasan menyampaikan dakwah Islamiah dan
menanamkan keimanan kepada rakyat dari segenap
lapisan hendaklah dijamin dengan sepenuhnya oleh
pemerintah.
11. Wakil-wakil rakyat hendaklah diberi penerangan
sejelas-jelasnya dengan secara peribadi atau berdailog,
mengenai hukum-hukum hudud dan tanggungjawab
mereka sebagai seorang Muslim dalam melaksana-
kannya.
12. Usaha-usaha hendaklah dibuat untuk menghantar
rombongan yang terdiri daripada pakar-pakar undang-
undang, dengan diketuai oleh Peguam Negara

melawat Saudi Arabia, untuk mengkaji secara mendalam bagaimana kerajaan Saudi menjalankan hukum hudud dan kesannya terhadap keamanan negara.

13. Hendaklah dilantik Mufti-mufti negeri atau Yang Dipertua-Yang Dipertua Jabatan Agama, yang terdiri dari alim ulama menjadi Ahli Majlis Kerja kerajaan negeri (Exco) atas nama jawatan.
14. Satu perwakilan hendaklah dihantar menemui Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang bagi meyakinkan mereka dengan hukum hudud, supaya dibawa usul mengenainya ke dalam parlimen.
15. Seminar ini hendaklah disusuli oleh satu kongres yang terdiri daripada cerdik-cerdik pandai dalam hukum Islam dan ahli undang-undang.
16. Setiap peserta seminar hendaklah menyampaikan rumusan-rumusan seminar ini kepada pihak-pihak yang diwakilinya dan masyarakat sekeliling dengan seluas-luasnya.
17. Wang denda yang dikutip dari orang-orang yang melakukan kesalahan zina atau arak adalah haram.

Kedua:

Rumusan Kertas Kerja Kelima 'Hukuman Sebat' oleh Datuk Muhammad Yusuf bin Abdul Rashid: Dalam keadaan sekarang adalah sukar hukuman hudud boleh dijalankan di dalam negara ini kerana bercanggah dengan perlembagaan Fasal 3 dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Oleh itu seminar ini merumuskan tindakan yang perlu diambil:

1. Membentuk sebuah jawatankuasa yang terdiri dari peguam-peguam, penafsir-penafsir undang-undang dan ulama-ulama untuk berjumpa dengan:
 - i. YAB Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang.
 - ii. Raja-raja Melayu.
 - iii. Para penggubal undang-undang.
2. Pejabat Agama hendaklah menyusun strategi baru:
 - i. Menyebarkan kertas-kertas kerja dan rumusan-rumusan seminar ini ke negeri masing-masing.
 - ii. Menyediakan khutbah-khutbah Jumaat yang menerangkan wajib melaksanakan hukum-hukum Allah.
3. Mendesak wakil-wakil hadir yang mewakili parti-parti politik, supaya parti mereka memasukkan ke dalam manifesto parti mengenai pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini, khususnya hudud.
4. Menasihati rakyat menggunakan undi mereka dengan sebaik-baiknya, demi untuk menegakkan hukum-hukum Allah.
5. Segala yang menghalang pelaksanaan hukum Islam di dalam perlembagaan hendaklah dimansuhkan.
6. Menyeru wakil-wakil rakyat yang beragama Islam supaya menggunakan kuasa yang diamanahkan kepada mereka dengan sebaik-baiknya demi untuk menegakkan hukum-hukum Allah.
7. Seminar menyarankan kepada rakyat, supaya meng-

gunakan hak mengundi mereka dalam pilihanraya, bagi memilih wakil-wakil rakyat yang akan melaksanakan hukum-hukum Islam di negara ini.

Ketiga:

Rumusan 'Hukum Sebat Di Dalam Undang-undang Islam Dan Undang-undang Awam Malaysia' oleh Professor Dr. Ahmad Ibrahim, Dekan Fakulti Undang-undang Universiti Malaya.

1. Hukuman sebat dalam Islam adalah hukum Allah bukan ciptaan manusia.
2. Hukuman sebat yang dijalankan sekarang ini di penjara-penjara Malaysia, bukanlah merupakan cara-cara hukuman sebat yang dikehendaki oleh Islam.
3. Tujuan undang-undang Islam bukanlah semata-mata untuk menghukum, menyakiti, atau mencederakan seseorang. Tetapi tujuannya adalah untuk memberi ajaran, amaran kepada penjenayah dan orang ramai, serta menegakkan keadilan hukum Islam. (Mendidik dan mengasuh kaum itu supaya menjadi contoh dan tauladan kepada orang lain.)
4. Hukum sebat mengikut cara Islam hendaklah dilaksanakan sebagai satu langkan permulaan ke arah melaksanakan undang-undang Islam keseluruhannya.
5. Hendaklah diperuntukkan satu akta yang membolehkan Mahkamah Syariah membicarakan dan menghukum kes-kes yang boleh dikenakan hukuman sebat.
6. Bagi menyelaraskan hukuman sebat hendaklah diserahkan dan dirujuk kepada pakar berkenaan.

Manakala 'Seminar Syariah Dan *Common Law*' yang diadakan di Pusat Islam Kuala Lumpur pada Mei 1992 telah mengambil ketetapan untuk menyokong kerajaan Kelantan di bawah pimpinan Tuan Guru Hj. Nik Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan dari PAS untuk melaksanakan hukum Syariah yang sebenarnya di negeri itu.

Menurut laporan Harakah 8 Jun 1992, sepucuk surat telah dihantar kepada Menteri Besar dan satu deklarasi juga dihantar kepada Menteri Kehakiman untuk disampaikan kepada pihak kerajaan berhubung dengan sokongan itu. Seminar ini dianjurkan oleh Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM dan Majlis Peguam Malaysia dengan kerjasama Bahagian Hal-Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri. Suratnya berbunyi:

'Dengan hormat dan sukacita, kami semua peserta Seminar Syariah dan *Common Law* di Malaysia yang telah bersidang pada 16 dan 17 Mei 1992 di Dewan Muktamar Pusat Islam, Kuala Lumpur, dengan ini menyatakan sokongan penuh kami ke atas cadangan untuk melaksanakan hukum Syariah Islam di Negeri Kelantan Darul Naim. Pihak kami juga menghantar satu deklarasi kepada YB Menteri Kehakiman Malaysia untuk disampaikan kepada pihak kerajaan. Bersama-sama ini disertakan deklarasi tersebut. Kami semua berdoa kepada Allah SWT agar kerajaan Kelantan dapat merealisasikan cadangan tersebut demi untuk menegakkan hukum Allah yang bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah.'

Seminar itu juga meminta diadakan langkah-langkah untuk memberikan kefahaman kepada rakyat tentang betapa pentingnya sebuah perlembagaan Islam diwujudkan serta penjelasan tentang kebaikannya berbanding

dengan perlembagaan ciptaan manusia, hendaklah dipertingkatkan dan diperluaskan. Dalam deklarasi yang dikeluarkan menyebut bahawa negara ini mempunyai ramai pakar yang mencukupi dalam perundangan Islam. Faktor kekurangan kepakaran tidak boleh lagi dijadikan alasan untuk tidak menggubal sebuah perlembagaan dan undang-undang yang berteraskan Islam. Usaha mengumpul dan memanfaatkan pakar-pakar hendaklah disegerakan, kata deklarasi itu.

Sekumpulan sami-sami Buddha telah hadir dalam ceramah 'Ke Arah Perlaksanaan Syariat Islam' oleh Tuan Guru Hj. Nik Abdul Aziz, anjuran PAS Selangor di Tebuk Pulai, Sabak Bernam 1992 untuk mengetahui keadaan sebenarnya tentang perundangan Islam. Salah seorang dari mereka, Rev. Shuk Yik mengatakan, bahawa mereka yang menentang perlaksanaan hukum hudud adalah tidak berfikiran rasional kerana hanya melihat aspek buruk perlaksanaannya sahaja. Beliau juga berjanji akan memberi sokongan supaya dijalankan segera hukum tersebut.

Di parlimen pada 10 Disember 1992 pula, Timbalan Yang Dipertua atau Timbalan Presiden PAS, selaku wakil rakyat kawasan Marang, Terengganu, Hj. Abdul Hadi Awang bertanya Perdana Menteri:

"... apakah tafsiran undang-undang syarak itu meliputi segala bidang perundangan termasuk undang-undang jenayah dan lain-lain lagi."

"... adakah pihak kerajaan bersedia untuk meminda perlembagaan sekiranya terdapat halangan kepada perlaksanaan Islam dengan cara yang menyeluruh."

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr. Hj. Abdul Hamid Othman menjawab:

"Bahagian pertama soalan itu jawabnya, ya. Bahagian yang kedua, setakat ini hanya kerajaan belum lagi menerima dengan rasmi permintaan dari mana-mana pertukaran perlembagaan itu. Jadi kalau ada, kerajaan sedia menimbanginya."

Itulah jawapan untuk mengelak, seolah-olah kerajaan tidak peka terhadap kehendak rakyat, badan-badan politik, seminar-seminar dan tuntutan yang telah diadakan sebelumnya. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar pula mengemukakan soalan tambahan:

"... apakah dalam pandangan kementerian masalah-masalah yang berbangkit kalau penerapan sekaligus dibuat..."

"... macammanakah masalah ini di atasi dan bolehkah masalah ini di atasi?"

Timbalan Menteri tersebut menjawab lagi:

"... mengikut prinsip Islam, mana-mana undang-undang, adat dan perkara amalan yang tidak bercanggah dengan Islam itu boleh diteruskan. Tetapi sekiranya ada percanggahan, amalan dalam Islam ialah kita merubahnya. Jadi dasar yang diambil oleh kerajaan ialah merubahnya secara beransur-ansur mengikut kemampuan yang ada."

"Bagi pihak kerajaan persiapan ke arah itu, bagi bahagian kedua soalan, kita telah menjalankan usaha-usaha ke arah tersebut. Antara usaha yang terbesar ialah latihan pegawai undang-undang atau bakal yang"

menjadi pegawai undang-undang, sekarang dilatih dalam undang-undang sivil, dan pada masa yang sama mereka diberi latihan undang-undang syarak, dengan harapan di masa depan kita mempunyai pegawai undang-undang yang mahir ke dalam kedua-duanya, maka pada masa itu tidak adalah lagi pertembungan."

'Merubahnya secara beransur-ansur' dan menyediakan 'pegawai undang-undang yang mahir' supaya 'tidak adalah lagi pertembungan' bukan bererti menukar perlembagaan Malaysia kepada Islam tetapi hanya untuk melahirkan pegawai-pegawai undang-undang yang mengikut telunjuk mereka.

Perlembagaan Islam, bagi seorang Muslimin adalah mempunyai hubungkait dengan iman. Perlembagaan yang bukan Islam boleh merosakkan dan meruntuhkan iman seseorang, masyarakat dan negara. Ustaz Said Hawa menggariskan perkara-perkara yang boleh meruntuhkan iman dan menyebabkan seseorang menjadi kafir, yang paling ditakuti oleh setiap Muslim. Yang membakar habis setiap amalan Muslimin.

Dalam senarai keempat katanya:

'ialah menggubal undang-undang mengikut kemahuan manusia bukan mengikut ketentuan Allah, yang bererti perbuatan itu adalah melawan Allah, kerana Allah sahajalah yang mempunyai hak menentukan undang-undang bagi kehidupan manusia.'

Dalam senarai keenam:

'Ialah menjalankan hukum yang lain daripada hukum Allah SWT atau tidak merujuk kepada hukum Allah dalam

sesuatu perkara.'

Senarai kesembilan:

'Ialah menghina sesuatu daripada Kitab atau Sunnah, atau menghina orang alim yang menegakkannya, atau mempersendakan hukum-hukum daripada Allah, atau syiar-syiar daripada syiar Islam.'

Senarai kesepuluh:

'Ialah menghalalkan yang diharamkan oleh Allah atau sebaliknya.'

Senarai kesebelas:

'Ialah tidak beriman dengan sumber-sumber hukum daripada al-kitab dan al-sunnah.'

Maka amatlah malang bagi UMNO yang tidak mahu menggubal perlembagaan Islam di Malaysia sejak merdeka. Ia boleh meminda ke arah itu, atau sekurang-kurangnya bercita-cita sahaja pun jadilah... Tetapi kini, dengan bukti-bukti seperti yang disebutkan, ia sudah melibatkan diri sebagai penentangannya!

Inilah jarak cukup jauh dan perbezaan cukup besar antara UMNO dengan PAS. Sehingga berkatalah Tuan Guru Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang menjadi Ketua Dewan Ulama PAS Malaysia waktu itu, sesama merasmikan Penubuhan Cawangan PAS Kampung Takel, Dewan Besar Labok dekat Machang pada 26 Ogos 1984, katanya:

'Sekiranya Perlembagaan UMNO dipinda daripada perjuangan kebangsaan kepada kepada perjuangan Islam tulen, maka PAS akan memberi sokongan penuh kepada

Datuk Seri Dr. Mahathir untuk menjadi Perdana Menteri buat selama-lamanya.' Seperti yang dicatatkan oleh *Berita Harian* 27 Ogos 1984.

Dengan lain perkataan PAS sedia bekerjasama dengan UMNO asalkan UMNO mahu melaksanakan Islam sepenuhnya di negara ini. Tetapi UMNO hendaklah membuktikannya dengan meninggalkan perjuangan kebangsaannya yang tidak Islam, menukar dasarnya kepada Islam, membawa kepada penggubalan kepada Perlembagaan Islam di Malaysia.

Seorang pemimpin PAS lain pernah berceramah, 'sekiranya waktu pukul 12 malam ini kerajaan Malaysia mengisytiharkan perlembagaan Malaysia ditukarkan kepada perlembagaan Islam, maka pada pukul 12.05 malam ini juga, kita sanggup mengisytiharkan pembubaran PAS!'

Ini bermakna kuasa penyatuan antara PAS dan UMNO, yang mewakili perpaduan umat Islam Malaysia ada pada Perlembagaan Islam, atau pada Kitabullah. Bagaimana untuk melaksanakannya? Menurut penulis ini ada tiga cara yang sesuai di Malaysia. Dua cara, kuasanya ada pada UMNO jika UMNO benar-benar mahu melaksanakannya. Bakinya ada pada rakyat.

Pertama:

Dengan membatalkan peruntukan perkara 4.1 Perlembagaan Persekutuan dengan merubah kandungannya kepada berikut:

'Al-Quran dan as-sunnah adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan

selepas daripada (tarikh) yang berlawanan dengan kedua-duanya adalah setakat mana yang berlawanan itu, terbatal.'

Apabila bahagian 1 ini dirubah maka semua peruntukan-peruntukan lain akan mengikut '*formalization of rules*' tersebut. Apabila 'kepala'nya berubah, maka anggota badannya yang lain pun ikut berubah. Yakni apabila niatnya sudah betul, maka amalannya pun akan mengikut niat dan dikirakan ibadat.

Kedua:

Dengan cara menggubal satu perlembagaan yang berdasarkan al-Quran dan as-sunnah, ijmak ulama dan qias. dimana bidang kuasa tersebut diberi kepada Mahkamah Syariah meliputi apa yang diiktisarkan daripada hukum al-Quran itu sendiri, seperti ibadat, perkahwinan, pusaka, jenayah, perdagangan, kehakiman dan sebagainya. Dengan peruntukan di atas Mahkamah Syariah akan mengambilalih Mahkamah Agung dengan bidang kuasa yang menyeluruh mengikut ikhtisar hukum al-Quran.

Ini semua boleh dilakukan oleh UMNO yang menjadi tulang belakang pemerintahan Malaysia. Mereka boleh menggunakan kesetiakawanan mereka dalam BN untuk memenangi usul tersebut di parlimen. Inilah yang tidak mahu mereka lakukan yang menimbulkan pertentangan dengan PAS.

Ketiga:

Cara ini sama dengan rumusan yang dikemukakan dalam Seminar Undang-undang Syariah, Jenayah dan Keluarga Islam Kedah 1978, yang menasihatkan rakyat supaya menggunakan undi mereka sebaik-baiknya untuk

menegakkan hukum Allah. Mereka hendaklah memilih parti dan wakil rakyat yang mahu menegakkan pelaksanaan hukum Allah atau memasukkan pelaksanaan tersebut dalam manifesto parti mereka.

Yang sudah tentu PAS atau Parti Islam SeMalaysia telah menepati ciri-cirinya. Rakyat hendaklah jangan keliru dengan 'program Islamisasi' yang merupakan projek politik parti yang memerintah untuk mengelirukan tentang pelaksanaan perlembagaan Islam di Malaysia. Malang bagi rakyat yang menganggap segala-galanya sudah Islam apabila adanya Universiti Islam, Bank Islam, masjid Islam dan sebagainya, kerana di negara-negara yang bukan Islam pun terdapat institusi-institusi seperti itu... Rakyat hendaklah sedar kuasa meletakkan perlembagaan Islam di Malaysia berada di tangan mereka!

**Tuan Guru Haji
Nik Abdul Aziz:**
PAS akan
memberi
sokongan
penuh kepada
Dr. Mahathir
sebagai PM
selama-lamanya
sekiranya....



Sultan

6

SULTAN ertinya kuasa. Yakni kuasa pemerintahan seluruhnya terletak di tangan Raja-raja Melayu yang memerintah negeri-negeri di Tanah Melayu. Tetapi dalam perjanjian Pangkor 1874, kuasa tersebut telah dirampas oleh British melalui Residennya, kecuali soal-soal agama yang dipersempitkan dan adat istiadat Melayu.

Perjanjian ini diperluaskan lagi dengan terbentuknya Negeri-negeri Melayu Bersekutu tahun 1895 di mana kuasa yang amat luas diberi kepada Residen General. Begitulah seterusnya hingga ke negeri Kelantan pada 1910, Johor 1914, Terengganu 1919, Kedah 1923 dan Perlis tahun 1930. Kebebasan dalam soal-soal agama dan adat juga akhirnya turut diganggu oleh penjajah Inggeris.

Malang lagi, apabila menjelang kemerdekaan tahun 1957 kuasa tersebut terus hilang dari tangan Raja-raja Melayu tetapi berpindah kepada pemimpin-pemimpin UMNO yang kononya menjadi pelopor kemerdekaan yang tidak merdeka itu. Tinggal kuasa Raja atau Sultan yang tidak mempunyai ciri-ciri kesultanan.

Ke mana kuasa tersebut diagihkan oleh UMNO?

Melihat kepada Perlembagaan Malaysia *'made in*

England' yang ditaja oleh UMNO itu, Bab 3 mengenai Kuasa Pemerintahan Persekutuan, Perkara 39 mengatakan:

'Kuasa pemerintah bagi Persekutuan adalah terletak kepada Yang Dipertuan Agung dan tertakluk kepada peruntukan mana-mana Undang-undang Persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, kuasa itu boleh dijalankan olehnya, atau Jumaah Menteri, atau mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh Jumaah Menteri, tetapi parlimen boleh dengan undang-undang memberi tugas-tugas pemerintah kepada orang lain.'

Perkara 40.1 pula menyatakan:

'Yang Dipertuan Agung hendaklah bertindak mengikut nasihat'.

Dengan itu maka, kuasa membuat undang-undang pada pratikalnya ialah parlimen. Manakala Yang Dipertuan Agung atau Sultan hanya menandatangani persetujuannya sahaja. Sebab itu kuasa dua pertiga anggota parlimen boleh menggubah perlembagaan. Secara umumnya tugas, kuasa dan kedudukan Yang Dipertuan Agung adalah berbentuk lambang atau simbol. Namun begitu bukanlah seperti patung yang boleh memperkenankan apajua perkara. Baginda bertindak atas nasihat mengikut peruntukan-peruntukan dalam perlembagaan.

'Inilah keunikan Intitusi Raja Perperlembagaan di Malaysia, tidak seperti di Arab Saudi di suatu pihak atau Britian di pihak yang lain.' Kata seorang peguam.

Yang Dipertuan Agung adalah menjadi sebahagian daripada perlimen untuk membuat undang-undang. Walaupun kenyataan ini tidak menyeluruh kebenarannya dalam ertikata Baginda tidak duduk bersama-sama dalam

sidang parlimen atau Dewan Rakyat atau Dewan Negara, dalam menentukan jenis, bentuk, atau yang mana satu undang-undang yang hendak diperbuat, tetapi perkenan Baginda adalah perlu untuk mengesahkan sesuatu rang undang-undang itu menjadi undang-undang. Lihat Perkara 66. 3,4, dan 5.

Sesuatu rang undang-undang itu setelah diluluskan di parlimen atau Dewan Rakyat atau Dewan Negara, hendaklah dipersembahkan kepada Yang Dipertuan Agung untuk perkenan Baginda sebelum sah rang undang-undang itu menjadi undang-undang. Demikianlah kedudukannya sebelum Akta Pindaan Perlembagaan 1983 diperkenankan. Akta Perlembagaan Pindaan 1983 (Akta A 506) pula, peruntukannya seperti berikut:

'Perkara 66. 5 - Suatu rang undang-undang hendaklah menjadi undang-undang, apabila ia diperkenankan oleh Yang Di Pertuan Agung. Jika kerana apa-apa jua sebab Rang Undang-undang itu tidak diperkenankan oleh Baginda dalam tempoh lima belas hari selepas rang undang-undang itu dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agung, maka Baginda hendaklah disifatkan telah memperkenankan Rang undang-undang itu, dan rang undang-undang tersebut hendaklah dengan demikian itu menjadi undang-undang.'

Akta A506 ini telah diluluskan oleh parlimen pada 9 Januari 1984, yang mana tempoh 15 hari itu dipanjangkan kepada 30 hari. Jika rang undang-undang itu tidak diperkenankan oleh Baginda, ia akan dibawa semula ke parlimen untuk dibahaskan. Setelah lulus di parlimen maka

dipersembahkan semula untuk perkenan Baginda. Kiranya Baginda masih tidak mahu memperkenankannya, maka Baginda hendaklah disifatkan telah memperkenankan rang undang-undang tersebut selepas 30 hari dipersembahkan kepada Baginda.

Sebagai suatu arguman di luar konsep perundangan bolehlah dikatakan bahawa di dalam menentukan sesuatu undang-undang itu, kuasa yang Dipertuan Agung adalah lebih lemah dari kuasa yang ada padanya sebelum Akta Pindaan Perlembagaan 1983 itu diluluskan. Secara umumnya Yang Dipertuan Agung tidak boleh menolak rang undang-undang yang diluluskan oleh parlimen. Tetapi jika rang undang-undang itu menyentuh pindaan perlembagaan Perkara 159 dan menyentuh Perkara 10.4, 14.31, 38, 63.4, 70, 71.1, 72.4, 152, 153, dan 159.5, maka pindaan itu tidak boleh diperbuat tanpa persetujuan Majlis Raja-raja.

Jadi, kuasa atau sultan yang sebenar-benarnya berkuasa adalah parlimen. Dua pertiga daripada ahli-ahli parlimen sudah berkuasa mengubah atau menggubal undang-undang. Ahli-ahli parlimen terdiri daripada wakil-wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat. Tidak kira Islam ataupun bukan. Kalau wakil rakyatnya terdiri dari dua pertiganya yang bukan Islam atau yang menentang Islam, maka kuasa parlimen tersebut boleh merubah perlembagaan yang ada atau menggubal perlembagaan baru mengikut kehendak mereka.

Inilah yang dibimbangi oleh PAS, kerana PAS tidak mahu wakil-wakil rakyat itu terdiri dari orang yang bukan Islam. Di samping syarat menjadi ahli PAS ialah Islam dan

aqil baligh menurut hukum syarak, maka dalam hal 'syarat-syarat menjadi calon PAS dalam pilihanraya dan panduan memilih bakal calon dan pimpinan PAS menurut Islam', Dewan Ulama PAS pernah membuat keputusan:

'...bahawasanya calon-calon yang dicalonkan untuk bertanding dalam pilihanraya menurut kenyataan Islam adalah merupakan seorang ulil-amri (waliyul amri) atau ketua (imam) bagi satu kawasan yang diwakilinya, sama ada di peringkat kawasan, Dewan Undangan Negeri atau kawasan parlimen.'

'...Bahawasanya apabila calon itu adalah seorang ketua () atau al-imam, maka sudah tentu ianya tertakluk kepada firman Allah dalam surah al-Maidah ayat 55, ertinya: "Sesungguhnya ketua kamu ialah Allah dan Rasulnya, dan mereka yang beriman dan tetap mendirikan sembahyang, dan mengeluarkan zakat, serta tunduk menjunjung perintah Allah.'

Ini amat berbeza dengan UMNO. Mengikut sejarahnya, UMNO sejak awal sebelum merdeka lagi, telah melaksanakan kerjasama 'kongsi kuasa' dengan golongan bukan Islam yang terdiri kaum Cina, India, Buddha, Hindu, Kristian dan lain-lain. Ia bermula dengan kerjasama UMNO-MCA dalam menghadapi IMP atau Parti Kemerdekaan Tanah Melayu pimpinan Datuk Onn Jaafar ketika diadakan pilihanraya kawasan Perbandaran Kuala Lumpur Februari 1952.

MCA asalnya ialah sebuah pertubuhan kebajikan orang-orang Cina bukan Islam telah diberi kuasa politik oleh UMNO, menjadi wakil rakyat dan akhirnya menerajui pemerintahan, yang menimbulkan masalah kepada orang-

orang Melayu Islam di Malaysia. Kerjasama kongsi kuasa ini terus diperluaskan kepada UMNO-MCA dan MIC sebuah pertubuhan orang-orang berketurunan India bukan Islam, di dalam Perikatan, bagi menghadapi pilihanraya pertama tahun 1955.

Pengundi-pengundi berdaftar dalam pilihanraya pertama itu berjumlah 84 peratus pengundi Melayu Islam, 11 peratus pengundi Cina, dan tidak sampai 5 peratus pengundi yang berketurunan India. Tetapi UMNO bermurah hati memberi 15 orang calon kepada MCA bakal menduduki sebagai wakil rakyat, yakni 28 peratus dari calon Perikatan, pada hal pengundi Cina hanya 11 peratus sahaja. Kepada MIC diberi dua orang calon, sedangkan tidak ada kawasan pengundi India yang mencapai jumlah 50 peratus.

Pilihanraya umum 1959 pula dicadangkan MCA 28 orang dan MIC 2 orang dari 104 kerusi. Tetapi MCA menuntut sebanyak 40 orang. Entah mengapa UMNO sentiasa berlembut.. Maka diperuntukkan 31 bagi MCA dan 4 untuk MIC. Amalan ini berterusan hingga sekarang, dan Perikatan diperluaskan kepada BN atau Barisan Nasional yang menggabungkan banyak lagi pertubuhan-pertubuhan yang bukan Islam. Sehingga ramai calon-calon kafir diletakkan di kawasan yang majoritinya orang Islam. Tetapi anehnya UMNO sangat berhati-hati dan takut untuk meletakkan calon Islam Melayu-UMNOnya di kawasan yang majoritinya orang bukan Islam.

Bahkan akhir-akhir ini UMNO sudah menerima keahliannya sendiri yang terdiri dari orang-orang yang bukan Islam seperti orang-orang beragama Buddha di Kedah, orang-orang Kristian di Sabah dan Portugis di

Melaka. Dengan itu jelaslah bahawa kuasa pemerintahan di negara ini telah diagih-agihkan oleh UMNO kepada orang-orang yang bukan Islam.

Penulis sendiri berpengalaman menjadi calon Parti Islam Se Malaysia dalam pilihanraya umum 1986 di Dewan Undangan Negeri Telok Bahang dan 1990 di Dewan Undangan Negeri Bayan Lepas, Pulau Pinang, yang majoriti pengundinya orang Islam. Dalam pilihanraya umum 1990, datang seorang Menteri Pusat yang jenteranya terus berkempen hingga ke kampung-kampung mengatakan bahawa tidak mengapa memilih calon BN yang bukan Islam sebagai wakil rakyat kerana mereka bukan 'ulil-amri' di Malaysia.

Wakil rakyat bukan Islam itu tidak berkuasa dan tidak dapat menentukan dasar pemerintahan negara. Cakap apa ini? Tidakkah menteri berkenaan yang pernah menjadi tokoh belia Islam tidak mempelajari sejarah Islam? Atau pura-pura tidak mengerti kuasa parlimen dan sejarah Malaysia? Kebetulan penulis sendiri bertanding di kawasan Bayan Lepas melawan calon BN yang bukan Islam, anak Ketua Menteri Pulau Pinang waktu itu.

Calon bukan Islam yang diletakkan di kawasan yang majoritinya orang Islam. Penulis teringat peristiwa pada suatu petang, sewaktu akan keluar dari pejabat Setiausaha PAS Kawasan Parlimen Balik Pulau, untuk menuju ke pejabat gerakan pilihanraya 1990 PAS Balik Pulau di Sungai Tiram, yang tidak jauh dari situ. Pejabat Setiausaha di Bukit ambul itu yang terletak bersempadan dengan kawasan Balik Pulau tetapi di dalam kawasan Parlimen Bayan Baru.

Wakil rakyat bagi Dewan Undangan Negeri tersebut iaitu Dewan Undangan Negeri Batu Uban, ialah seorang wanita bukan Islam yang ditentang oleh saudara Ahmad Nor dari DAP. Disebelah pejabat kami itu ada sebuah bilik yang dijadikan surau sementara dan tempat belajar al-Quran untuk penduduk-penduduk rumah pangsa di kawasan tersebut. Waktu itu terdapat sekumpulan kaum ibu yang sedang melaksanakan upacara menyampaikan hadiah wakil rakyat kepada anak-anak penduduk kawasan itu.

Kanak-kanak itu dilatih supaya menjawab soalan yang ditanya kepada mereka beramai-ramai: "Siapakah yang memberi hadiah kepada kamu?" Kanak-kanak itu menjawab dengan menyebut nama wakil rakyat itu beramai-ramai. "Siapakah yang memberi kemakmuran kepada kamu?" Jawab kanak-kanak itu lagi, "Barisan Nasional!" Inilah yang dilatih berulang-rulang supaya kanak-kanak itu menghafal dan membawanya pulang untuk mempengaruhi ibubapanya.

Lepas itu barulah wakil rakyat kafir yang memakai skirt di dalam surau itu pun menyampaikan hadiahnya. Astaghfirullah... Mereka sanggup menggunakan surau dan pengajian al-Quran untuk kepentingan politik sekular mereka. Mereka sanggup merosakkan pengajian aqidah kanak-kanak dengan mengatakan yang selain Allah memberi kemakmuran kepada manusia.

Kemenangan wakil rakyat bukan Islam sangat membahayakan Islam di negara ini. Penulis sendiri menerima pengaduan daripada penduduk-penduduk kampung, terutamanya penghuni rumah pangsa yang

mengadu bahawa mereka tidak dibenarkan menggunakan pembesar suara untuk seruan azan waktu subuh di surau mereka.

Contohnya ialah surau di Bukit Gedong. Wakil rakyat bukan Islam turut campurtangan untuk menghalang sehingga menimbulkan bantahan daripada Pemuda UMNO Bahagian Balik Pulau di Sekolah Agama Bayan Lepas kira-kira setahun sebelum pilihanraya 1990. Sehingga buku ini ditulis Masjid Negeri Pulau Pinang juga dikatakan tidak dibenarkan menggunakan pembesar suara waktu azan Subuh.

Begitu juga pembangunan yang dibuat di negeri itu seolah-olah menghambat penduduk Islam dari kampung halamannya. Contohnya seperti penternakan babi besar-besaran di Batu Maung, pembinaan hotel di pantai-pantai, pembinaan rumah kos tinggi atau rendah yang tidak dapat dibeli oleh orang-orang Melayu dan lain-lainnya, di kawasan orang Islam. Pernah Allahyarham Professor Zulkifli Muhammad memberi amaran kepada penduduk Melayu di Singapura, bahawa orang Melayu akan dihambat dari kampung halamannya sendiri bukan melalui muncung senjata tetapi melalui pembangunan, projek-projek dan lain-lain. Kini perkara tersebut sudah berlaku di Malaysia terutamanya di Pulau Pinang, Langkawi dan lain-lain.

Dalam pilihanraya umum tahun 1955 di Pulau Pinang, Haji Abdullah Fahim Mufti Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai, Haji Mohd. Salleh Masri Ahli Majlis Penasihat Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai dan Abdul Halim Al-Hadi Guru Besar Daerattul Maarif Al Wattaniah Kepala Batas Seberang Perai pernah

mengeluarkan fatwa seperti yang pernah disiarkan oleh akhbar *Warta Negara* 26 Julai 1955. Lihat juga akhbar *Utusan Melayu* 25 Julai 1955. Antara lain menyatakan:

‘... tiap-tiap pengundi yang beragama Islam lelaki dan perempuan yang mempunyai hak mengundi menurut undang-undang pilihanraya Persekutuan yang telah disahkan, wajib menjalankan hak undinya dengan turun ke tempat mengundi dan membuang undinya pada hari dan waktu yang telah ditetapkan, wajib hanya memilih calon yang terdiri dari orang Islam sahaja, sesiapa juga yang di antara orang Islam yang memberi hak undinya kepada orang yang bukan Islam adalah dianggap bahawa orang itu telah melakukan satu perkara yang berlawanan dengan kehendak ayat-ayat Allah...’

Tuan Haji Ahmad Awang, Timbalan Yang Dipertua PAS waktu itu menyatakan bahawa fatwa tersebut dikeluarkan oleh orang-orang yang tidak menyebelahi mana-mana parti. Lihat *Warta Negara* 26 Julai 1955. Fatwa ini sungguh menakutkan UMNO sehingga akhbar-akhbar menyiarkan penafian yang dikatakan dari Abdullah Fahim sendiri tanpa merujuk kepada mana-mana ayat walaupun beliau seorang Mufti yang berwibawa.

Bagi Haji Mohd Salleh Masri dan Abdul Halim Al-Hadi, fatwa tersebut cukup terang dan jelas tiada berhajat kepada takwil lagi. Sebenarnya penafian tersebut tidak dibuat oleh Abdullah Fahim tapi dibuat oleh orang lain dengan tujuan untuk meletakkan tanggung jawab itu kepada PAS dan menjaga politik UMNO sendiri, seperti keterangan yang dibuat oleh Sheikh Ali Baldram.

Melihat dalam sejarah pemerintahan Islam di Madinah

pada zaman Rasulullah SAW dan di zaman Khalifah Islam Yang Empat, tidak terdapat seorang pun dari kalangan ahli zimmi atau orang kafir yang bernaung di bawah negara Islam, dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat atau Syura. Mereka hanya diberi tugas untuk menjalankan undang-undang, bukan membuat undang-undang seperti di Malaysia sekarang ini. Maka amatlah merbahaya dasar yang diikuti oleh UMNO dalam soal ini, khususnya terhadap kedudukan umat Islam. Memilih atau mengizinkan orang kafir menjadi pemimpin, bererti membenarkan sifat kekafiran itu meresap masuk ke dalam masyarakat.

Jangan diharap dari kompenan yang bukan Islam untuk membantu Islam dan umat Islam. Tidak mustahil MCA, DAP, GERAKAN dan parti-parti yang bukan Islam akan bersatu untuk menentang Islam, walaupun zahirnya mereka berpecah. Firman Allah SWT:

"Hai Nabi, berjihadlah (melawan) orang-orang kafir dan orang munafik itu, dan bersikap keraslah terhadap mereka. Tempat mereka ialah Neraka Jahannam. Dan itulah tempat kembali yang seburuk-buruknya."

At-Taubah: 73.

Dalam suasana demokrasi seperti di Malaysia, adalah bebas setiap rakyat memilih wakil rakyat yang mereka suka dan parti mana yang mereka kehendaki. Tidak ada paksaan. Tidak timbul 'masalah dharurat'. Tidak perlu berkempen atau memaksa rakyat memilih orang kafir sebagai pemimpin atau wakil rakyat. Kita bukan di bumi orang kafir yang memaksa, menekan atau mengancam untuk membunuh orang Islam yang tidak mengundi mereka.

Bukannya diancam dengan lapar, dahaga atau kemusnahan harta benda yang membawa malapetaka dan kehilangan nyawa kalau orang Islam tidak memilih mereka. Mengapa perlu menjadi alat kepada orang kafir yang menyengutui dan menentang Allah? Amatlah besar dosanya orang yang merelai dan membiarkan orang kafir dilantik sebagai pemimpin kepada orang-orang Islam.

Mengikut Fatwa Majlis Agama Islam Kelantan tahun 1963, mengenai hukum orang-orang Islam yang berikat dengan orang-orang kafir, berunding, bermesyuarat dan bermaufakat dalam memerintah sesebuah negara, yang menyatakan:

'Tidak jadi kafir, jikalau orang-orang Islam berikat dengan orang kafir seperti yang tersebut di dalam pertanyaan itu, sekiranya tidak beserta dengan rasa rela atau setuju (redha) dengan kekafirannya. Sebaliknya jika beserta dengan rasa rela dan setuju (redha) dengan kekafirannya maka (ia) jadi kafir, tetapi bagaimanapun 'haram', kecuali ketika terpaksa yang tidak dapat dielakkan (dharurat).'

Mengundi bererti melakukan dengan perbuatan, bukan dengan lidah. Jika seseorang memilih orang kafir bermakna dia bersetuju dengan si kafir itu, kerana dia dengan kekafiran itu tidak boleh dipisahkan. Jadi orang yang memilih atau melantik orang kafir menjadi ketua, maka dia terlibat dalam kekafiran itu. Demikian juga pendapat Dr. Yusuf Al-Qardhawi.

Hanya mereka yang tidak faham Islam, yang cuba menakut-nakutkan rakyat Melayu Islam untuk menyusun dan menjalankan undang-undang Islam. Waktu orang

Islam majoriti di awal kemerdekaan, mereka mengatakan jangan gopoh, kita ramai dan kuasa di tangan kita. Waktu kita sedikit seperti sekarang, mereka takut kerana jumlahlah orang-orang bukan Islam pula yang ramai di Malaysia. Berbagai alasan diberikan. Nanti tidak wujud keadilan kerana hanya orang Islam sahaja dihukum menurut Islam, sedangkan orang bukan Islam kita tidak boleh hukum menurut Islam. Nanti huru-hara, dan macam-macam lagi, yang disandarkan atas pertimbangan orang kafir.

Contohnya, *Utusan Malaysia* 10 Mac 1982, menyebutkan bahawa pada 9 Mac 1982 di parlimen, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad berkata:

“Dalam keadaan orang Islam adalah 50 peratus sahaja dari penduduk sebuah negari, pelaksanaan undang-undang Islam tentulah terpaksa mengambil kira siasah yang wujud dalam keadaan.’...

‘Yang pertamanya ialah soal kemampuan dan yang kedua ialah soal keadilan.’...

‘Adalah tidak adil dalam masyarakat majmuk jika pencuri Islam dipotong tangan, tetapi pencuri bukan Islam tidak dikenakan hukum sama sekali kerana tidak ada saksi-saksi Islam. PM menekankan dalam keadaan ini hukuman terhadap penjenayah terpaksa disamakan, baik dari segi proses keadilan atau hukuman.’

Tetapi kenyataannya agak lunak sedikit dalam tahun 1992 apabila rakyat Kelantan menolak BN menerima Angkatan Perpaduan Ummah dan PAS, yang mahukan pelaksanaan undang-undang Islam di bawah pimpinan Menteri Besarnya Tuan Guru Hj. Nik Abdul Aziz. Boleh

jadi kelunakan tersebut disebabkan kebijaksanaan MB Kelantan yang menghadapi 'kekerasan' PM dengan 'kelembutan'. Atau juga sebagai ucapan 'politik' nya ingin membuktikan kepada rakyat bahawa UMNO juga mahukan perundangan Islam, tetapi cuma keadaan yang tidak mengizinkan.

Ini semua akan terbukti apabila Draf Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan yang telah siap akan dibentangkan kelak. Kita boleh lihat siapa yang mahu dan siapa yang tidak mahu.. Dalam hal ini sila rujuk *Berita Harian* 17 April 1992, kenyataannya di Lapangan Terbang Subang pada 18 April 1992, dan jawapan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam Penyata Rasmi Parlimen 10 Disember 1992 muka surat 6. Juga akhbar *Harakah* 1 Januari 1993.

Bila merujuk kembali kepada pemerintahan Rasulullah SAW di Negara Islam Madinah, golongan Islam cuma sedikit berbanding dengan yang bukan Islam melebihi 5,000 orang. Namun Rasulullah tetap melaksanakan undang-undang dan pemerintahan Islam, dengan tidak melantik orang kafir sebagai pemimpin orang Islam.

Mengikut Dr. Said Hawa, satu daripada perkara yang meruntuhkan Islam atau menyebabkan menjadi kafir ialah melantik orang kafir dan munafiqin menjadi pemimpin serta tidak menyintai orang yang beraqidah Islam dan Mukmin. Allah berfirman yang bermaksud:

"Khabarkan kepada orang-orang munafik bahawa mereka akan mendapat siksa yang pedih, (iaitu) orang-orang yang mengambil orang kafir menjadi teman-teman penolong dengan meninggalkan orang-orang

Mukmin. Apakah mereka mencari kekuatan di sisi orang-orang kafir itu? Maka sesungguhnya semua kekuatan kepunyaan Allah."

An-Nisak: 138-139.

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil jadi pemimpinmu, orang-orang yang membuat agamamu jadi buah ejekan dan permainan, (yaitu) di antara orang-orang yang diberi kitab sebelumnya, dan orang-orang kafir (musyrik). Dan bertaqwalah kepada Allah, jika kamu betul-betul orang yang beriman."

Al-Maidah.

Ayat-ayat lain yang menerangkan dan melarang orang-orang Islam supaya jangan mengambil orang-orang kafir sebagai pemimpin, kawan atau penolong, ialah firman Allah SWT yang bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani menjadi pemimpin-pemimpinmu, sebahagian mereka adalah pemimpin bagi sebahagian yang lain. Barangsiapa di antara kamu mengambil mereka menjadi pemimpin, maka sesungguhnya orang itu termasuk golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang zalim. Maka kamu akan melihat orang-orang yang ada penyakit dalam hatinya (orang-orang munafik) bersegera mendekati mereka (Yahudi dan Nasrani), seraya berkata: Kami takut akan mendapat bencana.

Mudah-mudahan Allah akan mendatangkan kemenangan (kepada Rasul-Nya) atau sesuatu keputusan

dari sisi-Nya. Maka kerana itu, mereka menjadi menyesal terhadap apa yang mereka rahsiakan dalam diri mereka. Dan orang-orang yang beriman akan mengatakan: Inilah orang-orang yang bersumpah sungguh-sungguh dengan nama Allah, bahawasanya mereka benar-benar beserta kamu? Rosak binasalah segala amal mereka, lalu mereka menjadi orang-orang yang merugi.”

Al-Maidah: 51-53.

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang kafir menjadi wali (teman akrab, pelindung atau penolong) dengan meninggalkan orang-orang Mukmin. Inginkah kamu mengadakan alasan yang nyata bagi Allah (untuk menyiksamu).”

An-Nisak: 144.

“Janganlah orang-orang Mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi wali (teman akrab, pemimpin, pelindung atau penolong) dengan meninggalkan orang-orang Mukmin. Barangsiapa berbuat demikian, nescaya lepaslah ia dari pertolongan Allah, kecuali kerana (siasat) memelihara diri dari sesuatu yang ditakuti dari mereka. Dan Allah memperingatkan kamu terhadap diri (siksa)Nya. Dan hanya kepada Allah kembali (mu). Katakanlah: Jika kamu menyembunyikan apa yang ada dalam hatimu atau kamu melahirkannya, pasti Allah mengetahui. Allah mengetahui apa-apa yang ada di langit dan apa-apa yang ada di bumi. Dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.”

Ali Imran: 28-29.

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu jadikan bapa-bapa dan saudara-saudaramu pemimpin-

pemimpinmu, jika mereka lebih mengutamakan kekafiran atas keimanan, dan siapa di antara kamu menjadikan mereka pemimpin-pemimpin, maka mereka itulah orang yang zalim. Katakanlah: bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khawatiri kerugiannya, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, adalah lebih kamu cintai daripada Allah dan Rasul-Nya, dan(dari) berjihad di jalan-Nya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusan-Nya. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang fasiq."

At-Taubah: 23-24.

Lain-lain ayat ialah: At-Taubah: 67-68, Ali-Imran: 177, An-Nisak: 144, Ali-Imran: 118-120, Al-Mumtahanah: 1-9, dan Al-Mujaadilah: 14-22.

Memang amat banyaklah bencana dan kerosakan yang berlaku ke atas kaum Muslimin, akibat dari dasar merestui orang-orang bukan Islam dilantik sebagai wakil rakyat, pemimpin atau menteri-menteri. Kuasa yang ada pada umat Islam telah diberikan kepada musuh-musuh Allah, oleh pemimpin-pemimpin umat Islam. Mereka menggesa tangan-tangan pengikutnya pula memangkah dan menaikkan musuh Allah yang mereka sayangi. Sifat-sifat kekafiran musuh-musuh Allah itu terkena, tersebar dan terserap juga ke atas umat Islam, yakni terikut-ikut dengan sifat kekafiran itu. Sehingga bertambah rosak dan hancurlah umat Islam. Seperti firman Allah SWT, bermaksud:

"Kamu tidak akan mendapati seesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, saling

berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya, sekalipun orang itu bapa-bapa, atau anak-anak, atau saudara-saudara, ataupun keluarga mereka."

Al-Mujaadilah: 22.



Dr. Mahathir menari dengan wanita Kadazan. Benarkah sigah di kepalanya berlambang salib? Mengapa ulama-ulama yang menjadi alat UMNO tidak menfatwakan 'haram'nya seperti yang difatwakan kepada Tengku Razaleigh yang juga dikatakan memakai sigah?



Isteri PM pula kerana terlalu gembira sanggup berpelukan dengan Rashid Sidek kerana menang merebut Piala Thomas... Tidak ada fatwakah untuknya?



Ustaz Nik Abdul Aziz bersama sami-sami Buddha dalam majlis ceramahnya di Sabak Bernam.



Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz dan Dr. Mahathir melangkah bersama-sama. Bolehkah mereka bersama dalam memimpin Malaysia?



Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang sedang berceramah.

Raja Adil?

7

SATU perkara yang menarik dalam sidang parlimen pada 10 Disember 1992 apabila semua ahli parlimen yang hadir, termasuk PAS dan DAP bersetuju, tidak ada yang membantah dan berkecuali dengan usul yang dibawa oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar iaitu Tuan Abdul Ghafar Baba.

Inilah pertama kali dalam sejarah parlimen, satu usul dari kerajaan mendapat sokongan sebulat suara dari semua ahli dewan yang hadir itu. Persefahaman sementara ini wujud adalah kerana usul mengenai insiden DYMM Sultan Johor mencederakan Encik Douglas Gomez seperti yang telah dipersetujui dan diputuskan:

'Bahawa menurut peraturan mesyuarat 36(8) Dewan yang bersidang pada hari ini berasa amat sedih dan memandang serius ke atas insiden seorang rakyat Malaysia, Douglas Gomez, yang telah dcederakan di istana Johor pada 30 November 1992 oleh DYMM Sultan Johor.

Dan bahawa dewan ini memutuskan kejadian tersebut adalah satu penyalahgunaan kuasa yang bercanggah dengan semangat perlembagaan Malaysia dan berten-

tangan dengan cita-cita serta hasrat undang-undang negara yang berasaskan kepada sistem Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen,

Dan bahawa dewan ini mengambil ketetapan segala tindakan yang perlu hendaklah diambil bagi menentukan insiden yang seumpama ini tidak berulang lagi pada masa hadapan.'

Kerana usul ini adalah usul yang menentang kezaliman dan membela keadilan, maka semua parti-parti politik bersetuju. Maka tidak mustahil pula suatu masa nanti, jika perlembagaan Islam sebenar yang jelas membawa keadilan, dapat diterangkan kepada rakyat seluas-luasnya sudah tentu boleh disetujui oleh parlimen jika dibawa oleh UMNO atau BN. Bahkan ucapan perbahasan Hj. Abdul Hadi Awang dalam membahaskan usul ini mendapat perhatian dan tepukan daripada pemimpin-pemimpin UMNO termasuk Dr. Mahathir sendiri.

Di bawah ini diperturunkan ucapan Hj. Abdul Hadi yang menghuraikan tugas sepatutnya sebagai ketua negara, pemimpin atau raja. Dipetik dari Penyata Rasmi Parlimen 10 Disember 1992 seperti berikut:

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tuan Yang Dipertua, peluang yang diberi untuk membahaskan usul yang dikemukakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, marilah kita jadikan sebagai satu peluang untuk memberi keinsafan kepada kita, menyedari kelemahan-kelemahan yang ada di dalam perlembagaan negara, dasar negara dan undang-undang negara. Seterusnya memberi kesedaran kepada kita untuk membuat pindaan, apa yang

perlu dipinda dan bukan sebagai satu peluang untuk mengecam sesiapa dan mana-mana pihak.

Sebagai parti yang memperjuangkan Islam, maka saya suka menyatakan tentang pandangan Islam berhubung dengan isu yang dikemukakan, secara menyeluruh dan seterusnya marilah kita mengambil pengiktibaran untuk membuat perubahan-perubahan yang benar-benar berani, bukan kerana satu kes yang berlaku, bahkan kepada perkara-perkara yang banyak telah berlaku dan mungkin kalau diabaikan, banyak lagi akan berlaku.

Islam meletakkan Ketua Negara termasuk yang bergelar Raja-raja sebagai pemegang amanah untuk memerintah dan memimpin manusia. Mereka tidak mempunyai kuasa mutlak dan tidak boleh dipersucikan seperti Tuhan kerana mereka tetap mempunyai sifat-sifat kelemahan manusia. Maka peranan amanah merupakan satu peranan yang dititik beratkan dan difahami dengan sedalam-dalamnya, sehingga Allah SWT telah menetapkan perkara ini dalam al-Quranul Karim sebagai garis panduan kepada manusia, iaitu firman Allah Taala (membaca sepotong ayat al-Quran) yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah membentangkan amanah. Di antara amanah yang besar itu ialah amanah pemerintahan negara. Di antaranya ialah menjadi raja dan menjadi pemimpin. Kami telah membentangkan amanah, menunjukkan betapa beratnya amanah itu kepada langit, bumi, bukit-bukau dan gunung-ganang supaya mereka memikulnya. Tetapi mereka gerun dan tidak mahu memikulnya dan manusia sanggup memikulnya. Sesungguhnya manusia itu ialah maha

zalim lagi maha jahil."

Yang maha zalim dan maha jahil ini ialah yang memikulnya dengan cara sewenang-wenang bukan mengikut syarat-syaratnya yang betul untuk menegakkan keadilan yang diwajibkan oleh Allah SWT. Oleh kerana itu, maka Islam telah menetapkan beberapa syarat yang ketat supaya mengelakkan perkara yang tidak diinginkan itu berlaku setelah ianya dilantik. Maka syarat yang ketat itu hendaklah diambil kira sebelum ianya dilantik.

Pertama:

Salah satu daripada syarat wajib kepada kelayakan menjadi pemimpin dan raja ialah adil. Yang dimaksudkan dengan adil di sini ialah tidak melakukan dosa besar, tidak terus menerus kerap melakukan dosa kecil dan tidak melakukan perkara-perkara yang menjatuhkan maruah. Kadang-kadang kita terlalu longgar dalam syarat ini, yang jahil, yang zalim, yang dapat dilihat tanda-tandanya kerana meletakkan kepentingan-kepentingan duniawi. Orang-orang yang tidak memenuhi syarat-syarat wajib ini dilantik menjadi pemimpin dan raja.

Kedua:

Yang kedua, bagi menjamin keadilan-keadilan itu berlaku, dan hubungan baik di antara raja dan rakyat berlaku dengan cara yang tepat, ketaatan Islam...

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: (Bangun)

Timbalan Yang Dipertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat bangun, hendak minta jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:

Nanti habis. Ketaatan kepada pemerintah termasuk raja, dan Islam telah meletakkan ketaatan kepada pemerintah itu tidak mutlak. Dengan sebab itu disebut dalam al-Quranul Karim (membaca sepotong ayat) yang bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman, taatlah kamu akan Allah, taatlah kamu akan Rasul dan Ulil-Amri, pemerintah di kalangan kamu, termasuklah mereka yang dinamakan raja-raja, di mana kepada tempat Ulil-Amri tidak dikaitkan dengan perkataan 'athi'u,' menunjukkan bahawa ketaatan ini adalah tidak mutlak, tertakluk kepada sejauh mana perintah yang dikemukakan itu tepat dengan prinsip-prinsip keadilan."

Ketiga:

Yang ketiga, Ketua Negara termasuk negara tidak boleh bertindak sewenang-wenang. Seterusnya kita perlu mengetahui bahawa keadilan itu yang dinyatakan oleh Islam ialah keadilan universal, yang perlu ditegakkan kepada semua orang, semua makhluk untuk menegakkan keadilan dan mencegah kezaliman tanpa mengira pangkat, kedudukan, agama, kaum dan warna kulit. Hak-hak manusia mestilah dijaga dan dipelihara, dan tidak boleh diganggu-gugat sama ada kebebasan beragama, maruah dan harta benda.

Kebebasan beragama tidak boleh diganggu sewenang-wenang walaupun Islam menegaskan Islam yang benar, tetapi tidak ada paksaan di dalam perkara agama. Nyawa manusia tidak boleh diambil, tidak boleh dibunuh dengan sewenang-wenang, mestilah mengikut undang-undang dan

mengikuti hukum-hukum yang diizinkan oleh syarak dan prinsip keadilan yang sebenarnya. Bukan sahaja nyawa, maruah hendaklah dijaga, tidak boleh memalukan orang sewenang-wenang. Kehormatan harta benda juga hendaklah dipelihara, tidak boleh merampas dan mengambil hartabenda orang sewenang-wenang.

Lima hari sebelum wafat Rasulullah SAW dalam keadaan uzur, Baginda keluar ke masjid, telah memberi satu amanat yang penting, yang menjadi pengajaran dan petunjuk kepada seluruh raja dan seluruh ketua negara. Dalam amanat yang penting itu Baginda menegaskan (membaca sepotong hadith) yang bermaksud:

"Maka sesiapa di kalangan kamu yang aku pernah memukul belakangnya, maka inilah belakangku, silalah balas dan barangsiapa yang aku ambil hartanya secara zalim, maka inilah hartaku, maka silalah ambil sebagai bayarannya dan barangsiapa yang aku makikan hingga memalukan dia, maka inilah maruahku, sila balas daripadanya."

Hadith-hadith ini menunjukkan kepada kita bahawa ketua negara termasuk raja tidak boleh dikecualikan daripada undang-undang (Tepuk), sama ada undang-undang qisas (Tepuk), undang-undang yang melibatkan kecederaan kepada orang ramai, undang-undang melibatkan hartabenda, tidak membayar hutang orang, ini termasuk juga di dalam hukum, dan menjatuhkan maruah orang lain; ketua negara termasuk raja tidak dapat menegakkan keadilan sekiranya dia sendiri tidak boleh menjadi contoh yang baik kepada orang lain. Dia sendiri mestilah menunjukkan keadilan. Para ulama berkata:

'Annasudinu-mulukihiim.' Maksudnya: 'Rakyat mengikut agama raja-raja mereka.'

Sekiranya raja-raja dalam keadaan baik, maka menjadi contoh dan teladan baik kepada rakyat. Sekiranya raja menjadi contoh yang tidak baik, maka rakyat akan menjadi tidak baik kerana mengambil contoh dan teladan daripada raja yang tidak baik. Saidina Umar Ibnu Khattab ra. telah menjatuhkan hukuman qisas kepada anak Gabenor Mesir yang memukul seorang Qibti, seorang Kristian Orthodox Koptis, bukan Islam kerana kalah dalam perlumbaan kuda, dalam sukan. (Tepuk) (Ketawa). Di mana anak Gabenor itu kalah dalam sukan, lalu anak Gabenor itu memukul seorang Kristian Orthodox yang bukan Islam, tetapi mengikut prinsip keadilan, orang yang melakukan kesalahan mestilah dijatuhkan hukuman. Di mana Saidina Umar telah menjatuhkan hukuman yang tepat berdasarkan prinsip Islam, dan seterusnya menyampaikan ucapan yang masyhur kepada Gabenornya, (membacakan teks dalam bahasa Arab):

"Wahai Amar, wahai Gabenor sejak bilakah kamu memperhambakan manusia? Sesungguhnya manusia itu dilahirkan oleh ibu-ibu mereka dalam keadaan bebas dan merdeka."

Manusia tidak boleh diperhambakan. Untuk menjamin hubungan baik antara pemerintah termasuk raja dan rakyat, Islam mewajibkan:

Pertama:

Yang pertama nasihat. Sabda Rasulullah SAW:

"Addinun-nasihah" yang bermaksud: "Agama itu

nasihat." Lalu para sahabat bertanya: (menyebut kalimat dalam bahasa Arab) Untuk siapa? Sabda Rasulullah SAW (menyebut sebuah hadith) yang bermaksud: Bagi Allah, bagi Rasul-Nya, bagi kitab-Nya."

Yakni nasihat itu mestilah berdasarkan perkara prinsip tersebut bagi pemimpin-pemimpin umat Islam dan bagir akyatnya. Bukan sahaja pemerintah, raja yang memberi nasihat, tetapi rakyat juga boleh memberi nasihat dalam perkara-perkara yang tertentu. Di antaranya nasihat dalam negara yang berdasarkan kepada demokrasi berparlimen ialah nasihat melalui parlimen, termasuklah peranan pembangkang hendaklah diberi, bukan sahaja peranan kerajaan (Tepuk), dan mereka yang memberi nasihat hendaklah diberi hak.

Akhbar-akhbar juga hendaklah diberi peluang untuk memberi nasihat. (Tepuk) Sekiranya memberi nasihat ini dihalang dan disekat, maka akan timbullah surat-surat layang. (Tepuk) (Ketawa) Adanya surat-surat layang ini kerana tersekat untuk memberi nasihat dan tidak berani memberi nasihat. Kalau surat-surat layang juga disekat, kita bimbang batu pula yang melayang. (Ketawa)

Kedua:

Tuan Yang Dipertua, yang kedua, untuk menjaga hubungan baik antara pemerintah dengan rakyat ialah menolong, mesti berlaku tolong-menolong antara satu sama lain. Sabda Rasulullah SAW (menyebut sebuah hadith) yang bermaksud:

"Tolonglah saudaramu yang zalim dan yang kena

zalim. Lalu para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, yang kena zalim itu kami faham, dia perlu diberi pertolongan. Bagaimana memberi pertolongan kepada yang zalim? Sabda Rasulullah SAW: Menghalangnya daripada melakukan kezaliman, itu bermakna memberi pertolongan kepadanya."

Ketiga:

Yang ketiga, Islam mewajibkan adil. (Menyebut satu hadith):

"Hendaklah kamu berlaku adil walaupun hukuman itu terpaksa dikenakan ke atas diri kamu sendiri." Kemudian mengharamkan kezaliman. Betapa haramnya kezaliman itu sehingga Allah menyatakan (menyebut ayat dari al-Quranul Karim) yang bermaksud:

"Jangan kamu cenderung kepada orang yang zalim, nanti kamu disentuh oleh api neraka."

Tuan Haji Othman bin Abdul: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dia minta jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Masa tidak cukup. Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tak apalah, bagi satu. Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang Dipertua, saya seronok dengan Yang Berhormat dari Marang bercakap pada hari ini. Cuma saya hendak tanya satu pendapat Imam Malik, hendak tanya pendapat Yang Berhormat. Imam Malik mengatakan (menyebut kalimah

dalam bahasa Arab) yang bermaksud: "Taat kepada yang zalim itu lebih baik." Jadi hendak tanya pendapat Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat dalam soal ini.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:

Saya akan terangkan kemudian dan ini bukan... (Ketawa). . Saya rasa ini bukan satu kuliah agama. (Tepuk) (Ketawa) Ia merupakan satu perbahasan. (Menyebut ayat dari al-Quran) yang bermaksud:

"Jangan kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim, nanti kamu disentuh api neraka."

Dan seterusnya Hadith Qudsi, Rasulullah SAW menceritakan, Allah berfirman (menyebut ayat dari al-Quranul Karim) yang bermaksud:

"Wahai hamba-hamba-Ku, sesungguhnya Aku mengharamkan zalim itu kepada diri-Ku. Maka janganlah kamu melakukan kezaliman."

Tuhan mengharamkan zalim kepada diri-Nya sendiri dan mengharamkan zalim kepada hamba-hamba-Nya.

Seterusnya kelemahan-kelemahan dari saki baki undang-undang Inggeris hendaklah dihapuskan walaupun ke peringkat meminda perlembagaan kerana Inggeris sendiri sudah meninggalkan perkara-perkara yang lapuk. Adakah kita masih hendak mengekalkan perkara-perkara yang sepatutnya dipinda berdasarkan kepada perubahan yang memerlukan pindaan, dan Inggeris di zaman penjajahan pernah memecat Sultan Perak, mungkin kerana kepentingan politik Inggeris dan mungkin kerana hal-hal lain. Inggeris pernah memecat Sultan Terengganu selepas

Perang Dunia Kedua kerana hal-hal yang tidak menyenangkan dalam masa peperangan dan beberapa hal peristiwa-peristiwa yang lain.

Untuk menjamin kemurnian Raja Berpelembagaan dan demokrasi berparlimen, maka perlembagaan dan undang-undang yang ada perlu dikaji semula dan dipinda. Mereka yang terlibat dengan penggubalan undang-undang dan melaksanakannya seperti Jemaah Menteri, para pegawai, para hakim, peguam, polis, BPR dan sebagainya, hendaklah diberi hak dan perlindungan yang sewajarnya. Mestilah diberi pembelaan menyeluruh bukan satu kes sahaja. Bukan dalam masalah kes Gomez, tetapi juga dalam kes Memali, Lubuk Merbau dan lain-lain. (Ketawa) (Tepuk).

Tuan Yang Dipertua, kedaulatan undang-undang tidak wujud selagi masih ada orang-orang yang merasai dirinya secara langsung atau tidak langsung mengatasi undang-undang. Sama ada orang yang merasakan dirinya secara langsung ataupun yang berada dikelilinginya secara tidak langsung merasakan bahawa dirinya mendapat pelindung, mengatasi undang-undang. Selagi hal ini wujud, maka kedaulatan undang-undang tidak ada. Selagi adanya orang sekeliling yang menyuap raja dengan balak, saham, dengan tanah dan lain-lain di samping ada raja-raja yang terpengaruh dengannya.

Tuan Yang Dipertua, usul ini mestilah untuk kebaikan semua. Bukannya untuk satu pihak sahaja. Mestilah bersifat menolong semua orang yang mahu melakukan kezaliman supaya jangan melakukan kezaliman itu, dan orang yang kena zalim supaya dibela dengan seadil-adilnya. Rasulullah SAW pernah menyokong 'halful-fudhul' yang dimaterai di zaman jahilliah berpunca dari

seorang yang menjual barang kepada seorang hartawan Mekah, tiba-tiba tidak dibayar harganya. Ini pelabur asing yang datang, kemudian tidak dibayar kepadanya dengan bayaran yang patut, lalu beberapa bangsawan Mekah mengadakan Perjanjian Fudhul bagi membela orang yang teraniaya. Rasulullah mengatakan:

“Walaupun ianya dimateraikan di zaman sebelum Islam, maka aku bersetuju dengan perjanjian itu.”

Dan saya mengalu-alukan titah ucapan Sultan Kelantan yang menegaskan bahawa Etika Raja-raja mestilah mengikut al-Quran dan as-sunnah, dan kita perlu memahami apabila Merah Silu Raja Pasai, saya pun baca juga Sejarah Melayu... Apabila Merah Silu, Raja Pasai menerima Islam, namanya bertukar menjadi Malikul Saleh dan perangnya pun menjadi adil dan baik.

Oleh kerana usul yang dikemukakan ini merupakan satu usul membela seorang yang dianiaya secara khusus dan berdasarkan kepada penjelasan-penjelasan, hujah-hujah, keterangan-keterangan, dan perkara sampingan yang saya kemukakan tadi, saya mengharap akan mendapat perhatian daripada pihak kerajaan khususnya kepada pemimpin utama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang barangkali saya dapat berucap di hadapan mereka berdua (Ketawa) akan mendapat pertimbangan, dan saya mengharapkan supaya diambilkira segala perkara yang dikemukakan itu, oleh kerana dia mengemukakan satu cadangan dan usul untuk membela seorang yang dianiaya, maka saya bagi pihak Parti Islam Se Malaysia (PAS) menyatakan usul kami kepada usul ini. (Tepuk) Sekian, terima kasih.

Sanggah...

8

DALAM mengemukakan usul di parlimen mengenai insiden DYMM Sultan Johor mencederakan Encik Douglas Gemez pada 10 Disember 1992 Tuan Abdul Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri ada menyebutkan pepatah Melayu, raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah...

Bila dilihat raja sebagai kerajaan, maka kerajaanlah dianggap paling berkuasa di negara ini, di mana UMNO sebagai tulang belakangnya yang menguasai parlimen, tidak bebas daripada penindasan dan kezaliman, dalam erti kata meletakkan sesuatu yang bukan pada tempatnya. Terutamanya ke atas rakyat dan gerakan Islam. Oleh itu sanggahan ini ditujukan kepada mereka.

Pertama:

Perjuangan assobiah UMNO itu sendiri merupakan racun yang kotor dan batil. Ia telah memusnahkan dan menyesatkan ramai pengikutnya ke kancah fitnah dan kerosakan yang lebih bahaya dari pembunuhan. Kerana ia meletakkan Allah, hukum-Nya dan pemerintahan negara di bawah kuasa mereka seperti yang telah diterangkan. Cara, gaya, khittah, atau *guiding principle* tidak

berlandaskan syariat. Firman Allah SWT bermaksud:

"Adalah bagi Allah segala kejadian dan urusan."

"Tidak kekuasaan memerintah itu, melainkan kepunyaan Allah sahaja. Ia memerintah kamu jangan sembah dan mengabdikan diri melainkan Dia, kerana yang demikian itu, ialah agama yang lurus."

Yusuf: 40.

"Sesungguhnya syirik itu zalim yang besar."

Luqman:13.

"Sesiapa yang melanggar batas-batas Allah, mereka adalah orang-orang yang zalim"

Al-Baqarah: 229.

"Dan sesiapa yang tidak menghukum seperti hukum yang diturunkan oleh Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim."

Al-Maidah:45.

Sabda Rasulullah SAW pula:

"Sesiapa yang menolong mengangkat orang zalim, Allah akan mengenakan kezaliman itu ke atas dirinya."

Kedua:

Penindasan secara terang-terangan juga dilakukan terhadap rakyat dan gerakan Islam.

- i. Pembunuhan pertama ke atas tokoh PAS Saudara Abdul Samad Gol pada tahun 60an yang kedudukannya tidak berkesudahan, pembunuhan di Lubuk Merbau, pembunuhan beramai-ramai di Memali yang memakan puluhan korban termasuk ulama Islam, orang kampung dan anggota polis pada tahun 80an.

- ii. Hasil daripada politik kebangsaan dan assobiah menyebabkan berlakunya 'Peristiwa 13 Mei 1969' yang memakan ratusan korban termasuk kematian dan kecederaan. Bahaya perselisihan perkauman tersebut di bawah pemerintahan Perikatan dan UMNO. Sedangkan di bawah pentadbiran PAS di Kelantan waktu itu tidak berlaku apa-apa.
- iii. Meluluskan berbagai akta seperti ISA, OSA, Akta Mesin Cetak, Akta Universiti dan Kolej, Akta Polis, Pindaan Akta Tanah Negara, Akta Pertubuhan dan lain-lain, yang semuanya itu mengongkang dan membebankan rakyat.
- iv. Penangkapan terhadap tokoh pembangkang, ulama-ulama, pendakwah dan lain-lain. Seperti Profesor Dr. Burhanuddin, Aziz Ishak, dan yang terakhir penangkapan beramai-ramai ahli-ahli-ahli PAS di Utara Semenanjung, yang dipenjara bertahun-tahun tanpa bicara dan pembelaan.
- v. Pemecatan kakitangan kerajaan, hakim, penukaran pegawai, pensyarah dan guru-guru yang terlibat dalam gerakan Islam.
- vi. Kawalan ketat terhadap kebebasan mengajar agama, berceramah, berdakwah, dan berkhotbah di masjid, surau, pejabat, sekolah dan lain-lain, seperti menggunakan sistem tauliah dan sebagainya.
- vii. Dasar pengswastaan jabatan-jabatan penting keperluan asasi rakyat seperti elektrik, api, air, telekom dan lain-lain, yang akhirnya menjadi bebanan kepada rakyat. Ini terbukti dengan keputusan PLUS untuk menaikkan kadar tol lebuh raya kepada 7.5 sen untuk

1 KM mulai 1993, dan 10 sen mulai Januari 1996. Waktu itu sebuah kereta dari Kuala Lumpur menuju Alor Setar terpaksa membayar \$50 untuk 500 KM.

- viii. Tidak melibatkan diri dalam membantu perjuangan Islam di peringkat antarabangsa, bahkan kadangkang berkecuali atau bersahabat dengan kerajaan yang menindas gerakan Islam seperti Amerika, India, Indonesia, Thailand dan lain-lain.

Ketiga:

Penindasan juga dilakukan dengan cara tersembunyi melalui perang ideologi. Perang ideologi antara lain untuk membendung perkembangan gerakan Islam, di samping memperkenalkan ideologinya. Ideologi-ideologi itu seperti nasionalisme, kapitalisme, pragmatisme, liberalisme dan sebagainya. Mereka juga menggunakan modenisme dan pembangunan untuk mengabuimata rakyat. Mereka menggunakan faham moden dan pembangunanyang tidak berlandaskan Islam bahkan falsafah yang bertentangan dengan Islam, bukan faham pembangunan seperti yang dikehendakai oleh Islam.

Jadi tidak hairanlah apabila dilihat kembali tulisan Dr. Mahathir dalam buku *Malay Dilemanya* yang mengingatkan selagi orang Melayu berpegang teguh dengan agama Islam, maka selagi itulah orang Melayu tidak akan maju. Begitu juga seperti ucapan seorang Menteri Kabinet 27 Mac 1982 di Pulau Pinang:

"Menyeru seluruh rakyat supaya menolak parti-parti agama dan perkauman kerana parti-parti tersebut mengancam perpaduan dan persefahaman antara kaum

yang telah wujud selama ini. Isu-isu seperti ayat al-Quran yang digunakan... untuk mencari pengaruh di kalangan orang-orang Melayu amat merbahaya kepada perpaduan kaum yang menjamin perpaduan negara selama ini."

Mereka menuduh agama sebagai penghalang kemajuan dan pemecah perpaduan. Sebenarnya memang kemodenan dan pembangunan itu sangat-sangat dituntut dan dikehendaki oleh Islam. Tetapi bukanlah seperti ciri-ciri modenisme di bawah ini yang dibawa oleh mereka:

i. Modenisme yang membawa ke arah menolak dan mengingkari Hari Akhirat. Modenisme yang memandu manusia supaya menjadikan matlamat hidup seseorang hanya untuk mengejar kemewahank ebendaan, kejayaan keduniaan, kerehatan rohani dan peribadi semata-mata. Falsafah ini menghasilkan manusia tidak mempedulikan halal haram dan tidak ada tanggung jawab terhadap Penciptanya atau terhadap orang lain yang boleh dijadikan batu loncatan untuk mencapai matlamatnya.

Kalau belajar, matlamat pelajarannya ialah untuk matlamat kebendaan, kalau mencari rezeki, sudah tidak mempedulikan caranya, walaupun menyalahi hukum Allah, seolah-olah tidak ada Hari Akhirat sebagai pembalasannya. Mereka ciptakan keluarga bahagia dengan penilaian saiz keluarga yang kecil akan meningkatkan tabungan wang dan pelaburan untuk menambahkan keselesaan dan kemewahan hidup, di dunia ini sahaja.

Mereka menentukan dasar dan polisi pelaburan untuk menambahkan penglibatan masyarakat dalam pembangunan. Secara tidak disedari masyarakat, mereka

membawa masuk nilai barat yang bercanggah dengan Islam ketengah masyarakat. Mereka gunakan jentera kerajaan seperti RTM dan media massa, sehingga rakyat kampung termiskin menggigit jari melihat pasaran saham yang disiarkan setiap hari. Kakitangan kerajaan dan rakyat kampung juga ditekankan supaya menyertai ASN atau ASB dengan tidak menjelaskan ke mana wang itu dilaburkan. Haramkah atau halalakah?

Polisi perlancongan yang bermatlamatkan keuntungan semata-mata, tanpa memperdulikan hak dan maruah rakyat. Seperti membina hotel di atas tanah rakyat, tanpa pampasan yang wajar. Membina pusat-pusat maksiat sama ada di bandar atau di tepi pantai tanpa mempedulikan maruah umat Islam tergadai. Sila lihat Lampiran I.

Begitu juga dengan pembinaan kilang-kilang dan perbandaran, tanpa mengambil kira masalah pekerja-pekerja. Tiadanya asrama atau penempatan pekerja-pekerja wanita yang bekerja tiada menentu siang atau malam, dengan gaji yang tidak berpatutan. Kesatuan Sekerja juga ditekan, bahkan di kilang-kilang tidak dibenarkan penubuhannya. Sehingga wujudnya suasana yang tidak Islamik dan berperikemanusiaan.

Wujudnya rumah-rumah setinggalan yang bertaburan. Akibatnya bertambah menjadi-jadilah kes-kes jenayah seperti penipuan, rompakan, pelacuran, pembunuhan dan sebagainya. Bahkan penjenayah-penjenayah tersebut kebanyakannya bukanlah terdiri dari golongan termiskin atau teraniaya, tetapi mereka melakukan jenayah kerana pengaruh suasana dan keadaan sekeliling, modenisme ala barat dan cara hidupnya. Contohnya seperti yang siarkan

oleh Berita Harian 8 April 1992 yang menyebutkan kenyataan Timbalan Menteri di JPM Datuk Dr. Hamid Othman, bahawa bilangan kelahiran anak luar nikah di kalangan gadis-gadis Melayu di negara ini melebihi 150 dan 200 kes setahun adalah amat membimbangkan.

Beliau berkata maklumat yang diperolehinya menunjukkan kebanyakan gadis yang melahirkan anak luar nikah termasuk pekerja kilang di kawasan perindustrian Johor Bahru, Petaling Jaya dan Pulau Pinang. Adalah dianggarkan 150,000 gadis yang 80 peratusnya adalah Melayu, sudah tentu beragama Islam bekerja di kilang-kilang seluruh negara.

Sebahagian besar mereka berusia antara 18 hingga 25 tahun, belum berkahwin dan berhijrah dari kampung yang mengalami kejutan budaya bandar. Dr. Hamid berkata dengan pendapatan RM350 ke atas, kos itu sudah tentu tidak dapat menampung sara hidup di bandar dan memaksa duduk sesak menyewa bilik dengan rakan-rakan. Akibatnya pelbagai gejala buruk berlaku seperti pelacuran, berpeleseran dan mengamalkan kebebasan seks menyebabkan kadar kelahiran anak luar nikah di kalangan gadis Melayu bertambah.

Kata Dr. Hamid: "Kes ini yang kita ketahui kerana dilaporkan kepada Jabatan Agama Islam negeri-negeri. Kadarnya mungkin lebih ramai kerana ada yang tidak melaporkan kes ini kepada pihak berkuasa." Dr. Hamid juga tidak menafikan kebanyakan gadis yang berhijrah itu mempunyai pendidikan agama yang baik tetapi disebabkan kejutan budaya bandar, terutama kebebasan pergaulan, gadis-gadis itu mudah terpengaruh dan terus terjerumus

dalam kegiatan yang tidak sihat. "Tempat tinggal yang sesak seperti lapan gadis menyewa satu bilik menyebabkan mereka mencari hiburan di luar rumah." Katanya.

Seorang pakar psikatri Jabatan Psikatri Universiti Kebangsaan Malaysia antara lain mengatakan, faktor lain menyebabkan gadis terbabit dalam kegiatan itu kerana usia muda dan tahap darah panas ingin mencuba apa juga perkara yang ditegah, sama ada oleh agama atau tata susila sosial. "Mereka menganggap melakukan perbuatan itu sudah mencapai tahap kematangan dan berdikari serta termasuk golongan dewasa." Katanya.

Naib Presiden Persatuan Peguam-peguam Wanita Malaysia, Rita Reddy berkata, pihaknya turut menerima beberapa kes gadis Melayu yang meminta bantuan rumah kebajikan bukan Islam untuk melahirkan anak seperti di Ampang Kuala Lumpur dan Ipoh. "Kita tidak tahu apa yang berlaku seterusnya kepada gadis ini dan bayinya, kerana rumah perlindungan ini memberi tumpangan sahaja dan tidak membenarkan ditinggalkan di situ." Katanya lagi, sehingga itu tidak ada sebarang peruntukan undang-undang yang memberi perlindungan kepada gadis pekerja kilang.

"Kita pernah mencadangkan kepada kerajaan mengenai undang-undang gangguan seksual tetapi ditolak. Ini berikutan aduan termasuk ada setengah penyelia kilang mengambil kesempatan ke atas pekerja sebagai balasan kenaikan pangkat dan mendapat bayaran lebih masa. Kadang kala penyelia yang melakukan perbuatan ini sudah beristeri. Sudah tentu mereka tidak berniat untuk berkahwin dengan gadis yang menjadi mangsa mereka.

Dalam hal itu, kita tidak boleh menyalahkan gadis ini kerana mereka memerlukan pekerjaan untuk berdikari dan sesetengahnya menghantar wang ke kampung." Katanya.

ii. Modenisme yang mendewa-dewakan manusia atau menyembahnya. Penyembahan manusia seringkali berlindung di sebalik sains. Kaum modenis yakin bahawa kemajuan mereka dalam sains pada akhirnya akan memberikan mereka membolot semua kuasa Tuhan. Melalui sains juga kebenaran akan dapat dijumpai apabila rekaan alat-alat moden dibuat setelah manusia mencapai kemajuan yang tinggi. Ini bermakna tanpa sains kebenaran tidak akan ditemui.

Satu lagi bentuk pendewaan manusia ialah nasionalisme. Iaitu semangat kebangsaan, assobiyah atau perkauman yang menyebabkan pendewaan kepada kelompok sendiri sehingga membenarkan yang salah dan benci kepada yang di luar kelompoknya.

Contohnya seperti yang berlaku dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 27 November 1984. Sewaktu Haji Abdul Hadi mengkritik ucapan Timbalan Perdana Menteri Malaysia dalam kenyataan di Singapura mengatakan bahawa Malaysia tidak akan menjadi sebuah negara Islam tulen. Antara katanya:

"... di mana dari ucapan-ucapan ini terang dan jelas, saya mengetahui bahasanya mungkin ada orang yang tidak redha dan ada orang yang tidak tahu menentukan, sama ada redha ataupun tidak redha..."

Tiba-tiba ucapannya dipotong oleh Wan Mokhtar Menteri Besar Terengganu mencelah, dengan mengatakan

bahawa pandangan pemimpin dan rakyat berbeza. Di mana pemimpin kadang-kadang membuat ucapan yang sebaliknya mengandungi tujuan tertentu. Beliau lalu berhujah bahawa Nabi SAW pernah melarang orang jangan menziarahi kubur, kemudian Baginda sendiri menyuruh menziarahi kubur. Oleh itu jika sesuatu kenyataan itu bercanggah tetapi mungkin ada maksud-maksud tertentu, mengikut beliau, yang kita mungkin tidak tahu. Sebab itu kata beliau: "Nabi ada bersabda bahawa orang yang berjihad itu jika betul ijtihadnya dapat dua pahala dan jika salah dapat satu... kita harap itu..."

Demikianlah contoh mereka mendewa-dewakan pemimpin mereka, kenyataan yang jelas sudah menghina Islam dan merosakkan umat dan bertentangan dengan agama telah cuba dibetulkan, hanya semata-mata kerana mereka pemimpin, yakni pemimpin nasionalis yang tidak maksum itu. Begitu juga dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang hangat diperbincangkan seperti Perkara 32 cerai 1 berbunyi:

"Maka hendaklah ada seorang Kepala Utama Negara bagi Persekutuan yang digelar Yang di Pertuan Agung, yang mengambil keutamaan mengatasi segala orang dalam Persekutuan dan yang tidak boleh dikena dalam apa-apa jua perbicaraan dalam mana-mana mahkamah."

Dan Perkara 181 cerai 2 yang menyebut:

"Tiada apa-apa pembicaraan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap raja bagi sesuatu negeri atas sifat dirinya sendiri."

Yakni raja tidak boleh dibawa ke mahkamah atau

dihukum walaupun telah melakukan kesalahan. Lihat akhbar *Utusan Malaysia* 13 Januari 1993 di bawah tajuk besar muka hadapan: 'Perlembagaan: 5 ditambah, 2 dipinda,' yakni sebelum pindaan itu diluluskan.

Bolehkah contoh-contoh tersebut, satu pemimpin nasionalis dan satu lagi raja-raja, dikatakan 'imuniti' atau 'kebal'? Siapa sebenarnya yang kebal sehingga boleh merubah perlembagaan? Apakah mereka yang mencipta kuasa kebal dalam perlembagaan yang patut disalahkan?

iii. Modenisme yang mempercayai bahawa tidak ada ukuran objektif, tepat dan mutlak bagi menilai sesuatu kebenaran. Ertinya kebenaran itu tidak dinilai mengikut kehendak Islam atau al-Quran dan al-Hadith. Menyebabkan berleluasanya budaya mungkar di tengah masyarakat.

Contohnya, kebenaran hukum judi loteri dinilai mengikut kiraan undi dan ramai penyokongnya, oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Begitu juga pernah dalam suatu mesyuarat agung UMNO, apabila tiba waktu sembahyang Jumaat, maka keputusan penangguhannya untuk sholat tersebut terpaksa diundi walaupun ramai pesertanya adalah 'wajib' dari segi hukum Islam menunaikan sholat Jumaat. Dr. Mahathir sendiri selaku Presiden UMNO mengundi sehingga mengangkat kedua-dua belah tangan menyokong untuk tidak perlu bersholat Jumaat.

Tidak ada suatu penilaian yang tepat tentang kebajikan atau kebaikan. Sehingga judi loteri, toto, empat nombor ekor dan lain-lain dikatakan untuk kebajikan masyarakat. Pertunjukan ratu cantik, atau yang berlakunya ialah pertandingan dedah aurat, konsert yang dinyanyikan oleh wanita dedah aurat dengan ghairah, dan memalukan,

disertai juga dengan majlis judi, arak dan percampuran lelaki perempuan bukan muhrim sering juga dinilai sebagai pesta amal dan kebajikan, seperti Malam Amal Aidul-fitri, Pertunjukan Kebajikan dan lain-lain. Pembaca berita wanita di tv Malaysia pun diarahkan mengucapkan 'salam' kepada penonton, yang sunat hukumnya dalam Islam tetapi meninggalkan yang 'wajib', iaitu dengan tidak menutup aurat!

Begitu juga penilaian 'lucah' bagi filem-filem untuk tayangan di televisyen dan pawagam Malaysia. Tidak ada penilaian yang tetap, dan ianya berubah dari masa ke masa. Ianya menuju ke arah seperti yang berlaku di negara-negara barat atau negara-negara bukan Islam. Akhirnya pelacuran pun sudah dianggap sebagai suatu sumbangan kebajikan kepada masyarakat. Lihat Lampiran II.

Inilah kezaliman-kezaliman yang perlu disanggah untuk melahirkan negara aman makmur dan adil dalam keredhaan Allah SWT.

Penyelesaian

9

TIDAK ada simpulan yang tidak boleh dirungkai. Tidak ada masalah yang tidak boleh selesai. Segala masalah seperti masalah raja-raja yang dikatakan perlu kepada pindaan perlembagaan untuk menghapus 'kekebalan'nya oleh UMNO dan kerabatnya, masalah tuntutan PAS untuk melaksanakan hudud terutamanya di Kelantan, walaupun sebenarnya PAS mahukan perlembagaan Islam sepenuhnya, masalah yang disebut perpecahan Melayu, masalah perkauman dan sebagainya, semuanya dapat diselesaikan.

Bagaimanakah kunci penyelesaiannya? Firman Allah SWT bermaksud:

"Maka jika kamu bertelingkah dalam sesuatu perkara maka kembalilah kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunnah Rasul SAW) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, yang demikian itu lebih utama bagi kamu dan lebih baik penyelesaiannya."

An-Nisa: 59.

"Dan jika dua golongan dari orang-orang yang beriman berperang maka damaikanlah di antara keduanya, jika salah satu dari kedua golongan itu

melampaui batas, maka perangilah yang melampaui batas itu sehingga kembali kepada perintah Allah, jika golongan itu kembali kepada perintah Allah maka damaikanlah antara keduanya dengan adil, dan berlaku adil, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang adil."

Al-Hujurat: 9.

Kita yakin hanya penyelesaian secara Islamlah yang terbaik dan boleh menyelesaikan masalah perpecahan bangsa. Pernah berlaku perpecahan dalam UMNO dalam tahun 80an, tapi hanya berkisar sekitar perbezaan cara dan gaya kepimpinan. Mungkin ini kerana sudah menjadi tradisi dalam UMNO dan kepimpinannya melakukan sesuatu tindakan besar tanpa mengadakan musyawarah yang sewajarnya.

Dr. Mahathir pernah mendedahkan bahawa pemisahan Singapura dari Malaysia umpamanya dibuat tanpa perundingan sewajarnya. Datuk Musa Hitam juga pernah menyatakan cara Dr. Mahathir mendapatkan persetujuan atas sesuatu rancangan hanya dengan mengadakan syarahan yang panjang dalam mesyuarat kabinet atau Majlis Tertinggi UMNO, kemudian mendapatkan sokongan dari kelompok yang sentiasa menyokongnya.

Pandangan dan kritis seakan-akan tidak mempunyai tempat dalam kepimpinannya. Begitu juga dengan isu kekebalan dalam pindaan perlembagaan yang melibatkan raja-raja seperti sekarang. Keputusan dibuat tanpa memperhitungkan keputusan Majlis Raja-raja. Sila lihat *Harakah* 25 Januari 1993 teks penuh keputusan Majlis Mesyuarat Khas Majlis Raja-raja yang dikeluarkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Melayu di Istana

Negara pada 18 Januari 1993, di bawah tajuk 'Raja-raja Melayu Tidak Perkenankan Perubahan Radikal.' Begitu juga tulisan seorang peguam Haji Wan Abdul Mutalib Embong bertajuk 'Perbahasan Parlimen Yang Tidak Berperlembagaan.' Dalam akhbar dan hari yang sama.

Kerana itu sesuatu rancangan yang berjalan sentiasa menjadi kabur. Penerapan nilai-nilai Islam umpamanya, lebih merupakan rancangan peribadi seorang dua pemimpin. Yang lain menerimanya, tanpa diperjelaskan apakah programnya dari tahap ke tahap. Apakah perlaksanaannya? Apakah ia bertujuan menjangkau tahap pelaksanaan Islam yang syumul? Atau masih dalam skema sekularisme... Kekaburan ini menimbulkan pertentangan sesama pemimpin UMNO, Melayu dan Islam seluruhnya. Nasionalisme yang dianggap sebagai teras perpaduan, rupanya menjadi faktor yang menghancurkan perpaduan.

Jika dilihat kembali kepada sejarah di saat Islam menguasai pemikiran umat, waktu kemajuan ilmu dan pemikiran berkembang pesat. Prof. Garudi mengatakan, bahawa tamadun barat yang berasaskan tamadun Greek pada hakikatnya tidak bermula dari Itali, tetapi bermula dari Sepanyol. Yakni hasil dari pancaran cahaya ilmu dan kebudayaan orang-orang Arab Islam.

Cuma malang bagi orang barat kerana hanya mengambil metode eksperimen dari tamadun Islam, tetapi tidak mengambil aqidah yang mengarahkan tamadun itu kepada Allah SWT, dan mereka tidak menganggap pemeliharaan aqidah itu satu sumbangan besar kepada kemanusiaan. Bangsa Arab pernah mencuba untuk bangun semula

dengan berbagai isme dan falsafah ciptaan manusia seperti sosialisme, nasionalisme dan sebagainya.

Tetapi ternyata telah membawa kegagalan dan perpecahan. Kerana ianya berlawanan dengan dhamir dan hati umat Islam yang berteraskan aqidah tauhid dan tuntutan yang tersendiri. Perpaduan tidak boleh dibina di atas dasar yang rapuh, atas dasar nifaq dan pura-pura, seperti Firman Allah SWT bermaksud:

"Kamu menyangka mereka bersatu, sedangkan hati mereka berpecah-pecah."

Perpaduan hendaklah dibina dari hati yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, dari hati yang dapat dikikis sifat-sifat angkuh, keakuan dan dendam. Juga dari hati yang bersedia untuk musyawarah dan memperbaiki diri. Pemimpin-pemimpin bangsa mestilah bersedia merubah sikap, mendengar pandangan yang berlainan dari pandangan sendiri dan menimbang sebaik-baiknya pandangan tersebut. Masyarakat Islam dibentuk di atas nilai-nilai akhlak yang terpuji. Dibentuk di atas satu dasar yang nyata dijelmakan secara praktis dalam persaudaraan Muhajirin dan Ansar. Ia menjadi Piagam Perpaduan yang membawa makna besar dalam pemikiran dan kehidupan.

Perpaduan yang kukuh tidak dapat dicapai dengan sogokan wang ringgit. Firman Allah SWT:

"Walaupun kamu membelanjakan semua kekayaan yang ada di bumi, nescaya kamu tidak dapat mempersatukan hati mereka, tetapi Allah telah mempersatukan hati mereka."

Al-Anfal: 63.

Bangsa Melayu perlu kembali kepada syakhshiahnya, zat yang Islam. Tidak ada alasan untuk tidak mahu menerima Islam sebagai penyelesaian, dasar perpaduan dan perancangan kehidupan bangsa atau negara. Tidak ada alasan kerana mereka berada di tengah-tengah masyarakat yang maju dan membangun atau masyarakat majmuk. Prof. Garudi dalam satu ucapannya menyatakan bahawa dunia barat sekarang sangat perlukan Islam lebih dari masa-masa yang lalu, agar ia dapat memberi erti kepada hidup ini.

Beliau menyatakan, bukankah Islam yang memberikan kepada manusia satu fikrah mengenai kekuasaan tertinggi, fikrah tentang jamaah dan bekerja untuk kebaikan jamaah. Islam memberikan itu dalam satu suasana masyarakat yang sedang menuju kepada pemujaan individu. Islam dapat mengembalikan kepada manusia keyakinan mengenai kemanusiaan mereka yang sebenar.

Islam tidak pernah menyekat kebebasan berfikir. Islam membenarkan konsep tiada paksaan dalam beragama. Sejarah menunjukkan kalau Islam tidak membenarkan kebebasan, sudah tentu ia boleh melenyapkan agama Kristian dari Mesir, Syam dan lain-lain kawasan negara Islam. Bahkan Islamlah yang membebaskan paderi-paderi Kristian ortodoks dari penjara kerajaan Roman Katholik di Mesir. Di bawah naungan pemerintahan Islam, mereka merasai kemerdekaan dan kebebasan sebenarnya.

Orang Qibti, Barbar dan lain-lain kaum yang berada di Syam, Iraq, Moroko dan Sepanyol tidak dipaksa memeluk Islam. Sebaliknya mereka dengan rela hati menerima Islam. Sehingga lahir di kalangan mereka ulama-ulama dan ahli fikir yang terkemuka. Zaman pemerintahan Hisyam bin Abdul Malik apabila beliau bertanya tentang

siapakah faqih atau ahli hukum terkemuka di Basrah, Kufah, Madinah, Mesir dan Syam yang merupakan kota-kota besar waktu itu, maka hanya Auzaie seorang sahaja yang berbangsa Arab. Beliau seorang faqih Syam sedangkan yang lainnya semuanya dari bangsa Ajam atau bukan Arab.

Haji Fadzil Mohd Noor, Presiden atau YDP PAS sekarang, dalam risalah 'Perpecahan Bangsa Dan Penyelesaian' terbitan Dewan Pemuda PAS Malaysia 1988 menyebutkan:

'Suatu unsur penting yang diberi penekanan oleh Islam dalam falsafah politiknya, ialah mengenai hubungan antara pemerintah dan rakyat. Di mana pemerintah berhak mendapat ketaatan, dan rakyat berhak menbatalkan ketaatan itu, apabila didapati pemerintah melakukan tindakan yang menyalahi syariat.

Inilah yang dibuktikan oleh Sayyidatina Umar Ibnul Khattab apabila beliau menjelaskan dari mana beliau mendapat bahagian pakaian yang lebih, bila ditanya oleh seorang pemuda yang enggan memberikan ketaatan selagi beliau tidak memberi penjelasan yang memuaskan. Sebuah kerajaan yang kuat, ialah sebuah kerajaan yang hubungan pemerintah dengan rakyat terjalin baik berasaskan keadilan, kesetiaan, tanpa diskriminasi, penindasan, pilih kasih dan rasuah.

Kita optimis, perpaduan bangsa akan dapat dicapai sebagai perpaduan yang berkesan apabila pemimpin-pemimpin bangsa bersedia berfikir dan menerima Islam sebagai pilihan yang mendasari pemerintahan dan perpaduan.'

Firman Allah SWT bermaksud:

"Berpeganglah kamu semua dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecahbelah."

Ali-Imran: 103.

Sabda Nabi SAW bermaksud:

"Bandingan orang-orang yang beriman dari segi kasih mengsihi, sayang menyayangi dan tolong menolong di antara sesama mereka laksana satu jasad, apabila satu anggota mengadu sakit menyebabkan seluruh anggota berjaga dan demam."

Muttafaqun'alaih.

Persaudaraan yang dijalinkan oleh Islam tidak boleh dilakukan oleh sebarang jalinan dan ikatan yang lain. Kerana hubungan yang diikat di kalangan manusia itu tidak semudah batu-bata bangunan. Manusia mempunyai fitrah yang perlu diambil kira dalam pembentukan individu. Menjadi jujuk kepada jamaah dan masyarakat yang besar. Pembentukan individu juga mempunyai peranan besar dalam membentuk perpaduan jamaah dan masyarakat. Hubungan diikat oleh aqidah yang melahirkan sifat taqwa.

Menghapuskan segala unsur kepentingan diri, assobiah bangsa, puak dan lain-lain. Berjaya memelihara hubungan sesama manusia tanpa menjejaskan kepentingan masing-masing. Saling menghormati kepentingan bersama, membawa pula ketundukan kepada penyesalan bila berlaku perselisihan yang menjejaskan perpaduan. Seperti yang disebutkan, umat Islam di zaman gemilang telah membuktikan kenyataan dan kejayaannya membentuk masyarakat yang padu.

Bukan tiada khilaf dan pertelingkahan di kalangan mereka, tetapi ianya tidaklah memesongkan dan memecahkan dari prinsip hingga menjejaskan kepentingan asasi. Semuanya menjadi bukti yang tidak boleh dipraktikkan oleh agama-agama lain dan ideologi-ideologi moden yang berselerak kini. Untuk memahami konsep perpaduan Islam sebenar tidaklah boleh dilihat melalui apa yang dialami oleh umat Islam sekarang terutamanya di kepulauan Melayu ini yang menerima Islam di saat kejatuhannya, dan di bawah belenggu penjajahan.


Tetapi hendaklah dikaji mendalam secara langsung melalui sumbernya sendiri. Walaupun begitu, PAS sendiri sebagai sebuah parti Islam kedua sesudah Hizbul Muslimin yang ditubuhkan tahun 1948 diharamkan oleh penjajah, telah membuktikan di awal penubuhannya pada tahun 1951, pernah diasaskan oleh orang berketurunan Cina. Beliau ialah Haji Mansur JP pernah dipilih dalam beberapa perjumpaan di Johor, Perak dan Kuala Lumpur untuk menduduki Jawatankuasa Penaja Penubuhan PAS pada 23 dan 24 Ogos 1951. Beliau dilantik bersama-sama Tuan Guru Haji Ahmad Tuan Husin, Haji Ahmad Badawi Abdullah, Haji Ahmad Ghazali Abdullah bersama tiga orang ulama dari Selangor dan Negeri Sembilan, sebagai anggota di mana Haji Ahmad Fuad Hasan selaku pengerusi dan Haji Ahmad Maliki sebagai Setiausahanya. Sewaktu PAS di bawah pimpinan Dr. Abbas Alias dalam Muktamar Ke-3 di Madrasah At-Tahzib Ad-Diniah, Titi Serong, Parit Perak pada 12 Ogos 1954, beliau menjadi Pemangku Yang Dipertua PAS bersama Che Ahmad Awang dan Tuan Haji Ahmad Tuan Husin.

Ayah Haji Mansur bernama Haji Hassan, dikatakan

berasal dari negeri Cina dipanggil juga Haji Hassan Kwantung, beliau mempunyai tiga orang isteri yang terdiri dari orang Melayu dan mempunyai 12 orang anak. Salah seorang anak perempuannya berkahwin dengan Haji Abdullah Fahim yang pernah menjadi Mufti Pulau Pinang dan Seberang Perai, sebagai isteri kedua. Haji Mansur dilahirkan pada tahun 1905 di Tanah Melayu, berkahwin dengan orang Melayu mempunyai 5 orang anak. Penulis sempat bertemu dengan anak bongsunya Haji Murshid di rumahnya di Bayan Lepas Pulau Pinang pada 14 Januari 1993.




Perigi lama dari batu-batu pejal gaya kecinaan di kawasan rumah persinggahan orang-orang Cina Islam di Bayan Lepas. Benarkah perkampungan Islam Cina pernah wujud di Pulau Pinang di awal tahun 1900an?




Pekan Balik Pulau, Pulau Pinang pada 6.3.1885. Gambar ini dihadiahkan kepada PAS Kawasan Balik Pulau oleh seorang penduduk tempatan.



Haji Mansur (kiri), tokoh Cina PAS bersama Tunku Abdul Rahman Putra pada 25 Julai 1954 di Pulau Pinang. Haji Mansur pemimpin pertama membawa masuk PAS ke pulau...



Di sini pernah terdapat sistem pengajaran pondok yang pertama di Pulau Pinang tidak termasuk Seberang Perai. Sekarang bangunan lama ini dijadikan sekolah agama di Bayan Lepas. Bolehkah dikatakan lambang "kipas" dianjung bangunan ini sebagai unsur-unsur kecincaan dalam pengembangan ilmu Islam?



Kulit majalah Beletin BPR November 1990. BN dengan tema 'Kestabilan Politik Menjamin Pembangunan'. PAS pula membawa 'Ke arah Perpaduan.'



Penulis dalam pilihanraya 1986 di hadapan Markaz PAS Balik Pulau.



... "Kita optimis, perpaduan bangsa akan dapat dicapai sebagai perpaduan



Ustaz Hamdan Abdul Rahman, Pesuruhjaya PAS Negeri Pulau Pinang: Realiti PAS di Pulau Pinang agak bertlainan dari negeri-negeri lain di Semenanjung.



Tuan Haji Yusof Abdullah Al-Rawi Mursyidul Am PAS, tokoh PAS dari Pulau Pinang.



Alahyarham Haji Abdullah Fahim Mufti Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai (1955): 'Wajib memilih calon orang Islam dalam pilihanraya.'

Beliau telah menunjukkan rumah bersejarah tempat persinggahan kawan-kawan ayah dan datuk neneknya dari negeri Cina yang sering disebut surau oleh penduduk tempatan di situ. Iaitu terletak di halaman rumahnya, di tengah-tengah pekan Bayan Lepas. Menurutnya, rumah persinggahan itu dulunya disediakan tempat memasak dan pernah dijadikan markas PAS. Penulis sempat melihat perigi lama daripada batu-batu pejal gaya kecinaan untuk kegunaan penghuni-penghuni rumah persinggahan itu.

Dari tinjauan penulis apabila bertemu dengan beberapa orang-orang lama tempatan dari berbagai kaum dan pemimpin-pemimpin PAS Pulau Pinang, maka dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Haji Mansur JP adalah seorang aktivis PAS dan orang yang pertama atau generasi pertama yang membawa masuk PAS ke pulau itu. Yakni ke Pulau Pinang yang tidak termasuk Seberang Perai. Juga terdapat satu-satunya sekolah agama atau sekolah pondok di situ yang menjadi kubu pergerakan Islam.

Iaitu di pekan Bayan Lepas, simpang jalan masuk ke Kampung Seronok, yang bangunannya masih ada, sekarang dijadikan sekolah agama. Menurut tinjauan penulis sewaktu Haji Hassan Kwantung masih hidup, atau sebelumnya lagi telah wujud sebuah perkampungan Islam terdiri dari orang-orang Cina. Ada yang berpendapat tempat tersebut terletak di Bayan Lepas dan ada yang berpendapat di Weld Quay atau pelabuhan Pulau Pinang. Untuk melihat sejarah perkembangan dan kemajuan Islam di Pulau Pinang sila lihat Lampiran III.

Sejauhmana tepatnya andaian ini, maka Lujnah Penerangan dan Dakwah PAS Kawasan Parlimen Balik Pulau, yang di dalamnya terdapat unit penyelidikan sedang

masih membuat kajian lagi. Jadi jelaslah bahawa perpaduan menurut Islam boleh menyatupadukan manusia tanpa mengira bangsa, kaum, tempat dan negeri. Hanya kesatuan aqidah yang mampu menyatupadukan manusia di dunia ini. Golongan Islam sentiasa berjuang untuk menunaikan kewajipan menegakkan negara Islam.

Di akhir-akhir ini terdapat kemajuan dalam kesedaran masyarakat untuk kembali ke arah Islam oleh peningkatan dakwah yang berkembang seluruh dunia melalui lisan dan tulisan dipelopori oleh harakah Islam. Juga kerana kegagalan ideologi-ideologi ciptaan manusia yang diamalkan oleh negeri-negeri umat Islam dan negeri-negeri bukan Islam, bahkan hancur di tempat lahirnya sendiri seperti di Russia, dan lain-lain.

Kesedaran kembali kepada Islam berlaku dengan pesatnya seluruh dunia termasuk negara kita. Suara Islam tidak seperti dulu lagi hanya kedengaran di masjid-masjid, pondok-pondok dan pusat pengajian Islam sahaja tetapi merebak ke merata-rata, di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta, dari pusat pengajian rendah hingga ke menara gading. Ini menunjukkan suatu fenomena yang baik sehingga golongan sekular terpaksa mewujudkan program Islamisasi dan mengiktiraf peranan Islam dalam beberapa hal. Tetapi bukannya semua perkara.

Walaupun fenomena ini mengembirakan golongan Islam, tetapi kekurangan Islam secara mendalam dan semangat yang tidak dikawal dengan ilmu menyebabkan tumbuh perkara-perkara negatif telah mengganggu kesedaran tersebut. Ini dapat dilihat dengan tumbuhnya kumpulan-kumpulan Islam yang banyak, bertelingkah antara satu dengan lain, bahkan kadang-kadang secara

sedar dan tidak sedar telah membantu kumpulan atau pemerintah yang bukan Islam.

Di Malaysia, mereka menganggap jamaah yang sedia ada seperti PAS, mempunyai banyak kelemahan dan belum berjaya mencapai kejayaan. Mereka menuduh PAS tidak kamil dan syamil, mengandungi perkara syubhat, tidak syar'ie, banyak melakukan kesilapan dan lain-lain. Bolehkah dengan menubuhkan banyak jamaah atau kumpulan Islam dapat menyelesaikan kusut yang sedia ada? Atau menambahkan satu lagi kusut baru yang mengganggu kelancaran harakah Islam? Amat membimbangkan takut terkena firman Allah SWT:

"Dan janganlah kamu menyerupai orang-orang yang bercerai-berai dan berselisih sesudah datang keterangan yang jelas kepada mereka. Merekaalah orang-orang yang mendapat seksa yang berat."

Ali-Imran: 105.

Sepatutnya umat Islam hendaklah berada dalam satu jamaah sahaja, dengan pembahagian tugas yang merangkumi setiap penjuru kegiatan, bagi mengubah dan memimpin masyarakat ke arah Islam. Tetapi dengan perpecahan ini menyebabkan bertambahnya lagi kusut tersebut. Timbulnya kekeliruan di kalangan mereka yang mahu kepada Islam tetapi masih jahil. Kadang-kadang banyak menghabiskan masa dalam masalah-masalah sampingan dan bertarung sesama sendiri. Wujudnya taksub kepada jamaah dan pemimpin sendiri daripada kepentingan Islam.

Walak kepada Allah dan Rasul telah berkurangan kerana mahu memenangkan hujah kumpulannya sahaja.

Gangguan-gangguan yang boleh menggagalkan matlamat perjuangan Islam semua kumpulan, kekuatan umat Islam terpecah dan memudahkan serangan pihak musuh. Perpaduan di kalangan umat Islam adalah wajib. Maka wajiblah juga diadakan penyelesaian terhadap perselisihan sesama sendiri dalam konteks individu dan jamaah.

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Haji Awang, Timbalan Yang Dipertua PAS pernah mengemukakan beberapa cadangan untuk perpaduan di kalangan jamaah Islam:

Pertama:

Dahulukan memberi penekanan kepada perkara-perkara prinsip yang mempunyai titik persamaan, dan sumber bersama yang menjadi rujukan di kalangan mereka. Iaitu Kitab Allah, Sunnah Rasul SAW dan pandangan ulama-ulama muktabar kepada semua golongan.

Kedua:

Menghidupkan ukhwah Islamiyah atau persaudaraan Islam. Ini dilakukan dengan menghidupkan semula sifat-sifatnya, iaitu:

- i. Persaudaraan yang ikhlas kerana Allah, sebagaimana sabda Nabi SAW:

"Di antara tanda-tanda kemanisan iman itu ialah bahawa ia kasih kepada seseorang kerana Allah."

Riwayat Bukhari.

- ii. Persaudaraan yang dibina di atas iman dan taqwa. Keranafirman Allah SWT:

"Sesungguhnya orang yang beriman itu bersaudara, oleh itu maka damaikanlah di antara dua saudaramu

dan bertaqwalah kepada Allah, supaya kamu mendapat rahmat.”

Al-Hujurat: 10.

“Teman-teman akrab pada hari itu (Hari Kiamat) sebahagiannya menjadi musuh kepada sebahagian yang lain, kecuali orang-orang yang bertaqwa.”

Al-Zukhruf: 67.

iii. Persaudaraan yang beriltizam dengan ajaran Islam. Kerana sabda Rasul SAW:

“Dua orang yang berkasih sayang kerana Allah, dia berkumpul atas ajaran-Nya dan berpisah kerana bertugas di atas ajaran-Nya”

Riwayat Bukhari.

iv. Nasihat menasihati kerana Allah. Kerana hadith riwayat Jarir bin Abdullah ra.:

“Aku berbai'ah kepada Rasulullah SAW supaya mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan bernasihat kepada setiap orang Islam.”

Riwayat Bukhari dan Muslim.

iv. Bertolong-tolongan dalam perkara yang baik di masa senang dan susah. Kerana firman Allah SWT:

“Dan bertolong-tolonganlah kamu dalam perkara kebaikan dan taqwa.”

Al-Maidah: 2.

Sabda Rasulullah SAW:

“Hubungan seseorang yang beriman dengan orang beriman yang lain seperti bangunan, di mana batu-batunya sokong-menyokong antara satu sama lain.”

Muttafaqun 'alaih.

Ketiga:

Mengadakan pertemuan di kalangan jamaah-jamaah Islam yang mempunyai persamaan dalam memperjuangkan Islam yang syumul pada prinsip dan matlamatnya. Ini bertujuan untuk mengatasi masalah dan cabaran bersama, di samping mewujudkan penyelarasan dalam amal Islami supaya tidak bertindih tenaga yang merugikan. Juga untuk berkerjasama dalam beberapa hal ke arah mengeratkan hubungan antara satu sama lain dan membulatkan tenaga umat Islam.

Tidak dapat dinafikan, bahawa di antara punca-punca perpecahan umat Islam juga adalah disebabkan kejahilan mereka tentang agama Islam yang sebenar. Ini menyebabkan mereka terjebak dalam perjuangan ideologi-ideologi asing seperti nasionalisme, kapitalisme, sosialisme, sekularisme dan sebagainya. Kadang-kadang amat sukar bagi mereka untuk kembali ke pangkal jalan hidup Islam, sebagai penyelesaian.

Kepada mereka, langkah-langkah yang perlu diambil ialah:

Pertama:

Memberi kesedaran dengan memperkenalkan Islam, sebagai ad-den yang kamil dan mutakamil. Bukannya menurut takrif agama seperti yang diperkenalkan oleh musuh-musuh Islam. Tetapi Islam yang terkandung di dalamnya perkara-perkara yang berhubung dengan roh dan jasad, individu dan masyarakat, negara dan antarabangsa, serta penyelesaian Islam terhadap masalah semasa.

Kedua:

Memberikan kefahaman Islam berhubung dengan aqidah. Dihuraikan dengan realiti yang ada sekarang. Bukan dengan menghujahkan fahaman-fahaman asing yang lahir di zaman silam, melalui kitab-kitab yang dikarang waktu itu seperti Jabariah, Muktazilah dan sebagainya. Tetapi hendaklah diperkenalkan juga ideologi-ideologi moden yang bercanggah dengan ajaran Islam, menggunakan hujah nakliyah dan akliyah.

Dengan ini, kita mengharapkan bahawa golongan-golongan yang sesat dalam arus ideologi-ideologi moden akan kembali ke pangkal Islam. Kalau sesat ke hujung jalan, kembalilah ke pangkal jalan! Kita memandangi realiti yang kita tidak mampu menyekatnya, seperti wujudnya kelemahan diri kita sendiri dan kejahilan di kalangan kita, mudah-mudahan diampunkan Allah.

Semoga diberi taufik dan hidayah kepada kita sekalian ke arah memberikan khidmat, sumbangan tenaga dan fikiran demi kepentingan Islam dan penganutnya. Juga diharapkan akan dikurniakan kepada kita keikhlasan dalam setiap amalan dan sumbangan. Sekian. Wallahu 'aklam.

Lampiran I

DI bawah ini diperturunkan catatan perjalanan penulis dalam majalah 'Al-Ummah' Mei 1989 yang memakai nama Tengku Ahmad Mohammad. Tulisan yang mendedahkan perbandingan bentuk pembangunan Di Saudi Arabia, Thailand dan Malaysia yang tidak berlandaskan Islam.

Jeddah: Teruna Laut Merah.

Amat tertarik hatiku melihat-lihat suasana persisiran pantai kawasan orang-orang Melayu Pattani. Sebagaimana yang ramai orang-orang luar tahu bahawa di Thailand ini terkenal dengan Pantai Pattaya dan Pulau Phuketnya, tempat pelancong-pelancong dari barat berpesta. Berbogel dan separuh bogel dengan bebasnya. Pantai yang bersih telah dicemarkan. Keindahan alam maya telah dinodai. Tetapi amat berbeza dengan yang sedang saya lawati ini.

Kereta kami menyusur pesisiran pantai. Melintasi kawasan projek orang Melayu membuat garam di gigi laut. Melintasi kawasan orang Melayu menternak ikan-ikan laut. Melintasi kampung-kampung Melayu dan Siam yang tidak teratur. Akhirnya sampai ke tempat perkelahan yang disebut-sebut sebagai pantai 'Gege'. Ertinya pantai ke'riuh'an, berhampiran dengan sebuah kampung orang

Melayu yang khabar cerita asal-usulnya dari tanah Jawa.

"Mu tak mandi?" Tanya kawanku dalam bahasa Pattani, yakni seolah-olah bahasa Melayu loghat Kelantan, sambil menyalin pakaian untuk terjun ke laut mandi-manda.

Tapi matakau tetap merenung jauh ke arah gumpalan ombak biru Laut Cina Selatan yang sedang berhempas pulas ke pasir pantai yang putih bersih itu. Burung-burung laut berterbangan berlegar-legar bermain-main di permukaan air. Anak-anak berkejar-kejaran bermain pasir. Nun, di bawah seponoh kelapa yang melambai-lambai, sebuah keluarga Melayu sedang berkeliling menghadapi hidangan, berkelah.

Oh.. pantaimu masih bersih dari noda dan maksiat. Bagaikan anak dara sunti kampung yang masih bersih belum dilanda ribut tipuan durjana dunia. Kedurjanaan dan maksiat yang bersembunyi di balik topeng kemodenan dan pembangunan. Bukan kemodenan itu tidak baik. Tetapi kemodenan itu hendaklah bersih dari kotoran maksiat dan gejala-gejala buruk. Bukan pembangunan itu tidak perlu. Tetapi pembangunan itu hendaklah seimbang antara pembangunan jasmani dan rohani. Pembangunan material dan spiritual.

Teringat aku kepada pembangunan bandar Jeddah di pinggir Laut Merah. Ia lebih dikenali dengan jolokan 'Teruna Laut Merah'. Hari itu kami sembeleh kambing untuk jamuan berkelah di pantai tersebut.

Kereta kami keluar dari pusat bandar, yang lebih dikenal dengan panggilan 'balad'. Balad waktu pagi tidak begitu ramai. Ia mulai dikerumuni manusia bila masuk

waktu asar. Hingga kira-kira sembilan malam atau lebih sedikit. Macam Jalan Chow Kit di Kuala Lumpur juga, kemeriahannya di waktu malam. Bezanya, bandar Jeddah dan bandar-bandar besar lain di Saudi lebih kaya dengan lampunya yang terang dan banyak. Pengunjungnya terdiri dari orang berbagai negeri di Afrika dan Asia. Tidak berapa ramai orang barat dari Amerika, Eropah dan lain-lain.

“Jeddah puluhan tahun dulu amat berbeza dengan Jeddah sekarang.” Kata kawanku yang lama tinggal di Saudi. “Tiap tahun para hujjaj datang menunaikan haji akan terkejut dan terpukau dengan pembangunan kebendaan yang mendadak dan pesat berkembang. “Mu lihat itu!” Sambil jarinya menunjukkan ke arah deretan bangunan lama yang dikelilingi oleh bangunan-bangunan baru yang indah.

“Dulunya bangunan itu di tepi laut, tempat jamaah haji datang dengan kapal air. Tapi kini ia sudah berada di tengah daratan, kira-kira beberapa kilometer dari laut. Laut pun telah dikambus dan ditimbus. Dibinanya bangunan, jejambat dan jalan yang lebar. Taman-taman permainan, pokok-pokok yang indah. Pokok kelapa pun ada. Dan berbagai-bagai jenis bunga-bunga.” Jelasnya lagi. Aku lihat di perdu pokok-pokok tersebut, setengahnya dipasang paip air untuk memudahkan penyiraman.

“Pusat-pusat membeli-belah tumbuh bagai cendawan di musim hujan. Menjual barang-barang yang mahal dan mewah.” Sambung kawanku lagi. “Ada sebuah pusat beli-belah mempamerkan batu permata yang terbesar di dunia. Seperti yang dicatatkan dipusat beli-belah tersebut. Kalau

nak video dari berbagai penjuru dunia pun ada. Filem Melayu, Indonesia, Jepun, Siam, Cina, Arab, Inggeris, Perancis dan lain-lain.. Semuanya ada. Begitu keset-keset nyanyian..."

"Keset Mat Yeh ada?" Tanya kawanku yang lain dengan nada lucu. Mat Yeh adalah penyanyi klasik Melayu loghat Pattani di selatan Thai.

"Ada. Tapi bukan di situ.. Di kedai-kedai kaki lima!" Tegasnya.

"Filem lucah?" Yang lain mencelah.

"Ssyhh... Ada juga." Bisiknya perlahan-lahan." Tapi di pasar gelap.

"Kereta kami terus merangkak perlahan-lahan. Melintasi gerai-gerai tepi jalan. Banyak gerai-gerai dibina berbentuk buah limau besar yang indah sepanjang pantai. Kami melintasi kereta-kereta penjaja. Melintasi tugu-tugu binaan. Hampir ratusan banyaknya sepanjang pantai. Ada yang setinggi pokok kelapa tua di kampung-kampung. Atau lebih lagi. Ada berbentuk bijian gandum yang besar. Tugu kereta-kereta. Bot-bot lama. Lambang sains, setelit, kuda laut dan berbagai jenis atau bentuk yang boleh ditafsirkan macam-macam.

"Haa... Ini dia basikal Tok Adam!" Kawanku yang lucu itu menjerit memberitahu. Sambil jarinya menuding ke arah tugu binaan berbentuk basikal besar." Super basikal. Boleh jadi basikal yang terbesar di dunia. Dibuat menurut saiz Tok Adam yang khabarnya bertubuh besar dan tinggi. Sebab itu orang panggil basikal Tok Adam." Katanya menculik hati dan tertawa. Nun, di dalam laut pula, istana

raja Saudi tersergam indah. Pancutan air laut yang dicipta, memancut menjulang ke langit tinggi. Dari jauh nampak bagaikan bunga sedang kembang mekarmengadah ke atas.

Kami pun berhenti di suatu sudut pantai yang menarik. Pantai yang dipenuhi manusia simpang-siur. Berkejaran ke sana kemari mandi-manda. "Mari kita berehat di sini. Nak makan ka... Nak mandi ka... Boleh belaka!" Aku diberitahu.

"Tapi tempat ini ramai sangat. Tidak adakah tempat yang sunyi sikit.. walaupun agak jauh dari sini? Tanyaku.


"Ada. Cuma kira-kira lima enam kilometer dari bandar. Tapi, di sana biasanya kita akan terjumpa orang-orang Amerika, atau orang barat yang sedang berehat dan berjemur... dengan pakaian yang menjolok mata dan separuh telanjang." Jelaskawanku dengan geram. "Macam negeri mak bapak mereka.. naik meluat aku!"

Ini membuat kotak fikiranku berkerja keras. Memikirkan tentang pembangunan bercampur maksiat yang sudah melanda negeri tempat kelahiran Nabi Muhammad SAW. Bagaimana sebahagian dari tempat-tempat sejarah Islam sudah ditiadakan. Atau dilarang berziarah. Seperti bekas maulid Nabi atau tempat kelahiran Nabi yang berhampiran dengan Masjidil Haram. Masjid Bilal di Jabal Qubais telah dirobohkan. Banyak lagi tempat sejarah telah dipendamkan dengan berbagai alasan. Kononya takut berkembangnya khurafat. Pemujaan kepada benda, kubur dan sebagainya oleh kerajaan Wahabi Saudi.

Mereka membina berhala-berhala baru, atau khurafat bentuk baru di sepanjang pantai laut Jeddah, untuk



البحر في جدة، Saudi Arabia (1987).



Jeddah: Pembangunan kebendaan yang pesat (1987).

diziarahi dengan alasan menarik pelancong. Sedangkan jutaan jamaah haji yang datang tiap tahun, dan golongan pendatang Islam berkhidmat di Saudi yang datang kerana tuntutan agama cuba dibendung dan dikurangi. Tapi orang kafir dijemput dan dilayani. Astaghfirullah...

"Eh, Mat." Tiba-tiba aku dikejutkan dengan pertanyaan kawanku sekali lagi. "Mu betul-betul tak nak mandi di pantai Gege ini? Menung apa lagi?"

"Tidak apa-apa." Jawabku. "Aku cuma merenungkan masa depan pantai ini. Khabarnya ramai taukeh-taukeh kaya sedang berebut-rebut membeli tanah pesisiran pantai wilayah orang Melayu ini. Tentu harganya sekarang sudah melambung naik. Seolah-olah tuah datang bergolek... Tapi sebenarnya bala datang menindih."

"Kenapamu cakap macam tu?" Ia bertanya lagi. Seolah-olah tidak jadi hendak mandi.

"Aku terkenang di negaraku Malaysia... Puluhan tahun yang lalu, ada sebuah madrasah bernama 'Madrasah Al-Masakin'. Ayahku mengajar di situ. Madrasah untuk nelayan-nelayan miskin yang terletak di celah-celah pokok kelapa tepi pantai bagaikan rumah dan gerai itu.. dalam sebuah kampung yang kecil." Sambil jariku menunjukkan arah rumah dan gerai tersebut, bergegar-gegar dan menari lembut ditiup angin sepoi bahasa yang tambah menyegarkan itu.

"Kampung itu bernama Kampung Keling. Kerana ramai orang keturunan India Muslim atau Keling tinggal di kampung yang terletak di dalam kawasan Teluk Bahang Pulau Pinang itu. Di situlah aku dibesarkan dan belajar

agama dengan orang tuaku. Di pantai itulah aku berlari-lari dan bermain-main... Tapi akhirnya aku dan keluargaku terpaksa berpindah dan terpisahlah kami dari pantai itu." Bisikku lagi. Kami melangkah perlahan-lahan menuju ke gigi air. Desiran ombaknya menghempas dan memercikkan air membasahi buku lali kaki.

"Maklumlah saudara... Tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermain." Aku menyambung lagi. "Dan baru-baru ini aku kembali untuk mencari tempat tersebut, tapi tiada berjumpa. Kampung itu sudah tiada. Penghuninya sudah dipindahkan keflat-flat. Aku dapat tahu 'Hotel Mutiara' sudah menggantikan tempat kampung itu. Madrasah yang satu-satunya tempat pengajian agama di Teluk Bahang waktu itu, telah bertukar menjadi surau. Khabarnya pula surau itu pula telah terbakar. Ada juga yang mengatakan dibakar."

"Semuanya adalah kerana tanah kampung itu sudah dibeli oleh taukeh kapitalis yang kaya-raya dan dijadikan hotel bertaraf antarabangsa." Jelasku dengan rasa kecewa. "Kini kami tidak lagi bebas mandi-manda atau berkelah di pantai itu seperti dulu lagi. Kerana sudah dipagari dan dicemari oleh nilai-nilai hidup yang bertentangan dengan adab-adab ketimuran dan kemanusiaan yang dibela dan dibina oleh Islam!"

"Tapi bukankah pembangunan itu memberi kemakmuran dan menguntungkan ekonomi negara?" Dia bertanya.

"Apalah ertinya pembangunan dan kemakmuran yang menghambat nilai-nilai kemanusiaan dan akhlak yang mulia. Apalah gunanya pembangunan yang memiskinkan

orang miskin dan menindas orang tertindas. Menggamit datang dan menggemukkan perut kapitalis yang sudah buncit kekenyangan, bertenggek pula di atas belakang si miskin tempatan! Inilah falsafah pembangunan yang ditolak oleh Islam, walaupun Islam menuntut pembangunan kebendaan." Tegasku lagi.

"Di negaraku, mereka bina jambatan yang terpanjang sekali di Asia, sedangkan kemudahan feri lama sudah tersedia. Maka rakyatlah yang menanggung derita bebannya, kerana jumlah kutipan tol yang dianggarkan dikutip tiap tahun tidak cukup untuk dibayar hutang bunganya saja. Apa lagi hutang pokoknya!" Tegasku. Tapi aku sedar perbincanganku telah jauh. Diapun nampak sugul sekali.

Aku memutuskan kata, "Ahh.. sudahlah. Mu mandilah sepuas-puasnya, sebelum sampai masa dan waktu, mu tidak boleh mandi atau tidak mahu mandi lagi di sini!!" Aku seolah-olah menyindir. Tetapi dia seolah-olah tidak faham. Dia kenal aku kerana aku pun kenal dia.

Dia terus terjun ke laut biru itu.. sehingga terpercik dan terpancutlah segumpal air menampar mukaku, meninggalkan kepedihan buat seketika...

Lampiran II

DIMASUKKAN juga catatan perjalanan penulis yang pernah tersiar di majalah *Al-Ummah* untuk pengetahuan pembaca:

- i. Majalah *Al-Ummah* Ogos 1989 bil. 22. Menonton Di Pakistan: Penjajahan Melalui Wayang Gambar.

BARA api di atas dapur pun membakar garang. Membakar daging-daging pejal satay yang kami pesan. Bila dikipas, meletit-melit. Meletup-letup. Sesekali apinya menyambar. Menambah indahnya suasana malam di kedai itu. Manusia mundar-mandir tambah meriahnya lagi.

Kedai itu berhampiran dengan sebuah panggung wayang gambar dalam bandar Pattani. Bandar di kawasan orang-orang Islam dalam negeri Buddha Gajah Putih itu. "Mu semua duduk dulu... Sementara nak tunggu satay masak, saya nak lihat-lihat di luar panggung tu..." Aku minta diri sebentar.

Kelmarin aku melihat sebuah lori melintas. Dindingnya dipenuhi poster-poster wayang. Besar-besar. Berkelliling bandar dan kampung berdekatan. Memberitahu juga melalui pembesar suara. Gambar-gambar itulah yang kini terpampang depan pintu masuk panggung. Gambar wanita

tak berpakaian. Sama besar dengan manusia. Di samping gambar-gambar lain yang juga menjolok mata. Menjolok perasaan dan nafsu. Memalukan... Tapi bagi kumpulan dan pasangan anak muda yang ramai menunggu di situ, biasa sahaja. Tiada apa-apa. Walaupun bercampur lelaki perempuan antara mereka. Seperti kumpulan anak-anak budaya rock di barat lagaknya.

Masih terbayang lagi pengalamanku menonton wayang di Karachi. Walaupun sudah berlalu beberapa tahun. Aku bersama kawanku seorang pelajar universiti di Pakistan. Dari jauh, aku seperti tiada percaya berada di hadapan panggung wayang malam itu. "Eh! Panggung wayangkah ini?" Aku bertanya. Sewaktu bertembung dengan penonton-penonton yang serentak keluar menonton.

"Kenapa?" Kawanku seperti tersentak.

"Seperti masjid." Balasku pendek seolah-olah bergurau. Tetapi tidak. Kerana terlihat ramai orang berkupiah keluar dari panggung. Pakaianya seperti berpakaian ke masjid. Tiada kelihatan pun orang perempuan. Tiada pemuda-pemudi yang berpakaian atau berkelakuan menjolok mata. Macam orang-orang keluar masjid lagaknya.

"Kau tahu... Orang-orang sini rata-rata memakai pakaian tradisi dalam tiap kehidupan harian mereka. Ke masjid atau kepanggung, sama saja. Kadang-kadang memakai kupiah atau berserban." Dia menerangkan. "Berpakaian seperti kamu ini, kemeja panjang dan berseluar tebal, tidak longgar ala koboi pula amat asing bagi mereka. Pakaian yang sering dipakai oleh orang Kristian di sini. Jadi tidak hairanlah kalau mereka menganggap kamu orang Kristian."

Dia terus menerangkan. "Begitu juga kalau terlihat wanita yang memakai gaun atau pakaian yang agak menjolok mata ala barat. Sudah tentu mereka menganggap itu wanita Kristian. Ini pun di bandar Karachi. Bandar besar yang terdedah kepada budaya luar atau budaya barat. Kalau di bandar kecil atau luar bandar, lebih sensitif lagi."

Pernah terjadi sewaktu aku meminta minuman kepada penjaja tepi jalan, di sebuah pekan kecil utara Pakistan. Penjaja itu tidak berapa layan. Tapi bila diberi salam, dia bertanya: "Muslim?" Aku mengangguk. Barulah dilayaninya dengan penuh kemesraan. Begitu juga sewaktu aku berbaris hendak mengambil tiket keretapi, ucapan salam boleh memberikan syafaat untuk menjimatkan masa. Pernah juga semasa aku hendak keluar bersiar-siar dengan kawanku orang tempatan. Dia mendesakku supaya menukar kepada pakaian tradisional Pakistan. Jangan sampai aku dianggap orang kafir, katanya.

"Bagaimana kalau kita menonton?" Aku mula tertarik untuk melihat ke dalam panggung.

"Boleh." Jawab kawanku.

Aku terus meluru ke kaunter tiket. Ada dua ruang. Satu dipenuhi orang berbaris menunggu giliran. Satu lagi kosong. Aku menuju ke ruang kosong itu.

"Nanti!" Jerit kawanku menahan. "Sejak bila kau jadi perempuan? Cuba lihat ini..." Sambil jarinya menunjuk arah kenyataan tulisan Inggeris '*For Ladies Only*.'" Ini ruang jual tiket untuk wanita sahaja!"

Tersipu-sipu aku. Teringat aku semasa menukar wang di Habib Bank kelmarin. Juga ada ruang tunggu bertulis




Kanak-kanak menjual jagung bakar di Pasyawar, Pakistan (1984). Gambar diambil dari atas bumbung bas.



Penulis sedang makan capati dengan daging kambing di sebuah kedai makan di Kyber Pass, bandar di sempadan Pakistan — Afghanistan (1984).



Sebuah pekan kecil dalam daerah Pesywar (1984).



Kereta kuda masih digunakan sebagai kendaraan umum, dalam daerah Pesyawar (1984).

'For Ladies Only'. Begitu juga di pejabat pos dan tempat-tempat awam lain.

Ada lagi yang anihnya. Walaupun bagi orang di sini tidak. Pernah sewaktu aku menaiki bas dari Pesyawar ke sebuah kampung di perdesaan. Aku termasuk kumpulan yang mula-mula menaiki bas tersebut. Aku duduk di tempat kosong di hadapan. Bas pun terus berjalan mengutip penumpang. Apabila ada wanita naik, maka keutamaan tempat duduk diberi kepada wanita. Mulai dari belakang. Jika tidak cukup tempat, lelaki terpaksa berdiri.

Tiba-tiba bas berhenti lagi, walaupun isinya sudah penuh. Kerana ada sekumpulan wanita bercadur menutup muka naik. Memang itulah pakaian Muslimat-Muslimat Pesyawar. Dari jauh nampak macam khemah bergerak-gerak. Payah memastikan mana depan, mana belakang. Pemandu bas itu menjerit memberitahu supaya semua lelaki turun. Berikan tempat duduk pada Muslimat-Muslimat yang terus memenuhi bas tersebut. Perasaanku mulai bimbang dan cemas. Takut tertinggal. Kerana tidak ada lagi tempat kosong dalam bas.

Tapi bagi mereka ada lagi tempat kosong. Itulah, di atas bumbung. Semua lelaki disuruh naik ke atas bumbung bas yang kuat dan teguh itu. Bas yang tertulis di hadapannya 'Tawakkaltu Alallah' itu pun berjalan tiada berhenti mengambil penumpang lagi. Terus membelah merentasi udara kampung berdebu yang jarang hujan. Sekali-sekala penumpang di bumbung menjerit mengisyaratkan supaya tunduk, takut dirimbas ranting kayu dari pohon besar tepi jalan...

"Eh... Mat!! Satay dah siap ni... Mari!" Suara kawanku

berteriak mengejutkanku dari lamunan. Dia menggamit dari dalam kedai makan. Mengajak makan bersama. Aku pun menuju meja hidangan.

“Asyik betul mu lihat poster-poster wayang tu. Nak menonton ke?” Dia bertanya lucu. “Atau nak tenguk gambar perempuan!”

“Di Thailand ini, gambar-gambar macam tu tak jadi kudis pun. Biasa saja. Gambar-gambar seks lucah pun dijual tepi jalan. Video blue filem, filem kotor itu pun mudah didapati.” Yang lain menyampuk, sambil merentap lidi satay setelah memasukkan daging ke mulut.

“Begini saudara...” Kataku sambil membetulkan tempat duduk dan memulakan pembicaraan. “Saya melihat dari sudut yang lain. Seperti yang pernah ditulis oleh seorang ahli perniagaan di Amerika Syarikat, pengasas dan ketua Syarikat Motor Ford bernama Hendry Ford L... Dalam bukunya *'The International Jew'* tahun 1920. Dia mengatakan bahawa panggung wayang gambar sudah lama termasuk dalam program Yahudi untuk memandu, mempengaruhi dan menjajah fikiran manusia... Setiap minggu dan malam, panggung wayang gambar akan menjadi teman rapat, yang sentiasa mengutarakan idea-idea yang dikehendaki oleh kuasa balik tabir tersebut.”

Mereka mengunyah satay perlahan-lahan, sambil menumpukan perhatian kepada kata-kataku.

“Di Russia, umpamanya. Walaupun tiada apa-apa hiburan, tapi panggung wayang gambar masih dikekalkan, disokong dan digalakkan oleh Bolshevis Yahudi. Bahkan perusahaan wayang gambar, perusahaan kelima terbesar

di Amerika Syarikat dikuasai keseluruhannya oleh Yahudi. Kerana itulah bagi dunia yang bertamadun, hendaklah meningkatkan lagi tentangan terhadap pengaruh yang meruntuhkan akhlak dalam rupa bentuk hiburan seperti yang diuruskan sekarang! Menurut Ford lagi." "Aah... Orang lebih suka televisyen!" Ada yang menyampuk.

Tapi yang lain menjawab: "Televisyen itu adalah panggung wayang yang telah dikecilkan. Dibuat untuk menarik dan memudahkan anak isteri orang Islam, atau tok-tok guru pondok yang tidak mahu, malu atau payah ke bandar, boleh menonton sendiri di rumah dengan bebasnya. Barulah mudah jarum penjajahan itu dicucukkan ke atas mangsanya."

"Betul katamu!" Aku terus menyambung cakapnya. "Kerana musuh-musuh Islam menyedari bahawa umat Islam tidak dapat dijajah atau dihambat dengan muncung senapang atau kekerasan. Seperti di Afghanistan, Iran dan sebagainya. Tetapi hendaklah lebih dahulu dipisahkan Islam daripada penganutnya. Iaitu melalui dadah, arak, lagu hiburan, dedah aurat, campur-baur lelaki perempuan dan sebagainya..."

"Adakah ini juga satu perancangan?" Muncul satu lagi pertanyaan.

"Sudah tentu!" Kataku lagi. "Rahsia tersebut pernah dibongkar oleh kerajaan Bavaria tahun 1786 Masihi. Melalui sebuah buku Inggerisnya, *The Original Writings of The Order and Sect of The Illuminati*'. Iaitu tentang rancangan jahat beberapa puluh orang pendita dan banker Yahudi yang ingin menawan dan menjajah dunia untuk menubuhkan sebuah kerajaan diktatortotalitarianisme

Yahudi mazhab karbala.”

”Mereka buat apa?” Ingin tahu seterusnya.

”Menurut rumusan mesyuarat rahsia Yahudi yang tersebar luas seperti dalam buku itu, mereka menggunakan landasan bergerak melalui akhbar-akhbar, nasional dan internasional. Parti-parti politik. Pendidikan, termasuk teori-teori palsu. Kegiatan kebudayaan, termasuk wayang gambar dan pertandingan-pertandingan. Dan pertubuhan sulit freemason... Setakat ini hampir semua saluran tersebut telah berjaya mereka kuasai dan meluas ke seluruh dunia.” Jelasku, sambil memegang sepucuk satay dan mencecah ke kuahnya.

Seorang lagi menambah: “Sebab tu bila orang Yahudi nak telanjangkan wanita kita, mereka tak payah lagi datang sini! Petik saja suiz di Amerika, maka pakaian wanita sini pun terlondehlah...”


Kawan-kawan yang lain tercengang-cengang, “Haa.. macam manatu?!”

”Mudah saja. Mereka mencipta pakaian yang bertelanjang, disalurkan melalui toko-toko fesyen di Amerika. Dipakai pula oleh artis-artis mereka. Ditiru oleh artis dan muda-mudi kita, yang tersebar melalui media massa yang mereka kuasai. Sehingga tertariklah adik-kakak di kampung, maka berpakaian telanjanglah keluarga-keluarga kita, walaupun mulanya malu-malu lagi...” Terang kawanku itu. Baru yang lain merasa lega.

”Kalau begitu mudahlah orang Yahudi memerangkap dan menelan kita?” Tanya yang lain pula.

“Ya, memang mudah.. Seperti kita mengunyah dan menelan satay-satay ini.” Kataku sambil memasukkan secucuk satay ke mulut. Tertawa kecil mereka serentak. Masing-masing terus mengunyah.

“Tapi ada lagi...” Kata kawanku dengan suara berkulum. Kerana ada daging satay di mulutnya. “Kecuali orang yang mengamalkan Islam sebagai satu cara hidup. Bukan ibadat khusus semata-mata.”



Pondok-pondok pengajian Islam di Selatan Thai.

ii. Majalah *Al-Ummah* September 1989 bil. 23.

**THAILAND-MANILA:
PERNIAGAAN SEKS DAN WANITA.**

SATUN atau Setoi adalah sebuah bandar di selatan Thai. Dalam kawasan bersempadan dengan negeri Perlis. Kawasan majoriti penghuninya orang Islam dan Melayu, yang kebanyakannya di kampung-kampung dan luar bandar.

Bahasanya ialah bahasa Melayu loghat yang hampir sama dengan loghat tempatan Perlis dan Kedah. Tidak seperti bahasa orang-orang Melayu Pattani, Yala dan Narathiwat yang mirip kepada loghat Melayu Kelantan. Agak sukar sikit untuk mendapati orang-orang bercakap Melayu dalam bandar ini. Tidak seperti bandar-bandar lain selatan Thai.

Kakiku melangkah menaiki bas yang sedang menunggu menuju Hat Yai. Lalu aku terus mengambil tempat duduk.

Tiba-tiba datang seorang wanita berbisik dan mengejutkan. "Di sini masih kosong?" Jarinya menunjukkan arah tempat duduk sebelahku.

Aku mengangguk.

Dia terus duduk. Wajahnya agak muda dan cantik juga.

"Nak kemana bang?" Sapanya.

"Pattani." Jawabku ringkas. Sambil mataku merenung beberapa orang penumpang yang sedang menaiki bas dan mencari tempat duduk. Aku tidak begitu berminat untuk berbual dengannya. Hatiku tertanya-tanya mengapa dia memilih tempat duduk sebelahku, sedangkan tempat-tempat lain masih banyak kosong lagi.

"Adik juga mahu ke Pattani." Dia memulakan perbualan. "Kerana mak adik sakit... adik terpaksa pulang segera, walaupun tergesa-gesa."

Aku sudah mula menangkap maksudnya. Sudah tentu ia akan bercakap fasal wang. Memang orang luar biasanya membawa banyak wang. Datang berpoya-poya dengan seks dan perempuan di sini. "Tapi, adik tak cukup duit." Sambungnya bernada lembut. Terputus-putus. Bagaikan dalam kesedihan.

Aku masih membisu.

Dia meneruskan kata-katanya. "Adik orang susah. Perlu duit. Adik terpaksa buat apa saja untuk membantu mak adik yang sakit. Bagaimana kalau kita tidur bersama malam ni... Tak salah bantu adik kan?" Berderau darahku dengan cetusan katanya itu.

Aku tidak mahu terperangkap. Bukan pertamakali aku hadapi ini dalam pengembaraanku. Kenanganku mula melangkaui batasan negeri. Mengingatku aku waktu sampai di Manila semasa tunjuk perasaan anti-Marcos mula menggila beberapa tahun lalu. Dalam teksi menuju hotel dari *airport*, aku diiklankan dengan wanita-wanita genit Filipina yang dikatakan memikat dan menarik

pelancong. Sesampai di hotel bertalu-talu serangan pertanyaan seperti memaksaku memiliki teman tidur.

Apabila diberitahu aku tidak mahu, seperti mengejek dan tidak percaya wanita penjaga hotel itu berkata: "Tidak ada lelaki yang tidak mahu perempuan di sini. Sinilah syurga lelaki asing di Asia. Kecuali kalau lelaki itu berpeyakit atau tidak punya wang!" Sambil memberi kunci bilik dan kunci kotak kecil keselamatan, tempat simpan barang-barang penting.

"Nah. Lihat ini..." Sambil menunjukkan satu ruang kecil terletak di bahagian pendaftaran." Kotak tempat simpan paspot dan wang supaya selamat... Kerana wanita-wanita di sini amat nakal, sering mencuri wang pelanggan. Juga mengelakkan tuan dari kehabisan wang saku untuk pulang sesudah terlanjur berseronok-seronok!" Katanya sambil tertawa.

Sewaktu melintas ke bilik penginapan, aku terserempak gambar bogel besar sama tinggi denganku terpampang di dinding. "Gambar siapa ini?" Terloncat pertanyaanku.

"Gambar seorang artis filem tempatan Filipina..." Katanya dengan megah.

Petang itu aku merayau-rayau mencari kedai makan orang Islam. Aku terserempak sebatang jalan yang dipenuhi kelab-kelab hiburan. Dari jauh ternampak wanita-wanita muda berpakaian seperti bikini. Hanya tutup tempat-tempat tertentu sahaja dengan pakaian berjurai-jurai macam daun kelapa. Mereka berhimpun di hadapan pintu masuk menunggu pelanggan. Belum pun sempat pelanggan mendekat, mereka sudah berkerumun, menarik

tangan pelanggan masuk ke kelab masing-masing. Ramai pelanggan berbangsa Inggeris dan Arab.

"Bagaimana... Boleh tidur dengan adik malam ini?" Pertanyaan itu menyentak dan memutuskan lamunan yang membuat aku lupa akan wanita di sebelahku.

"Begini adikku..." Aku cuba menjelaskan. "Sebenarnya bukan itu tujuanku ke mari. Aku tidak banyak bawa duit." Aku cuba menggambarkan keikhlasan yang sungguh-sungguh. "Lebih-lebih lagi aku seorang Islam. Islam sungguh-sungguh. Tak mahu buat dosa besar itu!"

Dia nampak tersinggung. Kecewa dengan tembakan kata-kataku. "Terima kasih saja bang." Katanya. Dia terus bangun. "Tak pernah adik dengar jawapan macam ni..." Dia mencari tempat duduk yang lain. Untuk memasang perangkap yang lain pula.

Kata-kata seperti ini jugalah membuat aku berkenalan dengan seorang pemuda pemandu motosikal tambang, di pekan kecil Sungai Kolok atau disebut juga Golok, sempadan Thai-Kelantan beberapa lama dulu. "Abang nak perempuan ke?" Kata muqaddimahnyanya untuk mencari pelanggan.

Kerjanya di samping mengambil upah motosikal tambang, juga mendapatkan komisyen dari taukeh-taukeh perniagaan perempuan dan hotel-hotel. "Perempuan di sini muda-muda belaka. Belasan tahun atau lebih sikit. Tak macam balik sana Malaysia.. Tua-tua. Mahal pula. Di sini cuma dua tiga puluh ringgit Malaysia saja sehari semalam. Tak masuk sewa hotel. Boleh guna sini atau bawa keluar ke mana saja sebagai teman perjalanan." Dia meneruskan

promosinya.

Tiba-tiba, sebuah *land rover* berhenti di hadapan kami. Dalamnya dipenuhi wanita-wanita muda. Bagaikan rombongan penuntut-penuntut sekolah menengah sedang bercuti hendak pergi berkelah di pantai. Dengan membimbit dan menggalas sebuah beg pakaian tiap seorang. "Siapa mereka itu.. nak ke mana pula?" Aku ingin tahu.

"Itulah perempuan cari makan, macam yang disebut tadi... Mereka dipanggil oleh taukeh hotel bila ada pelanggan nak lihat atau nak pilih. Tu sebab mereka bawa beg pakaian. Bila mereka terpilih, mereka terus ikut pelanggan. Tak payah balik ambil pakaian lagi." Jelasnya. "Eh... abang tak nak perempuananke?" Dia bertanya lagi mengingatkan.

"Tidak. Saya tidak mahu buat kerja dosa besar itu." Kataku tegas. "Tapi kalau sekadar berjalan-jalan melawat pekan Golok ini, bolehlah." Aku tidak mahu mengecewakannya.

"Moh..." Dia bersetuju. Aku membonceng di belakang motosikalnya berkeliling pekan. Melintasi kedai-kedai dan lorong. Masjid-masjid dan lain-lain. Akhirnya dia berhenti di hadapan sebuah deretan kedai-kedai lama berdinding papan yang udah lusuh warnanya. "Nak masuk?" Dia mempelawa.

Aku pun turun, terus mengikutinya. Masuk dalam kedai itu. Aku terkejut bila melihat dalam kedai tersebut berhias cantik. Lampu neon berwarna-warni, bagaikan dalam kelab malam di bandar-bandar besar. Semasa melangkah

masuk, loceng isyarat berbunyi. Tanda ada pelanggan datang. Wanita-wanita pelacur yang sedang berehat, berbual atau tidur-tidur ayam pun dikejutkan. Mereka bangun dan duduk berbaris di dalam cermin. Bagaikan patung permainan yang dipamirkan dalam almari.

"Tuan mahu yang mana? Boleh pilih!" Kata penjaganya kepadaku.

Aku pura-pura merenung dan menggelengkan kepala. Seolah-oleh dagangannya tidak baik.

"Kenapa?" Tanya penjaga itu.

"Mereka tahu cakap Melayu?" Aku bertanya.

"Tidak." Jelasnya.

"Cakap Inggeris?" Aku bertanya lagi mencari alasan untuk tidak mahu. Penjaga itu bertanya kepada mereka dalam bahasa Thai. Ada dua orang mengangkat tangan. Berdebar juga dadaku, kerana terpaksa mencari alasan yang lain pula.

Tapi katanya: "Yang tu boleh cakap Cina bukan cakap Inggeris!" Aku pura-pura merungut. Akhirnya keluar dari situ.

Sambil berjalan kawanku pemandu motosikal sewa itu menjelaskan: "Sebenarnya, puak-puak betina cari makan bukan nak sangat kerja tu... Mereka terkurung dalam bilik cermin siang malam. Tak boleh keluar. Lainlah kalau ada pelanggan bawa keluar. Barulah bebas sikit macam burung keluar dari sangkar. Barulah boleh lihat dunia bebas. Kadang-kadang ada yang cuba lari tapi ditangkap semula oleh taukehnya."

"Tapi, bagaimana boleh sampai sini kalau tidak dengan rela sendiri?" Aku minta penjelasan.

Dia terus menceritakan, "Pada suatu malam, saya terdengar suara ratap tangis dengan hibanya dari satu keluarga. Mereka datang dari jauh untuk menyerahkan kedua anak gadisnya menjadi pelacur di sini..." Katanya lagi dengan rasa terharu.. "Mereka terpaksa menyerahkannya untuk memperolehi pinjaman kira-kira sepuluh ribu ringgit duit Malaysia, daripada taukeh pelacur itu. Sebagai bayaran balik akan datang, sepertiga daripada pendapatan kerja anak gadisnya akan dipotong. Dua pertiga lagi boleh guna sendiri atau membantu adik beradiknya di kampung. Mereka bukan nak kerja macam tu.. tetapi terpaksa kerana keluarga terlalu miskin... sempit hidup. Kebanyakannya didatangkan dari utara Bangkok seperti Cheng Mai, Cheng Rai dan lain-lain."

"Berapa lamakah baru habis bayar hutang?" Aku bertanya lagi.

"Bergantung kepada perniagaan. Kalau maju, cepatlah habis. Biasanya empat lima tahun. Lepas itu kalau nak sambung lagi pun boleh. Kalau masih muda, cantik dan kuat kerja... Tapi kalau sudah layu, lembek, tak lakulah!" Dia terus bercerita."Ada juga taukeh-taukeh perniagaan yang pergi menjelajah ke kampung-kampung utara Siam sana, menjanjikan pekerjaan lumayan seperti ini, dan memberikan pinjaman kepada mak bapa mereka. Di sana barulah boleh pilih yang cantik-cantik belaka."

Tiba-tiba di jalanraya ada beberapa buah bas melintas laju. Di dalamnya dipenuhi wanita-wanita muda. "Ke mana mereka dibawa pergi?" Aku bertanya sambil jariku

masuk, loceng isy
datang. Wan
berbual
bang
saya
Kalau tidak dengan

reka dibawa ke Hat Yai untuk
jaga penyakit. Kerana tempat
iti penyakit. Kalau tidak dikawal,
an dan menakutkan pelancong luar
elancong luar bererti menjejaskan
di negara." Jelasnya macam pakar

Men... a ekonomi manusia boleh terjerumus ke
lembah yang hu... Sanggup menjual anak kandung sendiri.
Bahkan kerana tidak adanya suatu ukuran yang tetap,
objektif dan mutlak bagi kebenaran. Sepatutnya hal-hal
seperti inilah yang perlu diperjuangkan oleh pertubuhan
pembebasan wanita atau pertubuhan hak asasi manusia.
Lainlah kalau ianya berada dalam satu pemerintahan di
bawah naungan ideologi agama yang kukuh. Mampu
memberikan kehidupan kepada rohani dan jasmani insan,
sesuai dengan tuntutan naluri dan tabii insan itu sendiri.

Tanpa disedari bas yangku naiki sudah sampai ke
bandar Hat Yai. Penumpang-penumpang sudah mulai
turun. Wanita yang tadinya duduk di sebelahku pun turun.
Turun bersama seorang lelaki pelancong. Sambil berbual
mesra ia menoleh kepadaku. Aku bertanya, "Mahu ke
mana pula?"

"Ke mana lagi..." Katanya sambil mengerdip sebelah
matanya kepadaku, tanpa dilihat oleh teman pelancongnya,
"Ke hotellah!!"


"Selamat jalan!" Kataku, kerana dia sudah dapat apa
yang dia mahu dan aku pun sudah selamat daripadanya.
Alhamdulillah...



Dari kiri Sdr. Omar Othman seorang tokoh Parti Rakyat Malaysia, penulis sendiri, Haji Abdul Hadi Awang, Ustaz Hamdan Abdul Rahman Pesuruhjaya PAS Negeri Pulau Pinang dan Ustaz Badruttamam, dalam majlis ceramah di Permatang Pasir Balik Pulau pada 31 Januari 1993.



Penulis selaku Pengerusi Lujinah Ekonomi dan Pembangunan PAS Negeri Pulau Pinang melancarkan 'Mini Telekom Labuh' berjenama 'Sholehah' keluaran dan adaran Lunjah Ekonomi PAS Kawasan Balik Pulau pada...



Buku "Antara Wawasan Dan Jumud" oleh YB Haji Abdul Hadi Awang terbitan Lujnah Penerangan Dan Dakwah PAS Kawasan Balik Pulau juga dilancarkan oleh Pesuruhjaya PAS Negeri Pulau Pinang pada 31 Januari 1993.

Lampiran III

DILAMPIRKAN juga tulisan Koleksi Bahagian Penerangan Majlis Agama Islam Pulau Pinang Dan Seberang Prai dalam majalahnya 'Al-Hijrah' Rabiul Awal 1405 berasamaan Disember 1984, edisi jawi bertajuk:

'Sejarah Perkembangan Dan Kemajuan Islam di Pulau Pinang.'

Menurut catatan sejarah orang-orang Islam merupakan orang-orang yang mula-mula sekali membuka Pulau Pinang sebagai sebuah pusat persinggahan bagi pedagang-pedagang dari Kepulauan Melayu, Benua India dan Semenanjung Arab.

Apabila Francis Light menjejakkan kakinya di Pulau Pinang pada tahun 1786 Masihi, beliau mendapat lebih dari 70 peratus penduduk yang tinggal di Pulau Pinang terdiri dari ummat Islam, termasuk seorang saudagar keturunan Arab yang kaya, Tunku Syed Husin bin Syed Abdul Rahman Aidid, yang mempunyai hubungan rapat dengan Sultan Kedah pada masa itu.

Perlu disebutkan bahawa orang-orang Melayu pada zaman silam memang terkenal sebagai satu bangsa pedagang dan pelayar yang amat dikagumi. Orang-

orang Melayu telah belayar sampai ke timur dan barat, Rom, Madagaskar dan Sri Lanka. Hubungan dagang antara Semenanjung Tanah Melayu dengan dunia luar memang sudah terjalin. Ini dapat dibuktikan dengan adanya masyarakat Melayu di Madagaskar, Sri Lanka, Afrika Selatan dan di New York.

Hubungan dagang juga telah memainkan peranan penting dalam kemajuan dan perkembangan Islam di nusantara, di mana peranan orang-orang Arab dan India amat nyata sekali. Hubungan orang-orang Arab yang begitu lama dengan keperluan Melayu berjalan dengan baik sejak sebelum Masihi lagi. Orang-orang Arab terutama dari Hadramaut dan Masqad, pernah sampai ke Tanah Melayu dan Sumatera ketika berdagang dengan India dan Sri Lanka. Seorang pentafsir Al-Quran, At-Thobari pernah mengeluarkan kenyataan bahawa hubungan Arab dengan Cina terpaksa melalui Kepulauan Melayu.

Ulama terkenal Bapak Professor Hamka, pernah menyebut bahawa dalam tahun Masihi 674 sudah ada perkampungan orang-orang Islam Arab di Sumatera Barat yang berhampiran dengan Pulau Pinang (Kedah). Malahan pada waktu itu, hubungan dagang antara Kedah dan Sumatera telah sedia ada. Terdapat perkampungan Arab di Sumatera Barat pada masa itu, menguatkan lagi pendapat yang berkata Islam memasuki Tanah Melayu secara sedikit-sedikit melalui Kedah (termasuk Pulau Pinang yang merupakan sebahagian dari negeri Kedah pada masa itu).

Perlu disebutkan bahawa kerajaan Islam di Timur Tengah pada waktu itu (674-675 Masihi), diketuai oleh

Khalifah Muawiyah bin Abu Sufian dan Khalifah Abdul Malik bin Marwan (684 Masihi), di mana orang-orang Arab telah mula menguasai pusat-pusat perniagaan timur barat dan bersama-sama mengembangkan syiar Islam termasuk ke Tanah Melayu. Ini dapat dibuktikan dengan penemuan tembikar Yunani yang berumur 500 tahun sebelum Masihi dan penemuan dua keping dirham Baghdad pada tahun 848 Masihi (zaman Al-Muwakkil) di Kedah. Pada masa itu juga orang-orang Arab telah pun mula menetap di Kedah dan mengembangkan Islam di negeri itu. Memandangkan pada waktu itu Pulau Pinang merupakan sebahagian dari negeri Kedah, maka pada waktu yang sama Islam turut dibawa ke Pulau Pinang oleh orang-orang Arab yang menetap di Kedah dan orang-orang Kedah sendiri yang berpindah atau mengunjungi sanak saudara di Pulau Pinang.

Ibnu Qardazbiah (846 M), seorang pelaut dari pengembang Arab telah membuat catatan yang menunjukkan Kedah telah pun mempunyai masyarakat Islam dan bandar yang besar. Selepas kemasukan orang-orang Arab, perkembangan Islam menjadi semakin hebat dengan kemasukan orang-orang Farsi dan Hindustan ke Tanah Melayu, terutama sekali ke Kedah (Pulau Pinang) jauh lebih awal dari kemasukan Inggeris (Francis Light) yang disifatkan sebagai 'telah membuka Pulau Pinang' pada tahun 1786 Masihi.

Bagaimanapun kedatangan Inggeris ke Pulau Pinang telah membantu merancakkan perkembangan Islam menerusi perpindahan orang-orang Islam (Melayu) dari Kedah, Perlis (sebahagian dari Kedah), Perak dan

Acheh ke Pulau Pinang yang mula menjadi terkenal sebagai pusat dagangan dan persinggahan yang terkemuka di timur. Perkembangan Islam di Pulau Pinang tidak dapat dipisahkan dengan Kedah dan apabila mengkaji sejarahnya, peranan orang-orang Arab dan India (pedagang Islam dan Farsi) tidak dapat disangkalkan.

Di Pulau Pinang, peranan orang-orang Arab dan India berhubungan dengan kemasukan Islam masih dapat dilihat hingga ke hari ini. Pembinaan masjid-masjid termasuk Masjid Melayu, Masjid Kapitan Keling, Masjid Nagor (maqam), Masjid Langgar dan wujudnya perkampungan Arab (Syed), merupakan kesan-kesan sejarah yang mempunyai hubungan awal tentang kemasukan dan perpindahan Islam ke Pulau Pinang.

Pembinaan Masjid Dan Sejarahnya.

Sejajar dengan kemasukan dan perkembangan Islam ke Pulau Pinang, pembinaan masjid yang melambangkan kesucian, kemuliaan dan perpaduan Islam tidak dapat dipisahkan di Pulau Pinang. Pembinaan masjid bermula serentak dengan kemasukan Islam. Masjid-masjid yang dibina daripada kayu dan atap terdapat pada waktu itu di Batu Uban, Sungai Pinang, Lebuh Acheh, Kelawai dan Bayan Lepas. Di Tanah Besar (Seberang Prai) memang sedia ada di setiap perkampungan orang-orang Melayu. Antara masjid-masjid yang dibina awal dan masih mempunyai kesan sejarah hingga ke hari ini ialah masjid-masjid Melayu di Lebuh Acheh (Acheen Street), Masjid Kapitan Keling, Masjid Nagor (maqam), Masjid Haji Abdul

Qader Alam di Lebu Chulia, Masjid Lama di Lorong Burma (Burma Lane) dan Masjid Sheikh Yusuf di Jalan Ayer Hitam.

Masjid Melayu di Lebu Aceh menurut sejarah, dibina sebelum askar-askar Sepoi, Habidar dan Jimadar yang didatangkan oleh Syarikat India Timur (East India Company) ke Pulau Pinang(yang) mula membina sebuah masjid dari atap di tapak Masjid Kapitan Keling sekarang. Masjid Melayu dibina dan diwaqafkan oleh Tunku Syed Husin bin Syed Abdul Rahman Aidid antara tahun 1792-1796 Masihi, sedangkan Masjid Kapitan Keling didirikan pada tahun 1801 Masihi. Masjid Melayu merupakan salah sebuah masjid tertua yang melambangkan perkembangan Islam di Pulau Pinang yang masih kukuh hingga ke hari ini. Masjid Melayu juga telah memainkan peranan penting dalam beberapa upacara rasmi Islam bersama Masjid Kapitan Keling sebelum sebuah Masjid Negeri dibina di Pulau Pinang.

Sejarah pembinaan Masjid Kapitan Keling lebih nyata memandangkan peranan yang dimainkan oleh pihak Inggeris yang memerintah pada waktu itu. Mengikut sejarah, askar-askar Sepoi, Habidar dan Jimadar yang berkhidmat dengan Inggeris telah diberi kebenaran untuk membersihkan sebidang tanah sebagai tapak pembinaan sebuah masjid dan tanah perkuburan Islam dalam tahun 1796-1798 Masihi. Masjid tersebut dibina daripada atap dan merupakan masjid yang pertama dibina di tapak Masjid Kapitan Keling. Bagaimanapun masjid yang dibina daripada atap itu didapati tidak sesuai dan perlu diganti dengan sebuah

masjid yang dibina daripada batu.

Gabenor Philips telah membenarkan pembinaan masjid daripada batu di tanah yang didirikan oleh kerajaan, dan daya usaha untuk pembinaan masjid itu diambil oleh seorang saudagar Malbari yang terkenal, Qader Maidin. Beliau telah berusaha mengumpulkan sumbangan daripada masyarakat Islam yang terdiri daripada orang-orang Arab, India, Aceh dan Melayu untuk membina sebuah masjid yang besar, yang kemudian dikenali sebagai Masjid Kapitan Keling pada tahun 1801.

Memandangkan Qader Maidin mempunyai kebolehan sebagai seorang pemimpin dan kedudukannya yang kaya di kalangan masyarakat Islam pada waktu itu, pihak Inggeris telah melantik beliau sebagai Kapitan Keling atau ketua bagi masyarakat Chulia yang kebanyakannya tinggal di Lebu Malabar (Lebu Chulia sekarang) dan sekitarnya pada tahun 1801. Dengan terbinanya Masjid Kapitan Keling, ianya telah melambangkan kesucian dan kemegahan Islam di Pulau Pinang hingga ke hari ini. Masjid Kapitan Keling juga melambangkan kerjasama dan perpaduan ummat Islam yang turut sama terlibat dalam pembinaanya dengan diketuai oleh Qader Maidin.

Lain-lain Masjid yang turut sama memainkan peranan dalam perkembangan Islam di Pulau Pinang ialah Masjid Langgar di Lebu Pantai (Beach Street) yang dibina oleh Syed Abdul Rahman bin Muhammad Balfaqiah (menantu Tunku Syed Husin) pada tahun 1850, Masjid Haji Abdul Qader Alam yang dibina oleh beliau sendiri pada tahun 1811, Masjid Jelutung yang

dibina oleh Nakhuda Kecil pada tahun 1798 dan masjid-masjid lain yang banyak terdapat di Pulau Pinang awal tahun 1800 dan sebelumnya.

Penubuhan Sekolah-sekolah Agama. Kemajuan dan perkembangan Islam di Pulau Pinang tidak dapat dipisahkan daripada peranan penting yang dimainkan oleh sekolah-sekolah agama rakyat, madrasah atau pondok-pondok. Melaluinyalah tokoh-tokoh agama dan pengembang-pengembang Islam telah menanamkan semangat keislaman kepada orang-orang Melayu dan masyarakat Islam lain di negeri ini. Madrasah-madrasah dan pondok-pondok dibuka dimerata tempat di seluruh Pulau Pinang untuk memberi pelajaran yang sempurna mengenai Islam kepada masyarakat.

Salah sebuah daripada madrasah yang telah memainkan peranan penting ialah Madrasah Mashhor Al-Islamiah Pulau Pinang. Madrasah ini sekarang telah diambil alih oleh Kementerian Pelajaran dan dikenali sebagai Sekolah Menengah Agama Al-Mashhor. Madrasah ini diasaskan pada tahun Masihi 1916 dengan dikenali sebagai Madrasah Al-Quran dan mempunyai tugas utama untuk mengajar bacaan Al-Quran dan memberikan pelajaran fardhu ain. Madrasah Al-Quran ditempatkan di Masjid Melayu Lebuh Aceh, dengan mempunyai murid seramai 16 orang dan guru pertamanya ialah Allahyarham Syed Abdul Rahman Al-Habshi.

Di antara pengasas-pengasas madrasah tersebut ialah Syed Mahadhir Aidid, Syed Umar Al-Mahadhir, Syed Umar As-Saqof, Sheikh Hasan Al-Baghdadi, Sheikh Ali Bawazar dan Sheikh Al-Haji Zakaria. Madrasah itu

semakin hari semakin mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari masyarakat Islam di manabilangan muridnya telah berlipat ganda. Pada tahun 1918 madrasah tersebut telah dipindahkan ke Kampung Jawa untuk menampung keperluan yang semakin bertambah. Mata-mata pelajaran agama dan bahasa Arab telah dititik beratkan. Nama madrasah itu juga telah ditukarkan daripada Madrasah Al-Quran kepada Madrasah Mashhor Al-Islamiah, kerana mengambil sempena Habib Mashhor, seorang penghulu yang terkemuka dan terkenal di Pulau Pinang (Jelutong) pada masa itu.

Untuk memenuhi kehendak yang semakin bertambah, madrasah tersebut telah dipindahkan ke Lebu Tek Soon (dahulu dikenali sebagai Jalan Pokok Ru) dengan bantuan dan kerjasama Haji Bachik, Maidin Shah dan Haji Krua serta beberapa orang yang lain. Rumah dan tapak asal di Lebu Tek Soon ialah kepunyaan Haji Bachik, seorang hartawan Melayu yang berasal dari Melaka. Antara guru besar dan guru-guru yang pernah mengajar di madrasah tersebut ialah Syed Sheikh Al-Hadi, Sheikh Muhammad Razi, Syed Ahmad Dahlan, Abdul Rahman Firdaus, SyedAli Al-Zahir, Ustaz Yusuf Nawasi, Ahmad Al-Hadi, Syeikh Tahir Jalaluddin Al-Falki, Syed Alwi Al-Hadi, Said Abdullah Maghribi, Al-Hafiz Ghalam Sarwar dan ramai lagi tokoh-tokoh terkemuka pada waktu itu.

Setahun demi setahun, Madrasah Mashhor telah meningkat maju, di mana bahagian puteri telah ditubuhkan pada tahun 1934 oleh Sheikh Abbas Bakar Rafiq yang pada mulanya ditempatkan di rumah beliau

sendiri di Jalan Macalister. Bahagian puteri kemudiannya dipindahkan ke tempatnya sekarang di Jalan Lunas pada tahun 1936. Projek pembinaan Komplek Tun Abdul Razak telah melibatkan Madrasah Mashhor di Lebu Tek Soon yang terpaksa dipindahkan kelak. Kerajaan Negeri telah menguntukkan sebidang tanah di Jalan Ayer Hitam berhampiran Masjid Negeri dan pembinaan bangunan baru sedang diselenggarakan oleh Jabatan Kerjaraya. Pentadbiran Sekolah Menengah Al-Mashhor sekarang diambil oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Bahagian Pelajaran Agama).

Dalam usia 64 tahun Madrasah Al-Mashhor telah menghasilkan ribuan pelajar yang bertaburan di seluruh tanahair. Terdapat di antara murid-murid tuanya yang telah mencapai kejayaan cemerlang memegang jawatan-jawatan penting di dalam dan diluar negara. Di negeri pulau Pinang ini juga terdapat beberapa buah sekolah agama yang dahulunya dikenali sebagai pondok. Di antara yang terkemuka ialah Madrasah Khairiah di Pokok Sena, Darul Ulum di Bukit Mertajam dan sekolah agama yang terbesar di Seberang Prai Dairatul Maarif Al-Wataniah di Kepala Batas dan Al-Masriah di Bukit Mertajam.

Penubuhan Majlis Agama Islam Dan Jabatan Hal Ehwal Agama.


Majlis Agama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Agama ditubuhkan dalam tahun 1959 dengan berdasarkan tujuan-tujuannya seperti berikut:

Jabatan ini adalah bertanggung jawab bagi mentadbir


hal yang bersangkutan dengan Agama Islam dalam negeri ini menurut undang-undang pentadbiran Agama Islam tahun 1959 bagi meninggi dan mengembangkan ajaran serta amalan sejajar dengan Agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia dan Yang Dipertua Agung sebagai ketua Agama islam dalam Negeri Pulau Pinang ini dan yang keduanya ialah memberi perkhidmatan kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Seberang Prai yang ditubuhkan untuk menasihati Yang Dipertua Agung dalam perkara yang bersangkutan dengan Agama Islam.

Dengan wujudnya Majlis Agama Islam dan terbentuknya Jabatan Hal Ehwal Agama, maka ia telah membolehkan negeri ini mempunyai seorang Yang Dipertua, Mufti, Kadi Besar dan seramai enam kadi daerah dan dua puluh empat naib-naib kadi, setiausaha dan pegawai-pegawai tadbir yang bertanggungjawab mengendalikan semua urusan yang bersangkutan dengan pentadbiran dan perjalanan hal ehwal Agama Islam di negeri ini.

Negeri ini mempunyai sebanyak 176 buah masjid jamek dan 69 buah sekolah agama rakyat dan 176 qariah. Majlis agama Islam adalah bertanggung jawab mengendalikan syarahan-syarahan umum, ceramah-ceramah dan kursus-kursus kepada semua lapisan masyarakat Islam di negeri ini dengan bertujuan meningkatkan syiar Islam. Di antara kursus-kursus yang diadakan seperti berikut: Membaca Al-Quran, bakal-bakal haji, dakwah, pegawai-pegawai masjid, pegawai-pegawai qariah, nikah kahwin dan mandi mayat.



Lambang penjajahan Inggris di Pulau Pinang dengan mengenepikan 70% penduduk Islam asal pulau tersebut.



1950-2000 Sejarah Kebangkitan Dan Masa Depan PAS Kuasai Malaysia?

Lampiran IV

MEMANDANGKAN buku ini boleh dijadikan sebagai bahan sejarah seperti juga buku yang terdahulu tulisan Ibnu Hasyim, maka bersama-sama ini juga dilampirkan ulasan buku tersebut:

**Akhbar Harakah Isnin 15 Mac 1993 menyiarkan;
'PAS MAMPU KUASAI MALAYSIA'**

Nama Buku : 1950-2000 Sejarah Kebangkitan Dan Masa Depan PAS Kuasai Malaysia?

Penulis : Ibnu Hasyim Penerbit: GG Edar, Kuala Lumpur.

Tebal : 672 muka surat

Harga : RM 19.50

Pengulas : Ibnu Yusof.

Dalam kerangka matlamat yang telah disimpulkan oleh As-Syahid Imam Hasan Al-Banna, iaitu Allah matlamat kami, Rasul pemimpin kami, Al-Quran perundangan kami, jihad jalan kami dan syahid cita-cita kami, buku ini dilahirkan sebagai lanjutan usaha mendakwahkan kefahaman Islam ke gelanggang

masyarakat.

Penulis buku ini membahagikan tiga peringkat kebangkitan PAS. Peringkat pertama dimulai oleh pengasasnya, Haji Ahmad Fuad Hassan sejak dari penubuhan jawatankuasa penaja pada Februari 1950 di Muar Johor, sehingga tertubuhnya PAS di Kelab Melayu Bagan Butterworth pada Ogos 1951.

Seterusnya PAS mengembangkan sayapnya dari Perlis hingga ke Singapura, dari Pantai Barat hingga ke Pantai Timur Semenanjung. PAS terus bangkit dengan kekuatan untuk membebaskan diri menyebabkan terputusnya belunggu dari UMNO dan pertubuhan-pertubuhan politik yang lain. Peringkat kebangkitan kedua pula di bawah kepimpinan Dr. Burhanuddin Helmi dan Timbalannya Professor Zulkifli Muhammad yang mengambil alih kepimpinan pada Disember 1956. Di bawah kedua-dua tokoh itu, sayap PAS terus berkembang sehingga menggelapkan pengaruh UMNO di Kelantan dan Terengganu.


Pada ketika itu, berbagai rintangan terpaksa dilalui oleh PAS hingga ke tahap pembunuhan Ketua Pemuda, Abdul Samad Gol Ahmad semasa menyampaikan ceramah, kemalangan yang meragut nyawa Professor Zulkifli dan penahanan Dr. Burhanuddin yang akhirnya meninggal dunia dalam tahun 1969.

Kebangkitan PAS peringkat ketiga pula bermula dari kepimpinan ulama di bawah Tuan Haji Yusof Rawa pada tahun 1982. Fajar kebangkitan PAS terus menyinsing bersama-sama kepimpinan Ustaz Fadzil Noor pada tahun 1989 hingga sekarang. Dalam era ini,

kubu PAS yang ranap di Kelantan berjaya dibina kembali melalui pilihanraya umum pada tahun 1990.

Penulis optimis, fajar kebangkitan PAS peringkat ketiga terus menyinsing dan membelah kegelapan ranjau politik Malaysia yang amat mencabar, kerana berdasarkan senario politik hari ini dengan berlakunya pertarungan dasar dan strategi parti- parti politik yang ada.

Menurut penulis, PAS terpaksa melalui dua pertarungan di antara parti-parti pembangkang untuk menghadapi komponen parti-parti pemerintah sama ada di peringkat negeri mahupun kebangsaan. Pertarungan kedua adalah antara parti-parti Melayu dan Islam, khususnya PAS dan Semangat 46 dengan UMNO.



Penulis dihari penamaan calon pilihanraya umum 1986 di Balik Pulau, Pulau Pinang.



Penulis (kiri) sedang berbincang dengan Tengku Razaleigh di peringkat awal kewujudan Angkatan Perpaduan Ummah, di Kuala Lumpur.

**ISTIMEWA UNTUK
PEMBACA BUKU INI!!**

POTONGAN 20%

POS PERCUMA (*Di Malaysia dan Singapura sahaja*)

Buku-buku tulisan Ibnu Hasyim

- 1) Tajuk : **PERSONALITI MUSLIM**
Tebal : 248 halaman
Harga : RM10

- 2) Tajuk : **PERSONALITI PERKAHWINAN**
Tebal : 286 halaman
Harga : RM10

- 3) Tajuk : **1950-2000
Sejarah Kebangkitan
dan Masa Depan:
PAS KUASAI MALAYSIA?**
Tebal : 672 halaman
Harga : RM19.50

- 4) Tajuk : **Konflik UMNO, PAS
Satu Penyelesaian Menurut
ISLAM**
Tebal : 208 halaman.
Harga : RM10.00

Pesan terus kepada:

GG Edar
28, Jalan Pahang Barat,
Off Jalan Pahang,
53000 Kuala Lumpur.